



Sepasang Sayap Jelita

Sebuah Kumpulan Cerpen

HASYUDA ABADI

SEPASANG SAYAP JELITA

**Kumpulan Cerpen
HASYUDA ABADI**

Cetakan pertama 2004

© Hasyuda Abadi 2004

Laman Web – <http://webhasyuda.tripod.com>

Emel – hasyuda@yahoo.com

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarang dan Penerbit. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kumpulan Cerpen: Sepasang Sayap Jelita/Hasyuda Abadi

Hasyuda Abadi, 1960-

ISBN 983-41854-0-5

1. Short stories, Malay. 2. Malay fiction. I. Judul.

Diterbitkan oleh

INSTITUT PENILAIAN SASTERA,

No.5, Tingkat 2, Lorong Inanam 6,

Batu 6 Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.

Dicetak oleh

PERCETAKAN KELOMBONG RIA SDN BHD,

Lot 29-34, Kian Yap Industrial Estate,

Phase 1, Lorong Durian 3,

Mile 5 ½ 88450 – Kolombong, Kota Kinabalu, Sabah.

Dengan ingatan yang abadi:
Allahyarham Pengiran Haji Abbas Pengiran Hassan
Hajah Kamsinah Dulkaseh
Haji Hussin Ripan
Hajah Subiah Sidek
Yazidah Yau Abdullah dan anak-anak
Serta sesiapa jua yang membaca fikiranku...

Kandungan

Pemanis Rasa, Pembuka Kata

Sepasang Sayap Jelita

<i>Aduhai Dayang Sarah</i>	1
<i>Laut Masih Bercahaya</i>	8
<i>Citra Tidak Berakhir di Sini</i>	15
<i>Ketika Semakin Menjauh</i>	22
<i>Bagai Dedalu</i>	31
<i>Di manakah Laila?</i>	41
<i>Menanti Teduh Hujan</i>	48
<i>Sepasang Sayap Jelita</i>	55
<i>Sireggi, Kekasihku</i>	61
<i>Rama-Rama Ditinggalkan Pasangannya</i>	68
<i>Maruah Harith</i>	74

Seberkas Idea Tentang Pohon

<i>Seberkas Idea Tentang Pohon</i>	82
<i>Diideakan Tentang Sesuatu yang Melompat</i>	85
<i>Kepala, Kepala</i>	89
<i>Hanya Namanya Khartizah</i>	94
<i>Besi@Debu@Sebuah Kebosanan</i>	100
<i>Ekor</i>	105
<i>Sahabat Saya yang Hilang</i>	109
<i>Seniman</i>	114
<i>Memilih Diam</i>	119

Pemanis Rasa, Pembuka Kata

SEBAGAI salah satu kecenderungan dalam bidang penulisan kreatif kekerapan menghasilkan cerpen tidaklah serancak menulis puisi. Dalam tempoh dua dekad (1979-2003) saya hanya berupaya menghasilkan 40 buah cerpen sahaja berbanding puisi yang sudah ratusan jumlahnya. Namun begitu, ini bukan bererti penulisan cerpen menjadi bidang penulisan kreatif sisipan semata-mata. Malah saya sentiasa beranggapan bahawa cerpen adalah wacana terbaik untuk menyampaikan sesuatu amanat yang berkesan kepada khalayak pembaca sebagai sasaran utama apabila sesebuah karya itu mampu diperhalusi dengan bijaksana.

Sesuai dengan konsep cerpen sebagai cereka yang pendek dan padat, yang dibina oleh persoalan yang maksimum, jumlah watak yang kecil dan suasana latar yang terhad, cerpen tentu saja berupaya melayarkan bahtera pemikiran kita ke mana saja dengan tenang. Apatah lagi sekiranya kita mampu menghidupkan persoalan dalam sesebuah cereka itu dengan kelestarian unsur-unsur falsafah, jati diri dan sebagainya, saya yakin cerpen bukan semata-mata menjadi bahan bacaan formal tetapi lebih hebat daripada itu apabila kita percaya bahawa cerpen boleh memecahkan persoalan kehidupan insan.

Dalam **Kumpulan Cerpen Sepasang Sayap Jelita** ini, saya telah menyatukan 20 buah cerpen eceran saya yang ditulis pada sekitar tahun 1995 hingga tahun 2003 yang disiarkan dalam media-media massa tempatan seperti *Harian Ekspres*, *Utusan Borneo*, *Borneo Mail* dan *New Sabah Times*. Sebuah cerpen berjudul 'Bagai Dedalu' dimuatkan dalam Kumpulan Cerpen Rantau Utara terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam. Semua cerpen tersebut merupakan percikan dari

kolam kreatif yang menjadi cermin olahan saya hasil bacaan terhadap karya-karya para sasterawan terkenal tanah air seperti Sasterawan Negara (SN) Dato' Shahnnon Ahmad dan SN Dato' A.Samad Said. Saya begitu menggemari corak dan ragam penulisan Dato' Shahnnon Ahmad yang berani. Demikian juga novel-novel Dato' A.Samad Said yang amat berjaya melakarkan latar di dalam cereka-cereka yang dihasilkannya menjadi lebuhraya kreativiti yang amat berguna. Saya berharap kehadiran buku ini juga akan menambahkan lagi khazanah kesusasteraan Melayu tanah air.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Ismail Abbas, Puan Hajah Zaiton Haji Ajamain, Dr. Ramli Isin dan Tuan Haji Hamzah Hamdani yang bertanggungjawab memberikan panduan, bimbingan dan perangsang di peringkat awal sehingga saya berjaya menulis cerpen dengan baik. Begitu juga kepada rakan-rakan di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan di Ikatan Penulis Sabah (IPS) khususnya sahabat-sahabat karib saya, saudara Jasni Yakub, saudara Abd Naddin Haji Shaiddin, Puan Sahara Jais, Puan Oneh Latifah Osman dan saudara Liberia Stephen Arkadious (Robby A), yang menjana kekuatan azam saya untuk menerbitkan kumpulan cerpen ini.

Hasyuda Abadi,
Kota Kinabalu.
20 Julai 2004

Sepasang Sayap Jelita

Aduhai Dayang Sarah

PAK BRAHIM bersandar di atas kerusi batu itu di bawah lampu yang terang. Beberapa orang anak muda lelaki dan perempuan melintas di hadapannya. Dia ingin menahan dan bertanya kepada anak-anak muda itu. Tetapi dia sendiri yakin pula anak-anak muda itu tentu tidak dapat memberikan jawapan.

Di hari pertama dia tiba di bandar raya itu, dia menuju ke kampung Air, mencari seorang yang bernama Mansor, teman lamanya yang dia sendiri tidak pasti sama ada masih hidup atau sudah mati. Apabila dia tiba di kawasan kampung itu, kampung itu sudah tiada lagi. Yang ada di situ hanyalah bangunan-bangunan batu. Kata orang yang ditemuinya di situ, semua penduduk kampung itu telah lama dipindahkan ke flat-flat yang bertabur di Bandaraya Kota Kinabalu dan bandar-bandar yang berhampiran seperti Tanjung Aru, Sembulan dan Telipok. Dan kebanyakan orang yang ditemuinya itu bukan sahaja tidak tahu flat mana Mansor dipindahkan, bahkan mereka tidak tahu-menahu siapakah Mansor itu.

Tetapi itu tidak penting. Pak Brahim tidak kecewa kalau dia tidak bertemu dengan Mansor. Yang penting baginya sekarang ialah Dayang Sarah. Dayang Sarah yang pernah berlakon sebagai heroin di dalam sebuah cerita bangsawan di Kampung Air pada tahun 1950-an dahulu. Dayang Sarah berketurunan Melayu-Bajau waktu itu berumur 16 tahun. Sedang dia sendiri berumur 27 tahun. Sewaktu berumur 28 tahun dia meninggalkan Jesselton, nama bandar raya Kota Kinabalu waktu

itu, merantau ke Sarawak kemudian ke negeri-negeri di Utara Tanah Melayu.

"Maaf saudara, boleh saya tumpang bertanya?" Tiba-tiba dia menahan seorang lelaki yang melintas perlahan-lahan di hadapannya. Lelaki yang bertongkat itu berhenti.

"Saudara asal orang Sabah?"

"Ya."

"Adakah siapa-siapa saudara kenal yang bernama Dayang Sarah?"

"Dayang Sarah?"

"Ya, Dayang Sarah," orang tua itu mengerut dahi. Kemudian dia menggeleng-geleng kepalanya beberapa kali. Jelas sekali di wajahnya tersirat dengan tanda-tanda pertanyaan.

"Dia tinggal di mana?"

"Maafkan saya. Saya sendiri tidak tahu di mana dia tinggal. Saya cuma mengadu nasib, kalau-kalau saudara kenal dia."

"Kalau begitu susah juga," orang tua itu masih lagi mengerut dahi. Tetapi wajahnya kelihatan tenang.

"Ya, memang agak susah. Sudah enam hari saya menjelajah ke segenap penjuru di bandar raya ini. Saya telah bertanya kepada lebih seratus orang. Tak siapa yang tahu."

"Saudara datang dari mana?"

"Saya datang dari Kuala Kangsar Perak, utara Semenanjung."

"Siapa Dayang Sarah?"

"Dia kawan baik saya masa muda-muda dulu. Saya juga berasal dari bandar ini. Tetapi saya jadi perantau, terus menetap di sana."

"Begitu, sudah berapa tahun di sana?"

"Sudah lama betul. Saya ke sana semasa umur saya 30 tahun. Saya berkahwin di sana dan mendapat dua orang anak lelaki. Tetapi anak-anak saya itu meninggal dunia empat tahun sudah kerana terlibat dengan kemalangan jalan raya. Dan baru

dua tahun yang lepas isteri saya pula meninggal." Orang tua bertongkat itu memerhati Pak Brahim dari atas ke bawah, dari bawah ke atas. Rasa simpatinya terhadap Pak Brahim menjelma serta-merta. Dia mempelawa Pak Brahim duduk semula. Dia duduk di sebelah kanan Pak Brahim. Kepalanya diasak oleh pertanyaan-pertanyaan.

"Kalau begitu saudara tentu ada keluarga di sini."

"Saya tidak pasti. Sewaktu saya tinggalkan bandar ini dahulu emak dan bapa sudah tidak ada. Saya sendiri hanya seorang diri. Tidak ada adik-beradik. Yang ada dalam ingatan saya hanya Dayang Sarah. Saya kira dia seorang saja yang bernama Dayang Sarah di daerah ini, maksud saya di bandar raya ini. Dan saya yakin dia masih ada."

"Tidak ada orang lain lagi?"

"Ada, namanya Mansor. Dulu dia tinggal di Kampung Air. Saya telah pergi ke sana. Saya bertanya-tanya orang di sana. Bukan sahaja Mansor yang tidak ada tetapi Kampung Air itu pun sudah tidak ada lagi. Kata mereka hanya tinggal nama, itu pun dalam peta."

"Mansor, Kampung Air?" Kerutan dahi orang tua itu semakin ketara. Dia menghala mukanya benar-benar bertentangan dengan muka Pak Brahim. Darah Pak Brahim tersirap serta-merta.

"Mansor bin?"

"Saya tidak tahu."

"Isterinya?"

"Juga, saya tidak tahu. Waktu saya pergi dulu dia belum berkahwin."

Orang tua itu mengganggu beberapa kali. Dengan tidak sedar Pak Brahim bangun dari tempat duduknya. Matanya terbuka luas di bawah lampu yang terang itu.

"Saudara kenal Mansor?"

"Saya kenal Mansor yang tinggal di Kampung Air itu. Tapi saya tidak pasti adakah itu Mansor yang saudara

maksudkan."

"Ada lagi orang lain yang bernama Mansor di Kampung Air?"

"Tidak ada, yang saya tahu dia seorang."

"Kalau begitu tolonglah saudara bawa saya menemuinya sekarang." Pak Brahim bingkas, tidak sabar.

"Begini saudara, kalaulah benar Mansor itu yang saudara maksudkan, saya turut bersedih."

"Kenapa saudara?"

"Mansor yang itu telah meninggal lebih kurang empat atau lima tahun dulu, sewaktu kami sibuk-sibuk berpindah."

"Ya, Allah! Isterinya saudara?"

"Isterinya juga telah meninggal. Tiga tahun lebih awal."

Pak Brahim menutup mukanya dengan kedua-dua belah tangannya. Sebentar kemudian dia membuka kembali. Dia bernafas kasar dan panjang. Dia yakin itulah Mansor yang dicarinya. Tetapi dia masih dapat bertahan. Biarlah Mansor sudah tidak ada. Dia mahu Dayang Sarah. Kedatangannya ke Bandar raya Kota Kinabalu semata-mata untuk Dayang Sarah. Dia sendiri tidak tahu kenapakah dirinya seperti dipaksa-paksa untuk mencari Dayang Sarah. Sedangkan dia sendiri tidak pasti Dayang Sarah masih hidup atau telah mati.

"Apa hubungan saudara dengan Mansor?" Tanya orang itu lagi.

"Kami hanya bersahabat. Sewaktu muda-muda dulu dia sering mengarah cerita bangsawan. Saya dan Dayang Sarah selalu sahaja memegang peranan yang penting. Kalau dia masih ada, saya yakin dia tahu di mana Dayang Sarah berada sekarang ini." Pak Brahim menyapu-nyapu mukanya beberapa kali. Dia seperti di dalam keadaan yang cemas. Orang tua itu juga menyapu-nyapu mukanya beberapa kali. Dia juga seperti di dalam keadaan yang cemas.

"Saya tahu hasrat saudara masih belum berhasil. Saya tidak mahu mengganggu saudara. Tetapi sebelum saya pergi,

bolehkah saya tahu apakah hubungan saudara dengan Dayang Sarah yang saudara cari itu?"

"Kami begitu mesra sewaktu sama-sama bermain bangsawan. Lebih daripada itu, kami telah sama-sama berjanji hendak berkahwin. Tetapi kami tidak ada jodoh. Sekarang umur saya sudah 66 tahun. Semasa umur saya kira-kira 55 tahun saya berasa seperti ditarik-tarik untuk datang. Seperti dipaksa-paksa untuk bertemu dengannya. Walaupun lebih dari suku abad saya telah melupainya. Saya datang semata-mata untuk bertemu dengannya buat kali yang terakhir. Tidak lebih daripada itu.

"Saya bersimpati dengan saudara. Saya doakan supaya saudara berjaya. Ambillah alamat rumah saya ini. Sekiranya saudara tidak juga bertemu, sebelum berangkat pulang meninggalkan bandar ini, datanglah ke rumah saya. Saya harap saudara sudi menjadi tetamu saya walaupun sekadar untuk beberapa ketika sahaja," dia mengatur langkah perlahan-lahan. Sebentar kemudian dia hilang daripada pandangan Pak Brahim.

Esoknya Pak Brahim berjalan lagi. Dia berpusing di sekitar Sutera Harbour Resort, Jalan Mustapha, Jalan Fuad, Jalan Said dan di sekitar tanah lapang berhadapan dengan Bandar Singgah Mata yang menggantikan keunikan Kampung Air tahun-tahun 50-an dulu. Dia berhenti sembahyang Asar di Masjid Pusat Bandar Raya. Lepas itu dia melanjutkan semula perjalanannya. Kembali pula ke Masjid Pusat Bandar Raya untuk bermalam. Dan esoknya pagi-pagi lagi dia mencari semula.

Hari ini hari terakhir aku di sini. Aku mesti bertemu Dayang Sarah! Aku perlu bertemu kau walau satu saat jua. Aku perlu bertemu denganmu, aduhai Dayang Sarah! Namun Dayang Sarah tidak tiba-tiba jua. Akhirnya dia membuat keputusan untuk mencari rumah Haji Burmat. Orang tua yang memberi nama dan alamat serta meminta datang menjadi tetamu itu.

Pak Brahim memanjat tangga Flat Blok 6, Grand Villa, hingga ke tingkat empat. Dia menoleh ke kiri dan ke kanan. Di

sebelah kanan dia nampak angka 66 tertempel di pintu. Dia menekan punat loceng tiga kali. Sebentar kemudian pintu itu terbuka. Haji Burmat menyambut kedatangannya dengan rasa sayu dan terharu.

"Saudara ada mendengar berita tentang Dayang Sarah?" Haji Burmat bertanya kepada Pak Brahim sebaik-baik sahaja kedua-duanya di ruang tamu.

"Tidak."

"Habis, saudara sudah mahu pulang?"

"Saya terpaksa. Saya terpaksa pulang petang ini juga ke Sarawak sebelum ke Kuala Kangsar."

Haji Burmat diam saja tetapi agak gugup. Sekali-sekala dia berasa seperti berhadapan dengan seorang peguam. Sekali-sekala dia berasa seperti berhadapan pula dengan seorang hakim. Tetapi sebagai seorang manusia yang mempunyai perasaan, sebagai seorang manusia yang jujur dan ikhlas, dia tidak menyesal mempersilakan orang tua pencari Dayang Sarah itu menjadi tetamunya.

Pak Brahim tidak berkata apa-apa tetapi matanya meliar ke arah dinding yang banyak berhias dengan gambar-gambar. Tiba-tiba matanya tertumpu kepada gambar perempuan tua, bisik hati kecilnya, tentu inilah isteri Haji Burmat.

"Maafkan saya saudara, saya tidak dapat berterus terang sewaktu kita tiba-tiba bertemu di Tugu Peringatan Perang tiga malam dulu." Haji Burmat membuka suaranya setelah lama berdiam.

"Apa maksud saudara?" Pak Brahim benar-benar cemas. Dia memerhati semula gambar perempuan tua di dinding rumah Haji Burmat.

"Sewaktu Dayang Sarah masih bermain bangsawan, saya adalah peminatnya yang setia. Berkali-kali saya cuba mendekatinya tetapi dia menolak, mengatakan dia sudah ada teman. Saya menanti dan terus menanti. Sehingga beberapa tahun, tiba-tiba saya mendengar berita ..."

"Jadi dia sudah tiada?" Pintas Pak Ibrahim cemas.

"Bersabarlah saudara, berilah kesempatan untuk saya bercerita selanjutnya."

"Ya, ya. Silakan." Pak Ibrahim angguk, akur.

"Dayang Sarah berkahwin dengan Mansor sewaktu berumur 25 tahun, barangkali selepas dia berasa tidak punya harapan untuk bertemu dengan lelaki yang membuat janji dengannya." Haji Burmat diganggu batuk-batuk kecil. Dia cuba meneruskan ceritanya.

"Tetapi jodohnya dengan Mansor tidak lama. Hanya tiga tahun. Tidak lama selepas itu Mansor berkahwin pula dengan wanita lain?"

"Lepas itu?"

"Lepas itu saya sendiri melamarnya dan dia bersetuju menjadi isteri saya. Kami berkahwin semasa umurnya 30 tahun."

"Alhamdulillah. Saya bersyukur," air mata Pak Ibrahim melimpah dengan serta-merta. Dia membiarkan air matanya menitik, setitik demi setitik. Dia sungguh bersyukur, dia sudah berada di rumah Dayang Sarah. Tetapi di manakah Dayang Sarah. Dia tidak sabar untuk melihat wajah Dayang Sarah. Dia memerhatikan lagi gambar-gambar di dinding dengan bersungguh-sungguh. Imbas-imbas wajah Dayang Sarah datang dan pergi.

"Mana Dayang Sarah? Saya tidak sabar nak bertemu dengannya."

"Ada satu perkara yang sangat penting hendak saya cakapkan. Dia selalu menyebut-nyebut nama saudara dan selalu mendoakan untuk bertemu dengan saudara walau sesaat sekalipun. Saudara, Ibrahim bukan?"

"Ya, ya. Di mana dia? Masih adakah dia?"

"Akhir sekali sebulan yang lalu sewaktu saya mahu menghantarnya ke rumah sakit, dia memberikan saya sampul surat yang berisi sekeping gambar. Dia meminta saya menyimpan gambar itu dan memberikannya kepada seorang

yang pasti akan mencarinya pada suatu masa nanti. Tentulah saudara sendiri yang dimaksudkannya, bukan?"

"Benar. Kami telah berselisih faham. Tetapi sebelum saya meninggalkan Sabah dahulu, saya telah bersumpah di hadapannya bahawa di suatu masa nanti saya akan kembali menemuinya. Tetapi itu cerita lama. Sekarang di mana dia?"

"Bersabarlah saudara. Tuhan menentukan segala-galanya."

"Jadi Dayang Sarah sudah tidak ada?"

"Kita dapat merencanakan segala-galanya. Tetapi Tuhan yang lebih berkuasa menentukannya. Saya minta maaf kerana mengahwini Dayang Sarah."

"Itu tidak penting. Yang penting saya mahu berjumpa dengan Dayang Sarah."

"Bersabarlah. Seperti saya katakan, Tuhan Maha Berkuasa."

"Jadi, isteri Tuan Haji sudah tidak ada?"

"Tuhan berkuasa memisahkan saudara dengan Dayang Sarah, masakan dia tidak berkuasa menemukannya semula."

Tiba-tiba seorang ibu dalam usia 50-an keluar dari pintu dapur, masuk ke ruang tamu. Pak Brahim terbangun dari tempat duduknya. Haji Burmat senyum lebar. Orang tua berumur 55 tahun itu terpinga-pinga.

"Inilah isteri saya, Dayang Sarah. Dia tidak tahu saudara datang," Pak Brahim tidak berupaya melahirkan sepatah kata pun. Matanya tenggelam oleh timbunan titik-titik air yang tebal.

"Sarah, ini tetamu kita yang paling istimewa dari Semenanjung. Malam nanti suruhlah cucu-cucu kita masak masakan yang enak-enak. Kita rayakan kedatangan tetamu kita ini."

Ruang tamu rumah nombor 66, Flat 6, Grand Villa, berseri-seri menyambut pertemuan dua tokoh bangsawan yang sudah 40 tahun berpisah. Pak Brahim menanggukkan kepulangannya. Dia teringatkan peristiwa pertemuan-pertemuan

keluarga melalui media massa. Teringatkan itu, pak Brahim tersenyum kerana dia telah bertemu dengan Dayang Sarah dengan caranya sendiri, menjelajah dan mengembara. Dan, malam itu, berceritalah ketiga-tiga manusia yang penuh dengan pengalaman itu hingga ke pagi.

Borneo Mail, 15 Oktober 1995.

Laut Masih Bercahaya

SESEKALI resahnya menebal tetapi pada suasana yang lain dia teguh ketika mendekati sabar. Ada unsur-unsur peribadinya yang hampir pasti mencapai peratus tabah yang teratas, menangani kehendak naluri manusia yang berbeza-beza malah lebih tegal memberikan kepuasan total, dia sudah tiada arah yang lebih kemas. Tujunya hanya satu – azam menempatkan diri pada keperibadian yang ampuh.

Akhirnya Haji Abbas duduk senang di atas kerusi rodanya, memutar roda kerusinya. Sesekali membelek-belek album kehidupannya di suatu sudut rumah antiknya. Ada jalur yang mengagumkan – dia berdiri megah di atas bukit kejayaan. Kekayaan yang melimpah ruah. Kemewahan yang menyusur galur sepanjang hidupnya. Sesekali dia berlari-lari dari lereng bukit itu, dari lembah-lembah bukit itu, dari puncak ke puncak paling mercu bukit itu. Tiada kepuasan yang lain kecuali keletihan yang nikmat.

Dalam saat-saat seperti itu dia kerap mengungkai semula cebis serpih kenangan tentang isterinya, anak-anaknya dan seluruh kerabat keluarganya kini yang telah bersekongkol dengan keperibadiannya. Mereka laksana pohon melebatkan dahan dan ranting dengan daunan tetapi tidak memberikan bunga wangi atau buah cinta yang meyakinkan. Melainkan keindahan rimbunnya, dia hanya boleh berteduh jauh dari terik matahari atau hujan renyai-renyai. Itu sahaja, tiada lain.

Alangkah angkuhnya aku? Berkaca matanya yang terperosok pada raut wajah yang semakin menipis. Kulit kendurnya kini jelas menampakkan usianya yang sudah terlalu senja. Tapi tidak nyanyuk. Haji Abbas menggerakkan kerusi rodanya. Beransur-ansur sampai di hadapan anjung rumah.

Dia berusaha mencari semula peribadi yang percaya kepada kelangsungan cita rasa orang lain. Selama mana dicurahkan sepenuhnya kepada kebijaksanaan menantunya atau terdahulu daripada kepintaran anak angkatnya. Walau sedikit tiada kesangsian, tiada kekhuatiran dan tiada kebimbangan harus difikirkannya. Setiap gerak langkah yang diatur, kata-kata yang diucapkan, diyakini. Setiap rencana yang disarankan mengandungi kebenaran, logik dan masuk akal. Walaupun ada waktu-waktu tertentu kedua-dua manusia itu menafikan kebijaksanaan masing-masing. Ishak menafikan Muhammad Taib. Muhammad Taib menafikan Ishak.

Muhammad Taib, penderhaka itu! Haji Abbas mendengus sambil merapati rak-rak kecil di penjuru sebelah kiri anjung rumah itu. Gambar seluruh kerabat keluarganya ditatap dengan riak wajah yang cemas dan amarah. Mata tuanya merenung wajah gemuloh isterinya yang bertubuh kecil duduk di sebelahnya dengan senyum pada usia empat puluh ketika itu. Dia sungguh baik dan cecal, bisiknya sendiri. Tapi Muhammad Taib, kaulah perosak keperibadianku, keperibadian kerabat kita! Keperibadian seluruh umat manusia! Hampir kesasar ke belakang ketika menghembuskan bahang amarahnya. Dia mengeluh panjang. Entah untuk kali yang ke berapa.

“Muhammad minta ampun ayah, ampunkan Muhammad ayah, emak.” Suatu hari ditemui Muhammad Taib ketika dia terpaksa melutut di hadapan ayahnya itu.

“Memang Muhammad berdosa, maafkanlah saya ayah,” Haji Abbas memandang sekilas wajah anaknya itu. Di kanannya isteri Muhammad Taib, Dayang Zaiton berbadan

gempal menampakkan urat-urat perhiasan emasnya di leher, di lengan, di jejari, di telinga dan juga di matanya!

“Sekarang sudah tidak bererti lagi Muhammad, ayah tak berdaya melawan arus yang telah kamu letakkan dulu. Kamu menjerat dirimu sendiri. Di belakang kami kamu telah melupai tahap keupayaanmu. Sekarang kamu sudah terlambat untuk mendampingi keriangian kami berdua seperti dulu semasa membesarkan kamu dan adikmu.”

Haji Abbas benar-benar terkilan apabila Muhammad Taib diketahuinya membelakangi kebiasaan – merentangi sekatan-sekatan agama, meninggikan suara dan menghalau emaknya sendiri kemudian tidak sepatah pun ungkap maaf diucapkannya selepas itu. Apatah lagi ampun – ampun daripada seorang ibu! Sehingga isterinya meninggalkannya buat selama-lamanya. Muhammad Taib langsung tidak mengenang jerih perih membela, menyanjung dan menyayanginya tanpa belah bahagi. Dia langsung tidak menilai makna hitam atau putih dalam kehidupannya. Dia tidak bijaksana mentafsir kehendak naluri dan nafsunya.

Ah! Anak yang tidak mengenang untung! Dengus Haji Abbas menyatakan rasa kesal yang teramat sangat. Saat itu dia teringatkan Ishak. Sekali lagi dia mengeluh panjang. Keperibadian, keperibadian, di manakah kau? Dia seakan menjerit, melaung-laungkannya di seluruh penjuru dalam dirinya. Diulang-ulangnya dengan mata berkaca. Dia terpandang anak bongsunya (sebenarnya anak angkat keduanya selepas Muhammad Taib), Samiah yang terbiar sambil melayan anak-anak yang semakin membesar.

Haji Abbas memelihara Samiah dan Muhammad Taib seperti anak kandung. Mereka membesar, dewasa dan membina keluarga. Muhammad Taib berjaya tetapi Samiah tidak. Mereka memiliki sejarah hidup yang tersendiri – Muhammad Taib meraih kejayaan dalam hidup tetapi tersisih manakala Samiah tersisih tetap setia!

Ishak menjadi duri dalam dagingnya. Dengan janji-janji yang tidak pernah tepat, dengan ribuan harap yang tidak menjadi dan dengan berbagai-bagai kerenah biadabnya yang merugikan, Ishak menikamnya dari belakang. Sekadar membohonginya barangkali dia dapat memaafkannya, apatah lagi sekiranya benar Ishak insaf. Tetapi Ishak lebih dari apa yang difikirkannya. Dia telah menipu, menyelewengkan setiap urusan yang telah diserahkan bulat-bulat kepadanya.

Siapa menyangka seorang lelaki yang ceria, petah berkata-kata, berwawasan, mempunyai cita-cita politik yang tinggi dan mesra sekarang menjadi seorang yang lupa diri, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, penipu, penyeleweng dan sejuta cemuh caci yang tidak berkesudahan. Sepatutnya Haji Abbas harus memilih – menantu yang bodoh, dungu, lembap tetapi lebih bertanggungjawab, jujur dan amanah. Barangkali dia harus memilih – membela anak-anak yang bisu. Ya Allah! Hitam putih kehidupan menyelubungi Haji Abbas yang tersinggung, diungkai resah gulana dan kecewa. Berulang kali dia beristighfar.

“Áyah tidak menyesal menyerahkan semua urusan itu kepada Ishak. Dia pintar bukan macam kamu. Ayah beri modal berniaga tapi kamu gagal. Ayah sediakan wang ringgit tapi kamu lebih suka berfoya-foya daripada mencari rezeki.” Dia teringat suatu hari pertengkarannya dengan Muhammad Taib.”Ishak ramai kawan. Albert Choo tu, dia kenal. Stephen Munang dia rapat, Akhbar Khan Putty dia boleh membantu. Mereka semua ni orang terkenal. Para peniaga yang berjaya yang boleh menguntungkan ayah.”

“Sepatutnya ayah ingat, Ishak masih muda, dia perlu mengenal perniagaan apatah lagi urusan ini besar. Kerja yang mempunyai risiko yang tinggi. Jika tersilap langkah ayah boleh jadi muflis!”

“Memang ayah dah agak. Kamu tentu akan menentang ayah kerana...”

“Bukan begitu ayah. Semua ini demi kebaikan ayah juga. Harga balak semakin hari semakin tinggi kerana kawasan balak sudah berkurangan sekarang. Sudah tentu Ishak akan mendapat duit yang banyak. Duit ayah, apatah lagi dia orang politik. Bila masuk politik dia perlukan duit yang banyak,” ingat Muhammad Taib.

Muhammad Taib percaya bahawa dengan duit, politik seseorang boleh berpanjangan. Dia percaya kerana kebiasaannya begitu. Orang ramai lebih terpengaruh kepada keberadaan seseorang. Keberadaan seseorang lebih tertumpu kepada sejumlah mana duit yang dia ada. Sedangkan orang politik akan menggandakan apa jua usaha untuk membesarkan jumlah duitnya untuk tujuan yang sama, walau dengan apa cara sekali pun. Dan ini tidak terkecuali Ishak.

Haji Abbas terdiam sejenak tetapi cepat-cepat dia mengelak bahawa dia belum tewas. Muhammad Taib tempatnya berbincang dengan waras tanpa emosi dan memberi pulangan yang baik. Namun begitu soal Ishak, dia tidak dapat memberikan kemenangan kepada Muhammad Taib. Ishak lebih penting. Ishak lebih beraset daripada anak angkat sulungnya itu.

”Ayah hanya memikirkan keuntungan. Bagaimana jika hal sebaliknya berlaku sedangkan ayah tidak bersedia?” Pertanyaan ini mengganggu mindanya seketika. Haji Abbas tidak putus asa. Dia cuba yakin pada dirinya. Dia harus meyakini Ishak.

“Ayah boleh jadi jutaan sekarang, Muhammad. Dan kamu semua akan mendapat habuan daripada kesenanganku ini. Kamu tidak payah menasihati ayah. Ayah lebih maklum mana yang baik dan mana yang tidak baik.”

Haji Abbas menyedari tindak tanduknya. Dia belum nyanyuk walaupun usianya menjangkau sembilan puluh tiga. Dia tahu mana baik dan mana tidak. Mana hitam dan mana putih. Kata Haji Abbas, dia lebih dulu makan garam daripada

orang lain dalam kerabatnya. Dia selalu berkata, dia bukan seperti anjing yang hanya pandai menyalak. Tidak ada apa-apa yang dibuatnya selain menyalak dan ada waktunya menggigit orang lain malah tuannya sendiri. Munasabah atau tidak, Ishak pilihan Haji Abbas yang utama. Bukan Muhammad Taib. Dia ada sebab. Dia ada alasannya yang sendiri.

Suatu hari Muhammad Taib menemui Haji Abbas.

“Dulu aku dah bilang keputusanku muktamad,” tegas Haji Abbas.”Dulu aku percaya pada semua orang. Tapi sekarang tidak. Aku percaya hanya kepada Ishak,” sambungnya pula.

“Ayah tak tahu...”

“Ayah tahu, kamu fikir ayah ni dah nyanyuk?” Pintas Haji Abbas tanpa memberi peluang Muhammad Taib menjelaskan maksudnya.

“Sana sini gempar dengan cerita Ishak, ayah. Banyak cerita yang saya dengar tidak menyenangkan. Ishak tidak layak, ayah!”

Mata Haji Abbas cepat-cepat menjeling ke arah Muhammad Taib. Muhammad Taib mempertahankan pandangannya kepada Haji Abbas tanpa sedikit pun rasa gentar biar pun dia tahu ayahnya merupakan seorang bapa yang cukup tabah memelihara ketegasannya yang subur sejak mudanya lagi.

“Memang, jika bukan Ishak yang kuserah semua urusan ayah, tidak ada cerita-cerita sumbang mengenainya. Cerita-cerita salah laku moral dan sebagainya tidak menjadi benar selagi dia tidak dibuktikan bersalah. Kamu harus tahu ini Muhammad. Siapakah yang berani melakukan fitnah itu. Katakan!” Haji Abbas mendesak. Kesasar juga Muhammad Taib melihat ayahnya dengan sekelip mata berubah menjadi seperti serigala yang buas.

Muhammad Taib membatu. Haji Abbas membangunkan dirinya perlahan-lahan. Muhammad Taib

ingin membantu tapi Haji Abbas seperti ingin mengelak. Muhammad Taib akur. Dia cukup faham apabila ayahnya naik angin tapi tidak lama dan sekejap kemudian akan pulih. Tapi kali ini lain.

Dulu Muhammad Taib amat akrab dengan Haji Abbas. Dia menjadi anak kesayangan. Tiada bandingan dengan saudara-saudaranya yang lain. Dia mudah berbincang dengan ayahnya. Daripada soal-soal agama hinggalah kepada soal-soal hidup dan rumah tangga. Perhubungan eratnya hampir pasti, fikirnya. Sekurangnya mengurus jual beli, mentadbir syarikat ayahnya dan juga kerabatnya. Baginya dia tidak ada saingan lain kecuali adiknya, Samiah. Tapi keadaan berubah apabila Ishak menyertai keluarga mereka kerana berkahwin dengan adiknya. Segalanya berubah. Perhubungannya dengan Haji Abbas terbatas dan harapan tingginya selama ini, kini kian menipis dan luntur.

Haji Abbas merenung jauh. Ceria wajahnya melihat kehijauan kawasan balaknya di sebalik bukit beberapa kilometer dari banglonya. Kemudian dia menggeleng-gelengkan kepala. Dia mengubah pandangannya tapi agak menjauh dari Muhammad Taib.

“Muhammad, dengar sini. Ayah tahu hasrat kamu. Dah lama ayah baca apa yang ada dalam kepalamu itu,” Suara Haji Abbas terhenti, terganggu oleh kahak yang melekit pada tekaknya.”Tapi kamu harus ingat kepada apa yang pernah kamu lakukan dulu yang amat memalukan ayah dan seluruh keluarga kita”.

Muhammad Taib mengeluh.”Tapi, saya dah minta maaf dan ayah telah memaafkan saya,” kata Muhammad Taib mendapatkan simpati.

“Uh, kamu tahu sikap ayah bukan?” Tanya Haji Abbas semula. Muhammad Taib tidak bersuara. Dia mengeluarkan kotak rokok. Membukanya dan menarik rokok tetapi

dimasukkannya semula apabila ayahnya memandang tajam ke arahnya seperti mahukan jawapan pertanyaannya itu.

Muhammad Taib terus membatu. Dia cuba mencari pendekatan lain untuk mempengaruhi ayahnya. Memang dia sedar di atas kesilapan yang telah dilakukannya lima tahun dulu. Semua itu bermula dari sikap ayahnya juga walaupun ibunya yang menjadi punca.

Sepatutnya dia bahagia hidup bersama isterinya yang pertama tetapi tidak direstui ibunya. Muhammad Taib berpisah dan dijodohkan dengan Dayang Zaiton, isterinya sekarang yang memberi wajah baru dalam hidupnya: tamak dan perusuh kehidupan seluruh kerabat. Selepas sekian lama, baru ibunya menyedari hitam putih yang sepatutnya dia pilih selama ini.

Haji Abbas membelek-belek lagi potret Hajah Zabedah, gemulah isterinya. Matanya kembali berkaca.

Tiba-tiba dia dikejutkan Samsiah, cucunya yang baru balik dari bandar. Dia segera menggerakkan roda kerusinya mendapatkan Samsiah.

“Ayah ditahan oleh pihak berkuasa tuk!” Samsiah tercungap-cungap.

“Apa? Ishak ditahan? Ya, Allah! Kenapa jadi begini? Kenapa dia ditahan Samsiah?” Haji Abbas mempercepatkan pusingan kerusi rodanya, merapati Samsiah yang masih cemas.

“Ayah disyaki menyelewengkan wang parti,” jelas Samsiah.

“Apa?” Tanya Haji Abbas lagi.

“Ayah juga didapati menipu pekerja-pekerjanya. Gaji mereka tidak dibayar. Mereka mengadu perkara ini kepada BPR dan Pejabat Buruh Daerah. Sekarang ayah ditahan. Macam mana tuk, tolonglah ayah!” Pinta Samsiah seperti anak kecil yang meminta dikasihi.

Haji Abbas tersentak sebentar mengenangkan nasib menantunya itu. Samiah anaknya, tidak berkata apa-apa tapi Haji Abbas dapat membaca apa yang ada pada kerangka

kepala Samiah. Haji Abbas bermuhasabah sebentar. Apakah semua ini balasan Tuhan untuk Ishak di atas perbuatannya selama ini? Dia memutar roda kerusinya menuju ke bilik tulisnya. Sejenak kemudian keluar membawa sesuatu.

“Atuk nak ke mana?” Samsiah memaut tangan Haji Abbas.

“Ikut atuk. Selesaikan dulu masalah ayahmu. Atuk tidak mahu syarikat kita dibatalkan pendaftarannya kerana perbuatan tidak bertanggungjawab ayahmu itu. Samiah jangan ke mana-mana, hubungi abangmu, ayah dan Sasmiah hendak menyelesaikan urusan suamimu,”

Siaga Haji Abbas sambil dipimpin Samsiah ke perut kereta antiknya. Walaupun gelora laut dirinya dirasai ketika itu tetapi masih ada cahaya yang memang mengharapakan pancaran belas kasih. Pada saat yang mengesankan sikapnya. Haji Abbas hampir pasti menyerah segalanya kepada takdir Ilahi. Lewat pancaran matanya tersirat wajah Samiah yang setia menanti kepulangan suaminya dan Muhammad Taib yang sedang melawan arus mengubah keterlanjurannya.

Saat begini, hanya sebuah keluarga mesti ditatangnya. Tiada lain selagi hayatnya masih ada. Haji Abbas mengusap dadanya berulang-ulang.

Harian Ekspres, 21 Julai 1996.

Citra Tidak Berakhir di Sini

TAHUN 1962.

Orang ramai berpusu-pusu meninggalkan bandar. Ada yang cuba mencari tempat perlindungan sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan. Stesen kereta api, perhentian bas, dan kenderaan awam lain dikerumuni orang ramai walaupun hakikat konfrontasi yang dikhabarkan belum begitu jelas. Walaupun bandar ini jauh dari sempadan namun kecurigaan mereka membuak juga apabila melihat mata-mata di tempatkan di tempat-tempat utama.

Saat inilah saya berazam untuk menemui Tok Wah. Sudah tentu Tok Wah terperanjat, malah bangga, mungkin. Pasti dia gembira memperoleh sesuatu yang tidak diduga-duganya. Pertama kerana kepulangan saya dan kedua, sesuatu yang akan saya persembahkan kepadanya.

Seingat saya, Tok Wah tinggal dalam pondok di tepi belukar Sri Menanti, kampung halaman saya di pedalaman dan tidak jauh dari rumah kami. Dia tinggal sebatang kara. Tiada saudara mara kecuali keluarga saya. Selebihnya orang-orang kampung yang sudi mendengar cerita-cerita perjuangannya di masa silam, tentang kekejaman penjajah dan tentang perjuangan para pejuang peribumi.

Saya masih ingat apabila hendak berangkat ke *Jesselton*. Tok Wah membekalkan pesanan yang amat bermakna. Perjalanan merupakan jambatan yang menghubungkan jiwa dan tindakan, demikian katanya. "Seharusnya kau membina jambatan, bukan merobohkannya. Walaupun beralasan kau mesti

mudahkan halangan-halangan yang bakal kau hadapi esok dan hari-hari yang mendatang." Tok Wah mengiringkan doa dan semangat perjuangan.

Pesan Tok Wah amat berkesan sekali ketika berada dalam hutan sewaktu menyertai gerakan MPAJA saat kependudukan Jepun di Malaya. Memang berat perjalanan itu. Kehidupan yang benar-benar hidup ini memberi cermin yang jelas, bagaimanakah wajah perjalanan saya. Bayangkan, dari Utara Borneo ini saya ke Tanah Melayu kemudian berada dalam hutan pula. Saya berfikir, inikah juga kehidupan hidupnya Tok Wah semasa berada 'di dalam hutan'nya dulu?

"SALIM nak jadi pengarang seperti Munsyi Abdullah," kata saya suatu hari apabila Tok Wah bertanya tentang cita-cita. Zaman kanak-kanak adalah waktu di mana bermulanya impian-impian hari depan. Pada waktu inilah kanak-kanak seperti saya diajukan pelbagai andaian untuk dewasa kelak. Dan, saya memilih pengarang.

"Salim mahu karang cerita macam Syed Syeikh Al-Hadi," sambung saya dengan ungkapan yang patah-patah ketika menyebut nama-nama agung yang pernah diceritakan, malah mendengar kisah yang dikarang oleh mereka, melalui guru saya yang berasal dari Pasai, Sumatera.

"Selepas itu apa lagi?" Tok Wah tersengih menampakkan giginya yang besar-besar dan jarang.

"Saya nak merantau macam Pakcik. Saya nak..nak.." ungkapan saya terhenti seketika untuk berfikir. Kemudian menyambung, "Saya nak lawan penjajah!"

"Penjajah?" Tok Wah menggaru-garu kepalanya yang semakin kemarau rambut.

"Guru saya pernah kata lawan penjajah bagus. Kita mesti hidup bebas. Eh, kenapa Pakcik terkejut? Kawan-kawan saya juga suka jadi pahlawan menentang penjajah. Kami mahu jadi macam Mat Salleh, Antanom..., " ujar saya. Tok Wah tidak berkata apa-apa.

"Penjajah tu siapa, Pakcik?" Tanya saya kemudian.

Tok Wah tersentak. Sambil gelak, dia membetulkan keadaan duduknya dan mengusap rambut saya yang mula mencecah dahi.

"Kau masih kecil Salim. Jika sampai masanya nanti Salim tahu juga," Tok Wah menatap wajah saya dengan penuh wibawa. Saya juga menatap wajahnya yang mempunyai kesungguhan apabila berbicara. Saya menatap parut-parut di tepi dahinya yang luas, di bawah telinganya yang lebar dan pada badannya yang sudah mulai susut. Mulanya saya hendak bertanya lebih lanjut tetapi Tok Wah cepat-cepat memeluk saya. Saya tidak mengerti tetapi itulah kelaziman Tok Wah bila bersama saya.

Keanehan yang ada pada Tok Wah tidak dapat saya telaah benar-benar kecuali bila saya memasuki gerbang remaja dan mula memahaminya. Terutama mengenai kehidupan Tok Wah. Orang-orang kampung kata Tok Wah seorang yang aneh. Ini saya dengar berkali-kali bahkan beratus-ratus kali. Namun, yang jelas Tok Wah seorang lelaki yang baik, pendiam dan suka menyendiri tetapi petah semasa bercerita.

Tok Wah banyak bercerita tentang kezaliman, penganiayaan dan sikap tamak orang-orang Eropah. Tok Wah mengisahkan bagaimana kedatangan Inggeris di kampung halamannya di Tibabar. Orang-orang kampung termasuk ayah dan abangnya serta adik kembarnya bangun menentang. Tetapi mereka gugur. Beberapa orang tali barut Inggeris telah menyeksa dan membunuh apabila orang-orang kampung gagal menyerahkan cukai.

Walaupun Tok Wah terselamat, namun jiwanya tetap memberontak. Dia telah mengenal makna kekejaman dan penindasan. Jiwa halusnyanya mengenal siapa penjajah, siapa bangsa yang bertamadun dan siapa bangsa yang berperibadi mulia.

Sejak itu juga Tok Wah mengenal orang-orang Eropah sebagai musuhnya. Tok Wah benci kepada penjajah dan penjajahan. Sampai saya menjangkau usia enam belas tahun Tok Wah masih tidak berubah. Ceritanya sama sehingga saya juga turut membenci mereka. Entahlah, rupa-rupanya segala cerita Tok Wah memberi kesan dalaman yang membawa keinginan-keinginan untuk berhadapan dengan orang-orang yang telah merampas kasih sayangnya. Penjajahan telah merampas kasih sayang kekeluargaannya. Kematian telah mengasingkan belaian mesra yang diimpikannya.

"Dari mana Salim dapatkan buku ini?" Tok Wah tertarik pada sebuah buku yang sengaja saya bawa ke pondoknya sambil membelek-belek helaian muka buku yang kelihatan sudah agak lusuh kerana kerap bertukar tangan.

"Guru Salim," balas saya pendek. Saya diam. Tok Wah juga tidak berkata apa-apa tetapi dia amat tertarik dengan gambar-gambar yang terdapat dalam buku itu.

"Ini siapa lukis?" Tok Wah memecah keasyikan saya sambil menunjuk gambar seorang pahlawan yang saya tiru dari buku itu. Buku *Sejarah Borneo* tulisan seorang orientalis Barat.

"Inilah Mat Salleh," jawab saya separuh bangga. Seingat-ingat saya sudah lebih lima kali lukisan itu tidak menjadi.

Tok Wah mendagu. Ternyata wajahnya sekilas berubah. Saya tidak menaruh wasangka yang bukan-bukan terhadapnya kerana Tok Wah memang seorang yang aneh.

"Begitu rupa dia Pakcik?" Saya cuba meriakkan kemurungan Tok Wah. Tok Wah masih leka membelek-belek buku, kalau-kalau masih ada gambar serupa, walaupun hanya lukisan, kemudian dia melangut di suatu sudut pondoknya. Dia mematikan pandangannya pada tengkolok dan sebilah pidah yang tergantung rapi di atas dinding. Saya memerhatikan gelagat aneh Tok Wah.

"Inikah rupa Mat Salleh, Pakcik?" Ulang pertanyaan saya. Tok Wah memandang terpinga-pinga.

"Err..tidak," balasnya. Saya tertarik dengan jawapan 'tidak'nya. Saya membetulkan keadaan duduk dan ingin mendengar cerita Tok Wah selanjutnya. Mungkin ada rahsia lain di sebalik lukisan saya.

"Kami panggil dia Datu Paduka. Dia lebih tampan, wajahnya sentiasa berseri. Datu Paduka patuh pada janji dan berani!" Perkataan 'berani' menyemarakkan semangat Tok Wah bercerita. Jari-jemarinya dibukukan.

"Datu Paduka?" Saya menggaru kepala. Belum mengerti.

"Dia seorang pahlawan bumi bertuah ini. Pahlawan Borneo yang maha gagah dan perkasa. Malangnya dia sering ditipu dan dianiaya oleh Inggeris," mata Tok Wah mulai berkaca. Dia mengadakan muka kepada pandangan sebuah hutan tidak jauh dari kampung. Dia seolah-olah memandang jauh seperti mengenang sesuatu.

PASTINYA Tok Wah sudah tua sekarang. Sudah terlalu tua. Mungkin rambutnya sudah tidak tumbuh. Atau gusinya kecut. Pipinya juga barangkali sudah kerdut dimamah masa. Tentu apa yang saya gambarkan ini sama seperti surat yang dihantar oleh Minda beberapa bulan yang lalu. Hasrat saya pulang telah saya khabarkan tetapi tidak menyatakan tujuan yang lain. Malah Minda tidak menceritakan perihal Tok Wah, kecuali mengenai kematian ayah dan ibu di samping sedikit sebanyak tentang kampung halaman.

Terlalu lama saya tidak pulang. Hampir lima belas tahun. Tetapi jika dikira-kirakan, masa itu sesungguhnya terlalu sekejap. Saya masih ingat selepas zaman darurat berakhir saya tidak dapat kembali seperti yang dijangka.

Di Jesselton saya dibebaskan kerana pihak penjara berpuas hati terhadap pekerti dan kelakuan saya. Kemudian bekerja sebagai penjual surat khabar *North Borneo Daily Post*

setelah lebih enam bulan tidak mempunyai kerja tetap. Pemilik syarikat surat khabar tersebut pula telah menawarkan kerja sebagai *proof-reader* apabila mendapat tahu saya boleh membaca dan menulis. Namanya Tuan D.Stephenson, rakyat tempatan kacukan Inggeris. Katanya dia tertarik dengan tulisan berbentuk *adventure* dan meminta saya menulis sesuatu yang boleh memajukan syarikatnya.

Saya mula teringatkan Tok Wah semasa bertugas dengan syarikat tersebut dan merangka-rangka menulis mengenai perjuangannya semasa menentang penjajah. Saya beranggapan bahawa pahlawan adalah mungkin sesiapa sahaja, tidak semestinya dia seorang yang ternama. Walaupun sekadar seorang pengikut. Dia juga seorang pejuang. Yang pasti, pejuang mesti diberi penghargaan.

"Tok Wah adalah jiwa saya. Tok Wahlah yang menjiwai kewarasan dan kebenaran," demikian jawab saya apabila rakan-rakan cuba mengkritik. Di samping bersetuju, ramai juga yang enggan menerima kenyataan yang tersirat. Kata mereka, seorang pengecut seperti Tok Wah yang mungkin ramai lagi manusia sepertinya, tidak perlu digembar-gemburkan. Apa lagi jika hanya sekadar menjadi pengikut Paduka Mat Salleh!

KENDERAAN *Land-rover* 12 penumpang berwarna kelabu gelap yang membawa saya dari stesen kereta api di pekan betul-betul berhenti di hadapan sebuah pondok kecil. Ada beberapa perkataan dalam tulisan jawi terpampang di atas sekeping papan di tepi pondok yang tidak berdinding itu: SELAMAT DATANG KE SERI MENANTI, bunyinya.

Saya terkesan semula semasa kecil. Estet ini juga turut terkenal dengan pertunjukan-pertunjukan bangsawan dari Malaya dan Singapura. Suasana Seri Menanti sudah jauh berubah walaupun belum merdeka. Ini berlaku kerana masyarakatnya amat bertanggungjawab, bekerjasama dan menyiratkan semangat berganding bahu. Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul. Saya berharap keadaan ini berterusan apabila

kemerdekaan Borneo Utara menjadi kenyataan. Apabila pembentukan sebuah negara diisytiharkan. Apabila kesepakatan kata ditemui antara pemimpin kaum yang sedang menemui rakyat masing-masing. Memikirkan jauh tentang makna kemerdekaan hasrat saya menemui Tok Wah semakin membara.

"Pak Cik Tok Wah sudah tiada Abang Salim," tersentak saya mendengar penjelasan Minda secara tiba-tiba. "Dan, abang tidak akan bertemu dengannya lagi!" Sambung Minda yang kulihat mulai teresak-esak. Saya bingung. Kemelut mulai melanda diri saya. Saat itu saya mahu bertanya lebih lanjut keadaan sebenarnya dari mulut Minda sendiri.

Tidak sempat bertanya, Minda segera membawa saya ke suatu kawasan sepi, berbatu pejal dan tanah-tanah bengkok di merata tempat. Minda memaksa saya bila saya enggan kerana belum mahu menerima kenyataan. Bagaimana dengan berita baik ini? Tanya hati saya. Penghargaan untuk Tok Wah mesti saya sampaikan. Saya ingin melihat Tok Wah ketawa walaupun yang pasti senyum dan gelaknya sudah tidak semesra dulu. Saya ingin mendengar ucapan apa saja darinya kerana cita-cita menjadi seorang Munsyi Abdullah atau Syed Syeikh Al-Hadi sudah tercapai.

"Inilah tempat Pakcik Tok Wah sekarang. Percayalah. Abang...Abang mesti percaya," Minda memeluk saya dengan hiba sekali. Air matanya bercucuran membasahi kemeja saya. Saya merenggangkan pelukan Minda dan membongkok sambil mengeja nama yang terpahat pada batu pejal di atas tanah bengkok di hadapan kami.

"Saya tahu abang marah kerana saya tidak mengkhabarkan semua ini," Minda turut membongkok dan mencapai rumput-rumput yang meliar di pusara Tok Wah. Saya memandang Minda. "Pakcik Tok Wah berpesan supaya abang tidak terkejut dan terganggu. Pakcik Tok Wah juga berpesan bahawa dia tidak payah diingat sebagai pejuang. Katanya, dia bukan pejuang tetapi manusia yang tidak berguna. Pengecut!"

"Kenapa begini lama. Minda? Setelah hampir lima belas tahun?"

"Selang beberapa bulan selepas Abang meninggalkan kampung, Pakcik Tok Wah tidak balik semasa masuk ke bukit itu hampir tiga puluh hari. Suasana kampung ini berubah sejak ketiadaannya. Entahlah, mungkin dia kehilangan. Orang-orang kampung mencari di merata tempat. Abang ingat tempat pertapaannya dulu, bukan?" Saya mengangguk.

"Pakcik ditemui di situ?"

"Tidak, sebenarnya Pakcik Tok Wah sesat. Arwah ayah kata, dia seperti tidak percaya Pakcik Tok Wah boleh tersesat di 'rumah'nya sendiri. Semasa di usung pulang Pakcik masih bernafas tetapi dia meninggal setelah tiba di rumah. Ayah kata, Pakcik bercerita semasa diusung," sambung Minda.

"Tentang kezaliman? Penganiayaan? Peperangan?" Tanya saya.

"Abang lebih memahami dirinya. Tetapi bukit di hujung kampung ini mempunyai rahsia yang tidak mudah kita cari. Kecuali Pakcik Tok Wah sendiri. Selainnya tidak mungkin, termasuk kita - abang, arwah ayah, arwah ibu, saya, suami saya atau penduduk kampung," Minda mengakhiri ceritanya di situ.

"Pakcik Tok Wah!" Saya duduk melutut mengusap batu nisan yang terpacak teguh di situ sejak lima belas tahun lalu. Di sana-sini rumput mengerumuninya. Air mata saya tidak dapat bertahan dalam tasiknya yang mula meriak. Minda membiarkan saya yang sedang menghadiahkan Al-Fatihah untuk arwah Tok Wah selepas berbisik untuk menziarahi pusara ayah dan ibu.

Di udara sekali-sekala terdengar bunyi kapal terbang melintasi ruang udara Seri Menanti. Kanak-kanak berkeliaran ke sana sini sambil mengutip kertas-kertas yang disebarkan dari udara. Sekelip mata juga kapal terbang tadi hilang dari pandangan mata. Seorang kanak-kanak menyerahkan kertas yang dipungutnya. Apakah konfrontasi benar-benar akan

berlaku? Peperangan? Kekalutan mulai bermain dalam fikiran. Dan, cerita-cerita Tok Wah tidak berakhir di sini.

Utusan Borneo, 27 Disember 2000.

Ketika Semakin Menjauh

APAKAH yang dapat dilakukan lagi? Segala-galanya telah berlalu dan berlaku. Waktu begitu pantas meninggalkan kita. Dalam keadaan yang perlu kurelai walaupun terlalu pahit. Pedih dan melukakan.

Barangkali cerita ini kelihatannya terlalu melankolik, hambar dan membosankan. Namun hakikatnya aku mahu menceritakan juga walaupun kau semakin jauh. Dan tak pernah menyampaikan khabar. Aku juga tak pernah menjangkakan akan menemuimu dalam masa yang terdekat ini. Apa lagi untuk memohon maaf jika berlaku keterlanjuran masa lalu. Aku terlalu manusia tanpa menyedari berlakunya sesuatu di luar duga. Misalnya pertemuan ada perpisahan. Tapi, selepas terpisah adakah pertemuan semula?

Entahlah, jawabku ketika hati selalu bertanya apakah kesudahan pencarianku. Barangkali aku sudah kehilangan arah dan punca. Bumi ini tidak kecil untuk kujelajahi, malangnya aku tak tahu di mana harus memulakan langkah kaki. Malah aku mungkin tersesat jalan ketika menemui desa-desa lama yang sudah berwajah moden. Aku tak akan menemui lagi sebuah desa terpencil di mana kita dipertemukan dulu. Sebuah desa tradisional yang ketinggalan waktu itu. Mungkin tidak lagi sekarang selepas lebih empat puluh tahun mengecapi kemerdekaan.

Sepatutnya perubahan-perubahan yang berlaku sekarang memudahkan pencarianku. Prasarana yang ada di depan mata sudah cukup memukau, tetapi ketika masa yang sama kau semakin menjauh. Mungkinkah dengan kecanggihan teknologi menerusi IT yang kini merubah pemikiran masyarakat

kita akan memberi jawapan kepadaku? Tapi siapalah kita, kalaulah setiap insan di dunia ini memiliki laman webnya sendiri sudah tentu kau kutahu di mana.

Aku percaya, kau juga telah mengalami perubahan, maksudku perubahan mengenai maklumat-maklumat terkini terhadap penggunaan IT khususnya di kalangan masyarakat. Boleh dikatakan bahawa hampir semua rakyat di negara ini mengetahui IT. Sudah pasti perubahan yang diharapkan ialah perubahan positif yang membawa kebaikan kepada masyarakat seluruhnya. Malah faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada IT ini telah disenaraikan dengan begitu teliti sekalipun ramai yang belum jelas bagaimana matlamat itu dapat dicapai.

Tiada siapa yang berani menafikan segala faedah yang dicapai melalui IT. Bagaimanapun, seperti yang pernah kita dengar, apa saja yang memberi faedah tidak akan terlepas daripada kesan negatif yang kadang-kadang di luar jangkaan. Dalam keghairahan kita menyambut, menyanjung dan menjulang IT kita tidak seharusnya lupa dan lalai daripada kesan negatif yang dibawanya. Kau pernah mendengar nama Bill Gates, pakar IT yang terkenal di seluruh dunia itu. Semasa aku mendalami bidang pengkomputeran di ITM beberapa tahun lalu, aku sempat menelaah sejarahnya dan seterusnya melalui buku tulisan Gates sendiri berjudul *Jalan Di hadapan*.

Menurut Gates, banyak kesan negatif yang dikesan melalui kecanggihan yang telah diperkenalkan kepada masyarakat kita di era ini. Ia membabitkan soal-soal keselamatan, sosial, kekeluargaan dan sebagainya. Keselamatan negara boleh terancam sekiranya tidak berwaspada daripada penceroboh yang memasuki sistemnya untuk mencuri maklumat rahsia. Transaksi melalui internet, misalnya, mungkin dapat dipintas dan diambil kod rahsia atau sekurang-kurangnya telah ada laporan mengatakan nombor kad kredit telah dicuri dan pencuri telah membeli pelbagai barangan melalui internet dengan menggunakan kad kredit berkenaan. Pemilik kad kredit

tersebut terpaksa membayar harga barangan yang dibeli oleh orang lain. Dari aspek sosial kekeluargaan kesan negatifnya cukup jelas. Kesan ini mungkin dilihat dari sudut ketagihannya mahupun dari sudut isi dan maklumat yang diperoleh melalui laman web yang beratus ribu jumlahnya. Seseorang mungkin berada di hadapan komputer berjam-jam hanya untuk melayari internet kerana ingin melihat maklumat-maklumat di laman-laman web yang berlainan. Isteri mungkin tidak mempedulikan suami lagi. Anak-anak mungkin lalai dari mengulang kaji pelajaran mereka. Kesannya mungkin akan memporak-perandakan rumah tangga.

Aku percaya ini tidak berlaku dalam keluarga kita, keluargaku mahupun keluargamu. Realitinya mencari seseorang sepertimu, begitu memudahkan jika laman web dapat diteroka. Namun ini tak mungkin. Kita belum sampai di situ. Walaupun tidak mustahil. Yang pasti, aku hanya mampu mengingatimu dan mengulang-ulang kenangan. Bukan melalui internet atau membiarkan jejariku mengklik tetikus mengarahkan menu utamanya di skrin komputer sesuatu yang kuinginkan, tapi melalui ingatan yang ada pada otak - anugerah Tuhan yang aku miliki. Dan ingatanku tak pernah hapus. Otak manusia tidak pernah kekurangan bit untuk menampung maklumat kehidupannya.

Kau masih ingat bukan, ketika pada suatu pagi kita menuju ke destinasi yang sama, lapan belas tahun dulu.

Bukan lapan belas tahun, lebih dari itu. Mungkin hampir dua puluh tahun. Maafkan aku, kadang-kadang aku jadi seorang yang pelupa untuk menghitung bilangan hari yang telah menjarakkan kita. Masa itu kita adalah angkatan muda yang kental mencari sesuatu untuk kehidupan kita ketika remaja. Sesuatu yang mencabar tentunya, selain keseronokan dan bersuka-suka.

Kita ingin berbakti kepada masyarakat sebenarnya. Berbakti kepada agama yang kita muliakan. Berbakti kepada

negara yang makmur dan membenarkan kita dibesarkan di buminya. Dengan berbakti begini kita menjadi patuh kepada kehendak rukun negara. Kita menjadi warganegara yang setia dan sanggup mempertahankan maruah bangsa daripada anasir luar. Misalnya pengaruh negatif yang masuk ke dalam budaya masyarakat kita. Budaya hipi, budaya rock, budaya camping cemping, budaya ganas, agresif dan berbagai-bagai lagi. Peninggalan penjajah yang telah mendarah daging bangsa kita terus mengakar budaya yang bertentangan dengan nilai agama.

Kita telah disedari tentang itu. Sampai sekarang ini pun perjuangan kita masih belum selesai. Kita harus bersama-sama mempertahankan maruah bangsa kita. Kita mesti percaya bahawa kita mampu berdiri di atas keunggulan bangsa kita sendiri. Tidak mengikut telunjuk barat yang sejak berkurun mendendami keunggulan bangsa yang harmoni dan aman di dunia ini.

Tentunya aku tidak memikirkan semua itu dulu. Bahkan kau juga begitu. Kita masih anak-anak yang baru menikmati dunia yang diberikan sedikit kebebasan oleh ibu dan ayah. Kesempatan itulah yang mempertemukan kita. Kau merupakan seorang yang mesra dan aku tertarik dengan kemesraan itu. Walaupun mungkin aku terlalu malu seperti biasa mendekati seseorang sepertimu namun perasaan itu tiba-tiba sahaja seumpama kabus yang beransur hilang ketika cahaya matahari menjengahkan matanya. Ada matahari antara kita!

Dan, ditakdirkan kita menemui kebun persahabatan yang luas terbentang. Kita menjadi pekebun yang rajin dan pengusaha tanaman kasih yang tak pernah mengalah oleh petaka kemarau dan hujan yang luar biasa. Bukankah itu ujian dari Tuhan? Ada rahmat yang tak terjangkau oleh akal kita. Walau apa pun yang dihadapi kita menghadapinya dengan tabah. Kau kulihat begitu bersemangat menjadi 'petani' walaupun aku sedikit kaku. Entahlah, jawabku lagi jika kau bertanya mengapa aku begitu.

Sebenarnya aku menjadi serba salah. Aku tak pasti jika ada pertemuan lain yang akan diatur selepas ini. Aku juga tak tahu bilakah saat itu berlaku. Walaupun selepas hampir dua puluh tahun kita tak berhubung kata. Tapi percayalah pada kata-kataku bahawa hubungan rasa tak pernah kurahsiakan untuk kukatakan. Aku mungkin tidak mengharapkan sangat jika tidak ada pertemuan yang terbaru dan aku tak mungkin berkesempatan bertanya sesuatu. Jika itu kehendak Tuhan, mungkin. Jika kehendak Tuhan kita dipertemukan, bagaimana?

Entahlah, jawabku lagi. Aku mungkin belum begitu percaya kau akan menghubungiku. Sedangkan aku bukan seperti dulu seperti juga kau bukan seperti dua puluh tahun yang lalu. Jika kau pernah membaca karyaku bertajuk *Sebuah Pertemuan Yang Terdekat*, mungkin dapat kau telaah siapakah kita masa ini. Ya, benar kau bukan lagi seseorang yang harus kuhampiri kerana ikatan perkahwinan. Begitu juga aku. Anak-anak yang semakin membesar dan mengejar usia kita yang semakin lanjut ini. Jadi, mustahil kita menjadi seperti dulu lagi.

Namun kenangan tak mungkin hilang begitu sahaja. Semakin usia mendekati titiknya, kenangan semakin berdiri megah di hadapan kehidupan kita. Aku tak akan tenang tanpa membuka lembaran sejarah.

Mengapakah aku mengingatimu?

Ada sesuatu yang istimewa dan tak pernah kuceritakan kepada sesiapa walaupun dengan orang yang terdekat, apa lagi isteriku. Aku tidak mungkin menceritakan kepadanya. Demi menjaga hatinya. Tak akan ada luka baru untuknya dan aku bukanlah seorang yang hipokrit dan zalim. Realitinya aku menyimpan rahsia yang amat mahal untuk dikongsi tapi rakan kongsiku terhadap rahsia ini hanyalah kau.

Jangan kau kunci kenangan itu. Aku harap begitulah, walaupun kau berada di negeri yang jauh atau di desa-desa tua yang sudah moden sekarang. Atau di pinggir banjaran Crocker atau di lembah yang mendatar di pedalaman sana mahupun di

pulau-pulau yang dijarakkan oleh Laut Cina atau Laut Sulu. Aku harap kau bahagia. Bersama anak-anakmu juga suamimu. Maafkan aku jika cerita ini sampai ke pengetahuan mereka sedangkan risikonya memungkinkan kau menjadi sasaran yang tidak sepatutnya berlaku.

Sesungguhnya keikhlasan yang dapat kukatakan, hanya kalimat ini yang mampu mendekatkan kita. Itu pun jika ditakdirkan pada waktu yang terdekat ini kita dipersuakan semula. Sebagai insan, aku tidak mengharapkan pertemuan itu berlaku seperti dalam karya yang kutulis beberapa tahun lalu bertajuk *Aduhai Dayang Sarah* yang mewajibkan Ibrahim menjelajah kota tua yang menjadi kota raya moden semata-mata mencari Dayang Sarah. Rasa rindu yang menebal bukan semata-mata kerana Dayang Sarah pernah menyayanginya, tetapi nostalgia kepada kampung halaman, budaya masyarakat masa lalu yang tak mungkin dapat diulang laku semula.

Namun di situlah kelainannya. Kelainan yang akan memberi beberapa pedoman. Masa lalu selalunya akan meninggalkan jejak pengajaran untuk memperbaiki kelemahan, kekurangan atau kesilapan. Bukan untuk mengulang laku semula tetapi dengan segala jejak yang terkesan kita akan menjadi insan yang tidak lupa kepada fitrahnya bahawa insan itu makhluk yang tidak sempurna. Ini tak mungkin kuceritakan juga. Kau juga menyedarinya bukan?

Sebab itulah kita sering mendengar berleluasanya perubahan sikap masyarakat kita hari ini bersama-sama masalah yang tidak pernah bernoktah. Percakaran sesama agama Islam berlaku di Asia Barat sana walaupun menyedari dalangnya adalah masyarakat barat. Demikian juga krisis perkauman di negara-negara bekas Komunis. Negara kita juga sering dituduh secara babi buta oleh barat. Tapi kita bernasib baik kerana memiliki para pemimpin yang bijaksana malah menjadi wira Asia seperti gelaran yang diberi kepada Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, berani menyuarakan

pendapat kita secara lantang. Beliau bukan sekadar mahu berkata lantang tetapi membuktikan setiap ungkap kata yang diperjuangkannya.

Namun atas keberanian itu kita tidak lepas daripada sabotaj, berpatah arang berkerat rotan pihak barat dan sasaran dendam kesumat yang tak kunjung selesai sejak berzaman. Masa ini misalnya, kegawatan ekonomi yang melanda negara tentunya disebabkan oleh gelagat barat yang sengaja ingin menyusahkan negara-negara yang tidak mengikut telunjuk mereka. Tetapi negara kita masih seperti biasa. Biarpun peluru-peluru berpandu keji barat mahu menghancurkan keampuhan ekonomi kita, negara kita tidak banyak terjejas kerana kemapanan ekonomi kita sejak beberapa tahun lalu.

Masalah tidak juga akan selesai sampai bila-bila biarpun kita sanggup berhadapan dengannya. Tetapi manusia yang berada di negara ini telah dianugerahi Tuhan sebagai insan yang pemurah dan baik hati. Pemerintah sering kali memandang masalah dari sudut kemanusiaan. Sebab itu negara kita yang terlalu makmur ini menjadi persinggahan warga luar yang datang secara tidak sah mengharapkan simpati. Sungguh menakjubkan malah menggerunkan. Aku tak dapat membayangkan jumlah yang semakin membiak. Di mana-mana sahaja pelosok negeri manusia dari kelompok itu bertapak seperti parasit.

Mujur jugalah kerajaan kita memperlihatkan keagresifannya untuk menangani masalah pendatang tanpa izin ini. Mereka dihantar pulang dan kita mungkin kelihatan lega kerana kehadiran mereka menyebabkan banyak kegiatan jenayah yang bukan menjadi budaya hidup masyarakat kita. Besar amat wang yang dikeluarkan untuk menangani masalah ini. Bukan ribuan tapi jutaan ringgit!

Namun kita tidak dapat mengelakkan semua itu daripada berlaku. Ini ditambah lagi dengan situasi kegawatan ekonomi negara-negara jiran, semakin ramai pendatang tanpa

izin ini mendarat di perairan negara. Ini menambah beban kita. Tapi penahanan tekong-tekong yang membawa masuk pendatang tanpa izin di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan memberi kesedaran kepada mereka. Mudah-mudahan segala pembohongan dan penipuan akan terbongkar. Kita mahukan kehidupan yang selesa, harmoni, aman dan bebas dari segala ancaman jenayah yang banyak dilakukan orang asing.

Bukan sahaja jenayah tetapi perbuatan-perbuatan mungkar berlaku di sana-sini hinggalah pada suatu ketika berlaku ribut besar beberapa tahun sudah. Tentulah kau pernah mendengar ini. Ya, benar seperti katamu, tidak siapa yang tidak mengetahui tragedi *Greg* dan pengajaran di sebalik tragedi itu. Semua itu berlaku kerana lupa kepada ajaran yang dituntut oleh agama. Perbuatan mungkar yang menyalahi peraturan agama wajar menerima hukuman.

Moral yang semakin menipis di kalangan anak muda juga menjadi bualan masyarakat kita termasuklah para pemimpin negara. Susah juga untuk mencari puncanya. Pengaruh luar mungkin, dan sikap kita juga yang tidak tahan uji oleh perubahan yang berlaku di sekeliling kita, merupakan satu hal lain. Peranan ibu bapa, guru dan masyarakat selalu ditekankan, tapi mengapa masih juga berlaku perbuatan-perbuatan yang membawa kecoh di kalangan anak-anak remaja kita? Mengapa masih berlaku juga segala gejala sosial ini? Bukankah golongan remaja merupakan pewaris kepimpinan negara kita?

Entahlah, jawabku lagi, jika soalan yang sama kau utarakan kepadaku. Kita tidak harus hilang arah. Tidak mungkin kita kehilangan arah jika kita mempercayai apa yang diajar dalam kitab suci Al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w.. Kita beriktikad dan melakukan yang disuruh serta menjauhkan diri dari perbuatan yang ditegah.

Syukurlah jika ada kesedaran baru di kalangan masyarakat. Memang kita tidak mungkin menjadi masyarakat yang seratus peratus bersih daripada segala macam gejala yang

tidak sihat itu. Fitrahnya, seperti aku katakan tadi, manusia tidak akan terlepas dari melakukan kesilapan. Demikian juga gejala perebutan kuasa, kedudukan dan pangkat di kalangan pemimpin kita hari ini. Apakah aku perlu menceritakannya padamu. Tentu kau tersenyum bila mendengarkan ungkapan pemimpin, cita-citaku sejak dulu. Aku tak mungkin menjadi pemimpin seperti itu. Jika aku menjadi pemimpin aku tidak akan berusaha mencari peluang dan kesempatan semata-mata mahukan kedudukan, kuasa dan pangkat. Gelaran jawatan bukan membawa makna apa-apa jika memungkinkan kita kehilangan kewarasan, hati budi dan arah tuju. Kepalsuan sering menjadi kata-kata manis. Menjadi pembohong tidak mungkin menjadikan aku seorang pemimpin yang bijaksana dan adil. Tidak mungkin tercapai kecemerlangan kepimpinan jika tujuan dan matlamat, niat dan falsafah yang ingin didokong itu terkeluar daripada landasan yang sebenar.

Mengapa harus bercakaran sesama sendiri. Di manakah budaya masyarakat harmoni dan penyayang yang dilaung-laungkan selama ini? Aku tidak akan mengatakan semua ini jika tidak merasai kesakitan yang kita rasai sekarang. Apabila berhadapan dengan seseorang yang kita kenal dan dia merupakan seorang pembohong dan penipu yang licik tiba-tiba bercita-cita menjadi seorang pemimpin, tentulah berkali-kali aku menggeleng-gelengkan kepala. Sungguh sedih dan memilukan. Masyarakat kita akan tertipu oleh kelicikan mereka, oleh *empanak* atau kata-kata manis mereka dan oleh tingkah laku mereka yang palsu belaka. Inikah corak pemimpin yang kita mahu? Inikah bentuk pemimpin yang ingin kita pilih untuk menerajui kepimpinan negara?

Entahlah, aku hanya ingin berkata begitu kerana aku hanyalah pemimpin kepada diriku, keluargaku dan kelompok kecil masyarakat yang percaya kepada kebenaran. Bukan kepalsuan, penipuan, pembohongan, rompakan dan segala macam kezaliman.

Tidak ada keadilan selagi manusia tidak mempelajari kehidupan dengan sejarahnya. Golongan wanita selalu mengatakan tidak ada keadilan dalam kehidupan. Mungkin ada benarnya. Aku pernah berbual-bual ilmu dengan rakan-rakan terutama sekali kaum wanita mengenai isu gangguan seks di tempat bekerja. Ketidakadilan berlaku di mana-mana ketika manusia sudah kehilangan kewarasan dan arah pandu. Barangkali kau setuju jika kukatakan bahawa wanita yang menjadi mangsa gangguan seks seumpama ini harus berani menentang aduan mereka kepada pihak berkuasa.

Aku sungguh sedih dan amat benar dukacita kerana perlakuan sumbang ini berlaku di mana-mana termasuk di pejabat-pejabat kerajaan. Penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran hanya tertumpu kepada budaya kerja tetapi bukan secara menyeluruh termasuk nilai moral di kalangan kakitangannya. Perbuatan itu seperti diizinkan dan menjadi perkara biasa di kalangan anggota organisasi tersebut. Gangguan itu dianggap semata-mata sebagai gurauan. Tapi alangkah moleknya jika di peringkat awal wanita yang diganggu itu menegur walaupun orang yang melakukan itu seorang majikan atau ketua tempat bekerjanya. Soal maruah diri tidak memilih siapa. Apakah kedudukannya. Aku percaya kepada kata-kata ini: Manusia harus disedarkan!

Dengan membiarkan dan menganggapnya sebagai biasa maka akhirnya menjadi budaya gurauan yang tidak bermoral. Aku percaya kau juga jijik melihat perlakuan itu. Bayangkanlah orang yang diganggu itu isteri, anak perempuan, adik perempuan atau sesiapa sahaja yang ada kaitan darah dengan mereka yang mempunyai habit tidak bermoral itu. Tentulah dia seorang yang hipokrit dan tidak bermoral. Dia tahu jika aduan dibuat siapakah yang sanggup menjadi saksi terhadap perbuatannya. Adakah siapa yang mahu mempercayai seorang majikan akan melakukan perkara tidak bermoral itu? Barangkali benarlah bahawa sudah

tiba masanya habitat haiwan menyerap ke dalam diri manusia yang hilang pertimbangan hidup.

Tentulah tidak ada keadilan. Aku bingung memikirkan hal-hal ini. Barangkali hanya Tuhan sahaja yang boleh menghukum insan seperti itu. Tapi apakah hanya berserah kepada Tuhan dan semua itu akan selesai? Sebagai wanita yang bermaruah sudah tentu mereka berani mencari kebenaran, keadilan dan tuntutan hak mereka.

Aku harap kita dapat bercerita lebih lanjut lagi jika ada pertemuan. Walaupun aku gagal untuk menyatakan bila kita akan bertemu kerana aku tidak mungkin meramalkan apa-apa untuk diriku apa lagi untuk kita berdua. Banyak aku tidak tahu ingin kuketahui darimu. Sejak hampir dua puluh tahun, kau bayangkan, banyak hal yang rahsia masih berada di dalam benak kepalaku. Aku sering bertanya pada diriku apakah ada ruang lain untuk kuketahui semua itu. Maksudku punca perpisahan kita yang menjadi misteri selama ini. Kau tidak pernah mengutus khabar padaku walaupun kau tahu aku di mana.

Aku percaya. Kau tidak mungkin melupakanku juga kawan-kawan lama kita. Jika pun kerana suamimu atau anak-anak kau pergunakan masa yang begitu banyak untuk mereka, teruskanlah. Kehidupan yang bahagia seperti yang kau alami tentunya, adalah lebih baik daripada memikirkan sesuatu yang belum pasti berlaku. Yang mungkin, kita abadikan sahaja segala sejarah dan kenangan itu. Barangkali bunyinya semakin melankolik tapi percayalah kau masih aku ingati.

Maafkan aku kerana ada panggilan telefon. Sebenarnya pagi tadi aku menerima pesanan telefon. Dari seseorang, kata setiausahaku. Malangnya dia tidak sempat mencatatkan nama pemanggilnya. Aku tak tahu mengapa. Aku keliru juga dan kesal. Dua puluh tahun aku menunggu suara seseorang. Dan, panggilan ini entah dari siapa. Mungkinkah kau?

Harian Ekspres, 10 Mei 1998.

Bagai Dedalu

LAMPU-LAMPU bergemerlapan menerangi rumah-rumah papan kampung itu. Sesekali sepi malam ditembusi deru kenderaan yang menyusur sepanjang jalan tua yang menghubungkan Kampung Bahagia dengan pekan di sebelah selatan.

Selepas lima belas tahun merdeka, penduduk Kampung Bahagia tidak berubah. Hari demi hari penduduk asal yang meneroka kampung ini meninggalkan kampung. Mereka hendak mencari punca pencarian yang lebih baik di tempat lain. Dan akhir-akhir ini pula masalah baru mula melanda apabila ramai anak-anak gadis mencari kerja di bandar.

Haji Sadikin penduduk jati Kampung Bahagia sedih melihat perubahan itu. Banyak persoalan timbul dalam fikirannya. Baru semalam Yang Berhormat bersama Pegawai Daerah melawat Kampung Bahagia dan mengingatkan penduduk kampung supaya jangan meninggalkan kampung itu dan hidup bersama-sama dengan penduduk yang lain. Pagi tadi Jiman dan keluarganya berpindah ke seberang. Kononnya di sana ada sebuah kawasan penempatan yang baru dibuka. Entah esok siapa lagi?

Haji Sadikin tidak mengerti mengapa mereka berganjak meninggalkan Kampung Bahagia sedangkan kawasannya luas dan tanahnya subur. Tanah-tanah paya dan bukit masih boleh mendatangkan hasil yang baik jika diteroka.

Haji Sadikin pernah menjadi Ketua Kampung menggantikan ayah tirinya selepas merdeka. Dia menggandakan cita-citanya untuk memakmurkan kampung. Kini tali air sudah

ada. Elektrik, pondok klinik, sekolah dan balai raya juga sudah ada. Enam tahun yang lalu Haji Sadikin menyerahkan tugasnya kepada ketua yang baru. Dengan kepimpinan yang baru, prasarana yang ada di Kampung Bahagia turut mengalami perubahan. Pondok klinik sudah menjadi dispensari. Balai raya ditukar kepada sebuah dewan muhibah yang besar. Sekolah juga telah dibesarkan malah masjid sedang dalam pembinaan di atas tapaknya yang baru.

Namun peliknya, hari demi hari penduduk kampung meninggalkan Kampung Bahagia. Seorang demi seorang pergi ke tempat lain. Satu keluarga demi satu keluarga pergi ke kawasan yang baru dibuka. Haji Sadikin bingung. Apa lagi yang mereka mahu? Tentu ada yang tidak kena. Tentu ada puncanya mengapa mereka nekad benar meninggalkan Kampung Bahagia.

Haji Sadikin teringatkan Othman. Apakah Othman tidak cekap? Atau Othman tidak memandang berat mengenai perkembangan terbaru itu?

“Kampung Bahagia sudah tidak aman lagi Pak Tua. Orang-orang kampung asyik bertelingkah. Ketua pula pentingkan diri sendiri. Macam mana nak selesaikan masalah.” Pak Tua teringat kata-kata Ramlin satu-satunya anak muda yang masih setia dengan Kampung Bahagia.

“Nama indah tapi di sebalik keindahan itu ada yang memusnahkan. Bermusuh-musuhan sesama sendiri dan rasuah!”

Haji Sadikin menilai-nilai kembali kata-kata yang diluahkan oleh Ramlin. Dia mengerti. Namun begitu, jika hanya dia dan Ramlin saja yang sedar tidak ada gunanya, hari demi hari penduduk Kampung Bahagia pergi meninggalkan kampung ini juga.

Kampung Bahagia wujud sebelum Haji Sadikin lahir. Sebelum Othman lahir. Sebelum Ramlin dan orang-orang kampung menghuninya sekarang lahir. Dulu Kampung Bahagia jauh lebih mundur dari sekarang. Orang kampung tidak perlukan tali air. Tidak perlu lampu karan yang menimbulkan masalah

kewangan. Pelita sumbu pun cukup baik. Air sungai atau air perigi memadai sebagai kegunaan seharian. Jika hendak ke sesuatu tempat tidak perlu kenderaan. Mereka berjalan kaki naik bukit dan turun bukit. Mereka kuat kerana kebiasaan begitu. Mereka sibuk dan tidak malas. Kerjasama seluruh penduduk sentiasa diamalkan. Bukan seperti sekarang, keadaan turut mengubah segala-galanya.

Lepas makan malam Haji Sadikin kembali duduk di anjung rumahnya yang berhampiran dengan sungai Aman Damai. Hujan yang turun beberapa hari yang lalu telah mengeruhkan air sungai itu. Setiap hari itulah kerja Haji Sadikin meredakan penatnya selepas berjalan dari masjid. Di situlah juga Haji Sadikin melayan fikirannya. Tiba-tiba dia berhasrat hendak menemui Othman. Dia mesti membawa Othman ke Pejabat Daerah. Masalah Kampung Bahagia mesti diselesaikan secepat mungkin. Sebelum parah menular di Kampung Bahagia, Pegawai Daerah mesti campur tangan.

“Othman ke mana Yem?” tanya Haji Sadikin kepada Mariam, isteri Othman yang sedang membersihkan daun-daun pokok mangga di halaman rumahnya

“Saya tak tahu Pak Tua. Sebentar tadi ada dua orang lelaki berkulit sawo matang menemuinya,” terang Yem sambil membetulkan rambutnya yang menggerbang ditiup angin petang. “Lagaknya macam orang baru Pak Tua,” sambung Yem tanpa waswas.

Haji Sadikin mengeluh. “Lagi-lagi orang baru. Sudah berapa ramai orang baru datang ke Kampung ini. Apa Othman bawa?”

“Sampul surat besar dan parang waris nenek.”

“Yang dua tu pula?”

“Tangan kosong Pak Tua,” jawab Yem jujur. “Err... Apa halnya, terlupa pula saya bertanya,” sambung Yem tersenyum.

“Besar hajat saya ni Yem. Tapi, tak apalah saya minta diri dulu,” kata Haji Sadikin tanpa menoleh pada Yem. Yem terpinga-pinga tapi meneruskan kerjanya.

Sepanjang kembalinya dari rumah Othman, Haji Sadikin memikirkan apakah tujuan dua lelaki itu. Othman pula seperti menyembunyikan sesuatu darinya. Othman sudah banyak melakukan kesilapan. Dia sudah membelakangi rakan-rakannya dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Benar-benar Othman cari angkara di tempat sendiri. Dia mencepatkan langkahnya.

“Hai, Pak Tua!” teriak Ramlin dari gerai makan Mak Ramlah di tengah Kampung Bahagia. Haji Sadikin mengangkat tangan kanannya kemudian mendekati Ramlin. “Lagaknya macam ada yang penting Pak Tua. Ceritakanlah pada kita,” pinta Ramlin. Kawan-kawannya yang duduk bersama mengangguk-angguk kepala masing-masing.

Haji Sadikin tidak berkata apa-apa. Dia meletakkan punggungnya yang pejal itu di atas kerusi kayu berhadapan dengan Ramlin. Mak Ramlah yang berbadan gempal menghampiri Haji Sadikin sambil tersenyum.

“Minum apa Bang Haji?”

“Macam biasa Ramlah,” jawab Haji Sadikin selamba. “Awak semua ni nampaknya sibuk sejak kebelakangan ini,” ujar Haji Sadikin sambil menyambut secawan air kopi pekat dari tangan Mak Ramlah.

“Kita pun bertanya begitu pada Pak Tua, Pak Tua diam saja,” balas Ramlin diikuti oleh deraian gelak ketawa kawan-kawannya.

Haji Sadikin mendiamkan diri. Dia cuba menyembunyikan apa yang tersirat dalam hatinya. Dia tidak mahu buat heboh. Dia inginkan penyelesaian yang aman dan tidak melibatkan orang-orang kampung.

“Sebenarnya Pak Tua, saya dan kawan-kawan dari hulu mencari buluh. Rancangan saya nak besarkan kandang kambing

dan nak perbaiki pagar tempat kambing-kambing itu makan. Telinga saya ni sakit benar mendengar celoteh orang kampung. Jika kambing saya disembelih orang siapa yang rugi. Betul tak Pak Tua?" Haji Sadikin mengangguk-anggukkan kepalanya.

"Macam mana dengan KK Othman Pak Tua?" sampuk Ramlin tiba-tiba.

"Kenapa pula dengan Othman, Ramlin?"

"Saya lihat KK Othman senang hati saja sejak sebulan dua ni tapi keadaan kampung tidak dipedulikannya," balas Ramlin.

"Bukankah Othman periang orangnya. Jangan hairan."

"Rupanya Pak Tua belum tahu lagi."

"Apa maksud kamu?"

"Kehadiran pendatang-pendatang itu menambah kegelisahan orang kampung. Sebenarnya sebelum Pak Tua tiba, saya dan kawan-kawan bercerita panjang fasal Ketua Kampung kita. Kami nak cari kata sepakat bersama dengan orang-orang kampung untuk membuat pengaduan kepada Pegawai Daerah." Sambung Ramlin sambil menghirup air kopi yang telah dibiarkannya sejak Haji Sadikin tiba.

"Mengapa kalian semua sibuk nak mengadu kepada Pegawai Daerah. Bukankah elok dibawa ke mesyuarat JKKK. Selesaikan saja kampung ini," Haji Sadikin menyuarakan pendapatnya.

"Kampung Bahagia ni dah tak bahagia lagi Pak Tua. Orang luar dah duduk sana dan duduk sini. Semua ini angkara KK Othman. Mereka tu punya tujuan, ada udang di sebalik batu. Ketua kita tu dah kena penyakit!" Ramlin menekan suaranya.

"Penyakit? Penyakit apa?" tingkah Haji Sadikin mengerutkan dahinya yang kelihatan sudah kecut.

"Rasuahlah Pak Tua!"

"Syy..!" Haji Sadikin merapatkan jari telunjuk kanannya pada bibirnya. "Tak baik cakap macam itu. Nak tuduh

orang mesti ada bukti. Kita tak boleh kata sembarangan,” sambung Haji Sadikin seperti hendak mempertahankan Othman.

“Pak Tua jangan tak tahu. Nampak di luar KK Othman macam tak ada apa-apa tapi di belakang kita banyak perkara yang mustahil bagi kita telah dilakukannya. Amalan terkutuk itu bukan susah dibuat. Jika ada hati tak kira apa lagi walaupun dihalang oleh undang-undang. Bagi orang macam itu undang-undang merupakan perkara kedua,” kata Ramlin berani sambil mengusap lembut misainya yang hampir menutup mulutnya yang berbibir tebal.

Haji Sadikin diam seketika. Ramlin juga mendingkan dirinya memikirkan sesuatu. Mak Ramlah asyik mengira pendapatannya sejak pagi tadi. Gerai itu akan dipenuhi oleh pelanggan sebentar lagi kerana orang-orang kampung akan singgah sebentar di gerai Mak Ramlah. Sesekali Mak Ramlah mengulum senyum bila Haji Sadikin memandang ke arahnya.

“Saya tidak tahu apa sudah jadi dengan Othman. Padahal dia orang harapan kita. Sekarang dia pula melakukan angkara itu. Jika benar seperti cakap kamu, kita akan susah!” Tiba-tiba Haji Sadikin bersemangat.

“Benar Pak Tua. Lihat saja berapa ramai orang-orang kampung yang meninggalkan kampung ini. Pak Tua tahu puncanya?” Tanya Ramlin. Haji Sadikin tidak bersuara tetapi mengangguk-anggukkan kepalanya yang sudah penuh dengan uban tanda mengerti.

Seperti biasa selesai sembahyang fardu maghrib Haji Sadikin duduk di anjung rumahnya. Isterinya masih sibuk di dapur menyediakan makan malam mereka tiga beranak. Anak gadisnya masih berjeruk dalam bilik selepas menunaikan sembahyang berjemaah bersamanya. Hari itu Haji Sadikin tidak berjemaah di masjid kerana badannya terlalu letih.

Mata Haji Sadikin menerpa di sekitar rumahnya. Fikirannya pula menerawang di sekitar Kampung Bahagia. Dia menggelengkan kepalanya tiba-tiba.

“Orang kampung marahkan awak Othman,” terang Haji Sadikin petang itu.

“Fasal apa pula?” tanya Othman selamba.

“Awak pura-pura tidak tahu Othman. Marah mereka sudah tidak dapat dibendung lagi. Jika awak teruskan tabiat awak itu perang besar jadinya!”

“Kenapa sampai begitu Pak Tua?” Othman menahan geli hatinya mendengar celoteh Haji Sadikin. Kolot benar orang tua ini, bisiknya dalam hati.

“Orang luar makin bertambah dalam kampung kita. Awak tahu apa akibatnya nanti?” bentak Haji Sadikin dengan harapan Othman sedar di atas perbuatannya selama ini.

“Itu hal saya Pak Tua. Saya yang buat, biarlah saya yang tanggung!”

“Jika terjadi sesuatu yang lebih buruk awaklah yang tanggung?”

Othman berdiri dan melihat di luar jendela yang dipagari oleh kaca.

“Jika orang-orang kampung berbunuhan dengan pendatang-pendatang itu awak yang tanggung?”

“Eh, mengapa sampai ke situ pula Pak Tua. Mustahil perkara serupa itu berlaku di kampung ini!” Othman kembali duduk di tempatnya tadi tetapi bingkas semula.

“Tidak mustahil Othman. Kalau orang-orang kampung sudah nekad apa saja boleh berlaku,” sambung Haji Sadikin lagi. Othman terdiam mendengar kata-kata Haji Sadikin orang yang pernah dianggapnya sebagai seorang yang berpengaruh di kawasan itu. Matanya terkebil-kebil melihat tumbuhan-tumbuhan hijau di sekitar rumahnya. Sejak kerajaan menganjurkan skim perbanyakan makanan kawasan rumahnya kelihatan menghijau.

Haji Sadikin merasa segar menyedut asap rokok daunnya. Matanya tertumpu kepada tubuh badan yang sasa macam badannya semasa muda dulu. Malangnya pendirian

mereka tidak sehaluan. Haji Sadikin tahu apa yang telah dibuat oleh Othman tapi dia tidak mahu heboh-heboh. Orang kata Othman makan rasuah dia tahu. Dia dengar, Isterinya sendiri pernah menyatakan demikian. Tapi dia tidak dapat membendung niat Othman. Othman mempunyai daya pemikiran yang waras dan mempunyai pandangan yang bernas. Dia menghormati Othman kerana Othman ketuanya. Othman seorang pemimpin dan menjadi orang harapan Kampung Bahagia. Malangnya Othman sudah lupa daratan.

“Sejak kebelakangan ini awak lupakan kami Othman. Awak membuat keputusan sendiri,” tuduh Haji Sadikin. Othman memandang tajam ke arah Haji Sadikin.

“Saya bertanggungjawab di atas segala kerja saya. Saya ketua di sini!” bentak Othman dengan perasaan muda dan megahnya.

“Tapi semua tindakanmu itu telah menimbulkan kesangsian orang-orang kampung,” ujar Haji Sadikin.

“Saya bukan berniat begitu Pak Tua. Mengertilah. Orang kampung sendiri yang beranggapan tidak baik terhadap saya, saya tidak!” Othman cuba menyangkal tuduhan Haji Sadikin.

“Sana sini orang kata awak makan rasuah. Itu awak kata rezeki tapi bukankah perbuatan itu salah di sisi agama dan undang-undang? Awak memalukan kampung dan bangsa kita. Lagipun awak seorang yang dihormati di kampung ini malah penduduk kampung lain mengenali kepimpinanmu!”

“Sudahlah Pak Tua. Saya boleh beri apa saja Pak Tua nak.”

Kata Othman sambil menepuk bahu kanan Haji Sadikin.

“Apa maksudmu?”

“Kampung ini luas Pak Tua. Malangnya ramai yang tidak sedar hakikat ini. Orang-orang kampung telah meninggalkan harta yang diwarisi sejak turun menurun. Mereka

tidak tahu mukjizatnya. Tanah yang luas ini jangan dibiarkan kosong Pak Tua. Hasilnya berganda-ganda jika mahu diusahakan. Sebab itu saya membenarkan pendatang-pendatang itu tinggal di Kampung Bahagia ini. Mereka boleh memajukan kampung ini Pak Tua. Kampung ini akan menjadi punca ekonomi daerah ini. Kampung Bahagia akan bertambah maju,” jelas Othman sungguh-sungguh.

Haji Sadikin bingkas dari tempat duduknya. “Biar baik sekali usahamu itu awak harus ingat jangan jadikan kampung ini sebagai sarang pendatang-pendatang itu.”

“Salah mereka Pak Tua. Orang-orang kampung malas. Kita dah bantu dan beri subsidi itu subsidi ini. Tapi mereka malas berusaha. Jadi jika membiarkan kampung ini dalam keadaan yang sama seperti sekarang, kita akan dilanda kemiskinan yang berpanjangan Pak Tua,” ungkap Othman bersemangat.

“Apakah pernah terfikir olehmu bahawa pendatang-pendatang itu mempunyai tujuan yang lain?” Othman diam.

“Jangan sampai jadikan mereka seperti dedalu. Silap nanti awak akan menggantikan tempat mereka. Awak harus fikirkan semua itu Othman!” Haji Sadikin segera meninggalkan Othman tanpa izin.

Othman membiarkan Haji Sadikin meninggalkan rumahnya. Dia sedar Haji Sadikin dan orang-orang kampung memandang ia khianat. Dia tidak amanah. Dia tidak jujur. Namun begitu Othman tidak peduli. Semua itu hak orang-orang kampung untuk berkata apa sahaja. Dia yang berusaha; dialah yang akan menikmati hasil usahanya itu.

Haji Sadikin menyedut dalam-dalam rokok daunnya kemudian berkepul-kepul asap putih keluar dari mulut dan lubang hidungnya. Beberapa ketika dia memikirkan tindak-tanduk Othman. Dia mengeluh panjang.

“Aku dan orang-orang kampung akan menyanjung rancanganmu Othman jika usahamu itu melalui lunas undang-

undang, lurus, jujur dan amanah. Tapi kau telah tersilap. Kau sudah terlambat untuk membendung kemarahan orang-orang kampung. Kau akan menerima pembalasannya Othman,” bisiknya dalam hati. Haji Sadikin mengeluh lagi sambil bingkas dari tempat duduknya.

Hari demi hari pendatang berkulit sawo matang itu bertapak di Kampung Bahagia. Mereka duduk di kampung itu laksana dedalu yang tumbuh melata di atas pohon-pohon mangga di halaman rumah Othman. Orang-orang kampung amat benci di atas kehadiran mereka. Mereka benci di atas sikap degil dan tamak Othman.

Kampung Bahagia tidak akan damai selagi pihak berkuasa tidak masuk campur. Retak yang menunggu pecah itu akan memburukkan lagi suasana yang harmoni selama ini. Penyelesaian perlu diambil segera. Bukan dengan cara kekerasan tetapi melalui undang-undang dan peraturan.

Othman tetap degil. Walaupun sulit baginya menyelesaikan masalah kampung dan anak-anak buahnya dia masih dengan pendiriannya. Othman bercita-cita besar. Sejak lima tahun dulu sebelum menjadi ketua dia mempunyai cita-cita tinggi. Dia mesti teruskan rancangannya. Tetapi, jika dia menolak hakikat yang dihadapinya daripada kehadiran pendatang-pendatang yang sudah tidak dapat dikawal bermakna dia telah menolak tuah. Kini Othman dilanda perasaan serba salah. Ditelan mati anak dibuang mati bapa.

Dia masih ingat bagaimana beberapa orang berkulit sawo matang itu ditemuinya. Semasa menyertai kursus pemimpin-pemimpin kampung di sebuah daerah Othman berpeluang melihat kerajinan yang dimiliki oleh orang-orang itu. Dia melihat saujana keluasan tanah di tempat itu ditumbuhi oleh tumbuh-tumbuhan yang memberi hasil utama daerah itu. Melihat peri cerdasnya peladang-peladang pendatang itu, timbul di hatinya hasrat untuk mendapatkan orang seperti mereka dan bekerja di kampungnya. Dia sedar kemunduran Kampung

Bahagia akan dapat diselesaikan. Kemiskinan penduduk Kampung Bahagia akan diatasi.

Di bandar Othman menemui ramai lelaki berkulit sawo matang itu. Dia mengajak mereka tinggal di Kampung Bahagia. Othman tidak pernah meneliti orang-orang itu. Dia menerima siapa saja yang mahu bekerja. Othman berjanji memberikan perlindungan asalkan mereka mahu berusaha di tanah-tanah bukit dan paya Kampung Bahagia. Dia ingin membuktikan keupayaannya memajukan Kampung Bahagia. Dia mahu penduduk kampung tahu dia telah berusaha dan tidak lepas tangan.

Ramlin membawa khabar tentang pendatang-pendatang haram di daerah itu. Dia kata ramai tidak mempunyai pengenalan yang diakui oleh kerajaan. Othman mendengar khabar itu tapi dia tidak kisah sangat. Dia tahu Ramlin sama seperti Haji Sadikin. Mereka penghalang. Mereka tidak suka Othman dapat nama bila Kampung Bahagia maju.

Tiba-tiba Kampung Bahagia menjadi gempar. Othman yang tengah bersiap hendak keluar rumah tergesa-gesa meluru ke kawasan gempar itu. Di pertengahan jalan dia terserempak dengan Haji Sadikin. Haji Sadikin membibit parangnya sebagai alat mempertahankan diri sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Mereka pergi bersama-sama ke kawasan bukit dan paya di mana para pendatang itu tinggal.

Bermacam-macam persoalan timbul dalam fikiran Othman. Dia teringat khabar yang pernah dihebohkan oleh Ramlin dulu. Mungkin inilah masanya dia berhadapan dengan hakikat itu. Walau apa pun kemungkinan-kemungkinannya dia tetap meneruskan langkahnya.

Haji Sadikin yang tidak begitu cergas berjalan berusaha mempercepatkan langkahnya di samping Othman. Mereka sama-sama ingin mengetahui apa yang berlaku.

Othman tergamam tatkala sampai di kawasan tanah paya dan bukit itu. Dalam keadaan yang termengah-mengah dia

menampakkan dirinya di celah-celah orang kampung yang berkerumun. Dia mendekati orang-orang berkulit sawo matang yang berbaris dan dikawal oleh beberapa orang anggota polis hutan. Othman cuba menghulur tangan kanannya kepada Pegawai Daerah yang turut berada di kawasan itu tapi tidak diteruskannya apabila dua orang polis memegang kedua belah tangannya. Othman bingung. Dia tidak tahu apa yang harus dilakukannya di suatu saat yang tidak pernah terfikir olehnya.

Orang-orang kampung yang melihat kejadian itu berpandangan sesama sendiri. Ramlin dan kawan-kawannya segera meninggalkan kawasan itu tanpa berkata apa-apa. Dari raut wajah mereka terbayang rasa puas.

Ramlin terpancang Haji Sadikin berdiri di hujung kawasan tanah paya di celah-celah orang ramai. Ramlin mengangkat tangannya mengisyaratkan sesuatu. Haji Sadikin melakukan perbuatan yang sama sambil tersenyum. Sekarang dia faham. Ramlin telah bertindak lebih awal darinya. Lebih awal dari penduduk kampung.

Haji Sadikin ingin mengetahui kejadian itu dari dekat tetapi tidak meneruskan niatnya. Dia membiarkan Othman dibawa oleh polis bersama pendatang-pendatang seramai seratus lima puluh orang ke kenderaan berwarna biru tua. Kemudian dia melihat kenderaan-kenderaan sebanyak empat buah termasuk sebuah trak berwarna hijau tua meninggalkan kawasan paya itu. Dia memandang sepi. Dalam hatinya dia memanjat doa. Dalam kotak fikir, dia terbayang bilamana orang-orang kampung telah pergi kembali mengusahakan kawasan yang hampir membiakkan dedalu dan memusnahkan kehidupan masyarakat kampungnya. Mudah-mudahan mereka sedar setelah kejadian itu.

Tiba-tiba dia berniat hendak menemui Othman di balai polis.

*Antologi Cerpen Rantau Utara,
DBP Brunei Darussalam, 1989.*

Di Manakah Laila?

BARANGKALI inilah pertanyaanmu apabila kita bertemu. Tapi apakah ada jawabnya untuk ketika ini? Sewaktu-waktu badai diri meronta-ronta mohon dilepaskan. Sedangkan ketika mahu membebaskannya sudah menanti liang luka yang akan membuak darah. Kencang menggelombang. Menghempas hening diri. Barangkali juga kau tidak percaya semua itu berlaku kepada sesiapa pun ketika tidak pernah digambarkan akan berakhir dengan kedukacitaan.

Kau akan tertanya-tanya tentunya, sejak akhir-akhir ini Bukan susah memahami peribadiku, katamu. Aksara-aksara yang kusun menjadi bahasa berirama menyelami dasar hati kecil ini dan juga yang membebani. Ternyata kau akan bertanya lagi dan lagi. Pada masa yang sama, betapa payahnya aku menyediakan jawapan yang spontan.

Hanya senyuman dapat kuhadiahkan ketika itu. Mata kita bertembung, sesekali. Tapi tentu saja di situ bukan tempatnya. Berada di atas jalan raya yang sibuk. Apatah lagi, kau baru saja tiba dari seberang. Mungkin bicara kita terbatas. Dan aku tidak banyak menyampaikan apa-apa. Mendengar pertanyaan demi pertanyaan.

Kau memang *cool*. Begitulah katamu. Benarkah? Maksudmu?

Mengapa aku kata begitu kerana memang kau sentiasa tenang, sabar dan paling kugemari, kau mudah melarik senyum meskipun buat beberapa ketika kau kelihatan murung. Menjadi

seorang pendiam. Kau berkata dengan dirimu. Matamu redup tapi wajahmu...

Bagaimana kau tahu Sah? Bagaimana kau dapat menjangka ada bicara di dalam kemurunganku? Kau ketawa. Keadaan itu meminta aku menghentikan kenderaan di tepi. Katamu, kau mengenaliku lebih daripada sesiapa. Kau harus tahu itu, As. Aku tergumam. Benarkah begitu? Sedangkan Laila, hanya namanya berada di atas segala-gala. Hati budinya?

Memang ada kebenarannya, Sah. Menghadapi apa juga perkara harus disertai ketenangan, kesabaran, kesediaan dan keceriaan. Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada anaknya, Fatimah - *Wahai Fatimah, kau hadapilah segala pemberian dari Allah dengan bersyukur tetapi kau harus menghadapi apa pun sengsara dengan kesabaran. Betapa dalamnya rasa luka atau dukacita sekalipun tidak akan ada untungnya jika tidak disertai semua itu yakni syukur dan sabar. Memang itulah penawarnya.*

Jika kuceritakan barangkali kau berasa bosan dengan ulangan-ulangan yang sama. Meskipun kau telah mengenaliku sejak lima atau enam tahun yang lalu. Sepertiku, siapa yang tidak kenal seorang yang mudah ketawa dan juga memberikan air matanya ketika suka, apa lagi ketika duka? Kaulah orangnya, Sah. Aku faham, bahasamu. Bahasa yang diam dan paling dalam. Namun semua itu tidak mudah ditandai orang lain kecuali mereka yang seakrab kita. Bukan juga Laila. Kadang-kadang aku mendengar gosip liar yang dilemparkan. Adakah untuk kita? Aku tidak faham dengan apa yang mudah difikirkan orang lain tentang orang lain yang kelihatannya rapat, intim dan sepadan.

Ketika bersetuju untuk bertemu minggu lepas, aku sungguh bahagia sebenarnya Sah. Hilang juga dukaku. Sedikit terlerai hiba dan runtunan rasa yang membadaai beberapa ketika ini. Tentu kau tidak sabar, apakah agaknya yang berlaku pada diriku? Memang dalam warkah-warkah yang kukirim aku tidak

menyatakan keadaan yang sebenar. Aku khuatir kau akan turut gelisah.

Bila bertemu nanti aku sendiri tidak tahu di mana harus dimulai. Begitulah, ketika ingin memulakan sebuah cerita sebagai kebiasaanku, bukan mudah memulakannya. Barangkali aku akan berkata begini: aku ingin bercerita tentang kedukaanku kerana kehilangan Laila. Jika begini, tentu kau kata aku terlalu melankolis. Tidak bijak mengawal perasaan. Katamu lagi: bukankah hal-hal seperti ini lumrah, selalu berulang Barangkali begini saja: aku mulakan dengan sebuah sajak pendekku: *kembalikan kenangan itu kepadaku! (Ketika kerap citra ini dihilangkan sunyi, memandang arus melewati mimpi-mimpi, taburan bunga-bunga, sambil sejuta tanya hinggap pada pohon-pohon yang merendang, ketika berteduh dan bercitra...).*

Mungkin panjang pertanyaanmu kali ini, Sah. Tapi percayalah aku semakin memperoleh kematangan yang lain, kedewasaan yang baru tentunya. Selepas melaluinya. Kegetiran demi kegetiran. Tragedi demi tragedi. Trauma demi trauma. Sedangkan aku tidak pernah mengaku kalah meski apa pun akan berlaku. Aku tidak tahu apa yang akan berlaku esok. Seperti seseorang pernah berkata bahawa kehidupan ini sesungguhnya ada dua – yang menang dan yang kalah; yang ketawa dan yang menangis; yang gembira dan yang terluka... itu semua fitrah insan yang punya rasa. Tapi apabila kita mengambil salah satu daripada yang dua ini, apakah kita tidak akan mengalami yang satu lagi? Hari ini ada yang ketawa, esok kita belum tentu mengulanginya. Kerana itu, aku menganggap kelukaan tidak akan menjurangkan persahabatan yang dibina. Malah mengakrabkan seperti dulu, ketika menjauh dan mendekat, tetapi tidak berlaku jurang yang memisahkan. Ini kesimpulan yang boleh kuberi. Dan, kau kulihat seolah-olah percaya dan bersetuju. Atau sebenarnya kau sedang membawa fikiranmu lebih jauh?

Aku sebenarnya disemai keyakinan baru. Kehadiran pagi menjanjikan taman yang indah, diwangikan kembangan bunga dan hijau pohonan pengalaman. Sungguh bahagia sekali menghirup bayu lembah Tambalugu ini. Taman itu dibina daripada segala macam kenangan dan pengalaman lampau. Tawa dan tangis selepas meranjaui suatu penantian yang amat panjang. Penantian yang menggelisahkan. Banyak masa yang diluangkan untuk itu. Menanti sebuah ketidakpastian. Memang paling menduga. Mencabar kewarasan dan kewajaran.

Aku pernah menceritakan tentang penantian dan pertemuan itu kepadamu, Sah. Tentulah kau tidak lupa kisah itu. Ramai sahabat kita tahu tapi mereka tidak mengerti apa-apa kecuali kau sendiri. Kau amat memahami sebenarnya. Seperti juga Laila walaupun dia datang dan pergi. Seseekali singgah dari perjalanan jauhnya. Singgah melepaskan lelah dan duka laranya. Laila selalu mendugaku. Namun kesabaran ada juga had dan batasnya. Kau terluka kerana itu, As. Katamu cuba merentas alur rahsia hati kecilku. Aku tidak berkata apa-apa.

Kau mengingatkan aku tentang sebuah pintu yang pernah Laila singgah beberapa waktu dulu. Ada dunia yang lain di dalam pintu itu sebenarnya. Di dalamnya merupakan impian-impian Adam dan Hawa. Impian-impian semua manusia yang memiliki rasa. Namun aku gagal menjejaknya ketika tiba di hadapan pintu itu. Aku tidak boleh memasukinya kerana ... Kau tidak ada kuncinya? Kau mengingatkan aku. Tidak begitu, Sah. Bagiku, keikhlasan dan kejujuranku itulah kuncinya. Ternyata kau hadir tanpa kedua-duanya? Aku membaca semula bab kehidupan Laila menerusi pintu-pintu yang dilaluinya. Namun Laila tidak pernah berputus asa. Laila akan kembara di suatu ilusi ang tidak pernah berhujung. Dan kali ini seekor putera ...

Benar. Laila berada dalam takluk Putera Belalang. Kau ingat Putera Belalang yang kuceritakan berdasarkan cerita penjaga pintu itu. Putera Belalang yang tahu hanya terbang dari padang ke padang. Entah keperkasaan apa yang ada dalam diri

Putera Belalang itu selain ketangkasnya terbang dan melompat serta kelincahan yang tidak dipunyai makhluk lain. Menakluki padang-padang miliknya yang lain. Putera Belalang akan bertindak apa sahaja hatta merampas kebahagiaan dan impian orang lain di antara padang-padang itu.

Kau pernah menjana mindaku apabila melihat perubahan pada mimik wajahku yang murung dan redup ini. Murung dan redup tapi gelisah. Benar aku trauma ketika itu dan marah yang amat sangat. Tapi apalah ada pada seorang Qais. Pada hal Putera Belalang hanya wujud di dalam gambaran fikirku, itu katamu sambil ketawa lucu. Kau tidak mudah percaya kecuali masuk ke dalam pintu diriku. Tapi adakah begitu? Kau harus menyelami apa yang aku fikirkan bukan apa yang aku akan katakan semata-mata. Gelora kesedihanku hanya ternampak apabila aku tidak berkata-kata. Cuba pandang mataku dalam-dalam. Dekapkan jemarimu di atas dadaku. Degupan jantungku. Jalaran darah di setiap pembuluh darahku. Kau dapat rasai. Pasti, Sah.

Kau diam. Mungkin mengerti atau masih mahu mencari kebenarannya. Tapi aku melihat Laila dari jauh. Sese kali menemui ketika bersendirian, hanya dari jauh. Siapakah aku, bagaikan Qais yang merindukan Laila di luar pagar istana! Qais, si fakir yang kembara merentasi padang pasir yang tandus ... Kau mengejutkan aku. Biarkan dulu begini, Sah. Benarkan aku mendekati kenangan itu. Menuju pintu itu untuk mendekati Laila.

Apakah maknanya semua itu, As. Apa maknanya keasyikan yang boleh mambawa kau sesat di selokan, katamu lagi. Semua itu hanya rasa. Kau harus mencari keberanian dan keperkasaanmu yang sebenar. Jika dulu kau dinaungi keberanian yang lain, nah, sekarang jejak keberanian yang baru. Fahamkah kau makna keberanian itu? Kau menyentuh bahu ku sambil akhirnya tunduk tersipu. Tapi selepas itu kau kembali merenung wajahku.

Semua itu hanya rasa. Kau tahu mengapa rasa hanya ada di dada? Kau tahu tak, mengapa akal ada di kepala? Aku tergumam seketika mendengarkan ini. Kau tanya aku tahu? Memang benar di kepalalah akal itu bertakhta dan di dadalah rasa itu bernaung. Tapi apa kaitannya dengan diriku? Aku hanya ingin melihat jika tingkap mahligai itu dibuka Laila!

Kau bermimpi. As. Aku bermimpi? Tak mungkin. Aku masih sedar dan melihat diriku saat ini. Tapi aku juga melihat pintu itu. Aku seolah-olah membukanya dan memandang wajah Laila, memandang keintiman yang pernah dilalui bersama. Ini kukatakan padamu, Sah. Kau pernah juga berkata, perhubungan intim bukan bererti tanda pasti aku berjaya melepasi pintu itu. Mungkin sahaja pintu itu penuh dengan kedukaan, dendam kesumat dan lara. Siapa tahu. Dia akan keluar juga dan mencarimu. Semua ini akan berulang. Dengar kata-kataku ini, As. Kau juga mesti percaya bahawa pintu itu akan tertutup semula membiarkan dia kepada suatu kenangan lain. Berbekal seberkas pengalaman peribadinya, dia akan datang kembali; paling tidak untuk memperagakan salam maaf! Maaf demi maaf yang tidak selesai.

Entahlah, mengapa kau sebaik itu, As. Tidak seperti kebanyakan yang lain, yang mudah menyimpan dendam mereka. Sepatutnya bunuh saja kenangan itu, atau kembalikan kepada asalnya. Malangnya aku tidak sekejap itu, Sah. Sudah lama ia menjauh meninggalkan aku mencipta sebuah dunia diri dan pintu itu untuk kutitip kemudiannya. Sese kali aku mendengar citra dan tragedi kehidupan yang runtuh, bangun dan runtuh semula. Selepas itu mencariku untuk sebuah keruntuhan yang lain! Memang, inilah perulangan yang kau maksudkan, Sah. Tapi apakah aku akan mengulangnya lagi?

Aku tidak akan berduka kerana itu. Aku tidak berhak untuk mendendami apa lagi sakit hati. Aku bukan siapa-siapa. Aku seperti insan lain, adalah kepunyaan mutlak Tuhan. Kita tidak berhak ke atas sesiapa. Jika kita terluka, bukankah itu

hanya secebis kedukaan orang sebelum kehadiran kita? Duka mereka lebih parah. Aku bukan Abu Bakar. Bukan Umar Al-Khattab. Bukan Bilal. Bukan Amir Hamzah. Bukan Jose Rizal. Bukan Chairil Anwar. Bukan Anwar Ibrahim. Aku adalah diriku sendiri. Tetapi apa yang berlaku sekarang hanya cebisan kecil dan tragedi sengsara mereka semua. Tokoh-tokoh zaman lampau yang pernah melewati pusingan kehidupan itu.

Kau makhluk pilihan Tuhan, katamu lagi. Bersyukurlah untuk itu. Tuhan akan menguji kerana kasih-Nya Dia kepadamu. Aku terkesima mendengar hujahmu, Sah. Terima kasih. Benarlah bahawa segala ujian itu tidak satu tapi berbagai-bagai. Di tempat yang berbeza-beza. Pada masa yang berlainan. Iklim yang tidak sama. Juga, perasaan yang tidak mungkin serasa. Tuhan akan terus menguji sambil memberi pengajarannya untuk kita sedari betapa besar Kekuasaan-Nya.

Jangan alah kepada perasaan. Perasaan, seperti katamu dalam warkah yang kuterima baru-baru ini melalui e-mel, akan membunuh seluruh kehidupan, juga kenangan. Kita cepat alpa. Melupakan keberadaan kita. Melupakan sumpah yang dilafazkan. Kadang-kadang umpama kek. Kadang-kadang umpama lalang. Kek dan lalang? Kau berhujah lagi, Sah. Aku tidak lupa ketika kau mengutus surat kepadaku ketika hujan masih belum tiba di lembah ini. Mengapa manusia membezakan kepada penerima kek-kek itu. Seperti berlaku pilih kasih. Ketika bahagia, kek itu dipotong kemas, diletakkan di atas pinggan yang terpilih. Dan tiada cacat celanya. Apabila mula membenci, bagaimanakah bentuk kek yang harus dibahagi? Demikian juga apabila manusia diumpama lalang. Perasaannya, sebenarnya. Cepat berubah ketika ditakluki sentuhan angin. Mengikut bagaimana derasny deru angin itu. Lalang yang melukakan. Memang lalang selalu melukakan, apabila kita alpa dan lalai. Tapi, apakah maknanya semua itu?

Aku bahagia, Sah walaupun hanya seketika ketika memasuki pintu itu. Rupanya ada taman lain yang kuhidupkan di

dalam pintu itu. Pernahkah kau membaca sebuah puisiku berjudul *Sebuah Taman*? Aku tidak akan pernah berputus asa. Meskipun Laila di atas singgahsana Putera Belalang itu. Penantian akan menjadi pakaianku untuk esok atau lusa atau sehingga tiba dekad yang seterusnya. Sebagaimana betahnya aku menanti sehingga Laila muncul ditingkap berjeriji itu selepas dua dekad berlalu.

Sukar untuk aku katakan apakah rasa yang sebenar dalam warkahku kali ini, Sah. Itu rahsiaku. Biarlah seperti orang lain, aku berhak untuk berahsia. Biarlah ia kuhuni dalam kamar diri. Dalam kesedihan yang teratas. Mengunjungi taman dan pintu itu, mengembalikan calar kenangan dan direnungi. Walaupun dia sudah berada jauh selepas mendekati antara satu. Tunggulah tiba pertemuan yang seterusnya.

Dan, pada hari itu, aku tidak sedar cuaca diri bertukar tiba-tiba. Mendung beralih ke arahku. Guruh, guntur dan kilat bersahut-sahutan. Dan, hujan mulai turun dengan amat lebat, memandikan lembah Tambalugu ini di bawah megah istana.

Di manakah Laila?

Utusan Borneo, 3 Oktober 1999.

Menanti Teduh Hujan

LANGIT yang gelap pekat membawa senja jadi malam. Deru angin terasa begitu kuat menerjah dari rongga tingkap yang terbuka. Ganas. Mengibarkan dan menghempas langsir hingga mengeluarkan bunyi-bunyi yang aneh.

Hujan dan kemarau ciptaan Tuhan. Walaupun ada hati yang mengeluh. Kain tidak kering di jemuran. Getah tidak dapat ditoreh dan para nelayan hampa di lautan. Bukan Amirah seorang saja yang berdiri di tepi tingkap, mengharap agar hujan lebat tidak turun lagi pada petang itu, tapi seluruh penduduk kawasan itu berdoa.

Rintik-rintik hujan mulai memenuhi parit di tepi rumah. Mengalir deras membawa segala khazanahnya. Air yang bercampur dengan lumpur itu berwarna hitam likat berpusar-pusar mengiringi sampah sarap buruk, lumut berselut dan tin-tin kosong berkarat.

Tetapi Aiman, seperti kebanyakan anak kecil yang lain berasa lebih selamat berada dalam dakapan Amirah, daripada melihat kertas berterbangan di dalam rumah seperti roket kertas kegemarannya. Pada Aiman, keghairahan membuat roket kertas telah lenyap dibawa angin yang menggila itu. Kecut perutnya dan nafasnya mulai kencang.

“Ibu, Aiman takut,” bisik Aiman di telinga Amirah yang sedang mengelamun mengingati suaminya yang bertugas di perairan negara. Macam-macam yang menerpa dalam kotak ingatan Amirah bagai terpaan hujan yang sesekali menyimbah

airnya di gigi tingkap. Pipi Amirah ditepuk oleh jejari mongel anak keduanya. Entah sudah berapa lama dia tercegat di tepi tingkap itu, dia tidak sedar.

Badan Amirah mulai terasa sejuk bukan kerana siraman air, tetapi kerana kilat sabung menyabung dengan guruh yang berdentum-dentam bagaikan mahu memecah angkasa raya.

Tiba-tiba ingatan Amirah berpusat kepada Surya yang tiga tahun tua dari Aiman. Matanya terpaut pada jam dinding yang sudah menunjukkan pukul tujuh malam. Sepatutnya anak itu sudah berada di sisinya kerana hari Jumaat waktu keluar sekolah lebih awal daripada hari-hari lain.

“Mak cik, tadi Surya main hujan. Dia tidak dengar bila saya nasihat jangan main hujan.” Aduan Mimi semalam mencabar emosi dan kesabaran Amirah. Memang Surya basah kuyup. Tepat aduan Mimi. Yang peliknya Mimi tidak sebasah anaknya. Mimi dan Surya belajar di sekolah yang sama. Menaiki bas sekolah yang sama.

“Surya, kenapa main hujan? Bukankah ibu dah pesan, kalau hujan berteduhlah di pondok tepi sekolah tu sehingga pakcik bas jemput,” leter Amirah sambil menanggalkan pakaian sekolah Surya. Kemudian dia memandikan anaknya itu.

Leteran Amirah tidak mendapat sebarang reaksi dari Surya yang hanya diam membatu. Anak sulung memang keras hati, macam perangai aku, bisik hari kecilnya.

Selepas makan malam Amirah cuba memujuk Surya sekali lagi. Kali ini dengan nada yang lebih lembut. “Surya, cuba berterus terang pada ibu. Kenapa Surya main hujan dan ingkar pesanan ibu? Kalau Surya sakit pasti ibu dan ayah sedih. Lagipun tak lama lagi cuti sekolah. Kalau Surya sakit kita tak boleh balik kampung nenek tau? Mengapa Surya mungkir janji?”

Amirah mengusap rambut halus anaknya. Direnungnya mata anak manis itu yang mulai berkaca dan bibir Surya mulai melontarkan kata-kata yang beratnya seperti balak.

“Ibulah yang mungkir janji. Ibu kata kalau Surya dapat A untuk semua kertas periksa, hadiahnya sehelai baju hujan dan payung. Mana janji ibu? Mimi tak basah sebab ibu Mimi tepati janji.”

Lontaran dan jeritan hati Surya bagai ledakan bom layaknya. Amirah tergamam tidak mampu mempertahankan diri. Surya berlari pantas menghempas diri di katil lalu menutup mukanya dengan bantal gentel kesayangannya. Aiman, si adik pun turut serta dalam sabotaj si kakak. Dengan satu renungan benci, geram dan terhiris dia juga berbaring di sisi kakaknya.

Mereka sekongkol. Sekufu. Sedarah. Sedaging. Amirah kaku. Buntu. Kelu. Sendu. Dan pasrah. Waktu itu tidak dapat dibayangkan bagaimana terhirisnya naluri keibuan Amirah. Dia mencari. Meraba-raba dan menimbang harga diri. Kasihannya anak-anakku, bisiknya.

Amirah merapati kedua-dua anak comel itu dengan tekad dan janji yang tidak mungkin dimungkiri lagi.

“Dengar sini anak-anak ibu. Ibu bukan mungkir janji. Tapi buat masa ini ibu belum ada duit. Nanti kalau abah balik atau abah kirim duit untuk kita, ibu pasti belikan. Ibu berjanji.”

Memang benar Amirah sudah berjanji. Lebih sebulan lalu sebelum peperiksaan semester akhir bermula. Kini janjinya dituntut. Amirah terus menanti khabar dan kiriman wang dari Johan, namun dia hampa. Segala keperluan di dapur hampir putus. Anak-anak masih mentah untuk berkongsi penantian dan pengertian tentang kehidupan ini.

“Abang, di manakah dikau pada saat dan waktu begini?” Perasaan Amirah berkecamuk.

Azan maghrib berkumandang dari surau yang berdekatan. Hujan masih turun mencurah-curah dengan kilat sambar-menyambar. Fikiran Amirah semakin kalut. Langkah-langkahnya semakin sederhana dan perlahan. Terasa bayi dalam perutnya menedang-nendang. Amirah berdoa agar dia tidak melahirkan anak tidak cukup bulan lagi. Cukuplah Aiman

seorang kerana anak yang lahir awal dari jangkaan, kurang daya tahan diri. Waktu hujan begini, Aiman mula diserang batuk, selesema dan mungkin lelah.

Kegelisahan Amirah membuat dia berjalan di antara pintu dan bilik tidur. Kemudian berjalan semula ke pintu dan memandang ke luar. Di luar adalah malam yang hitam. Amirah semakin cemas.

Dia berasa seakan-akan suatu perkara besar akan berlaku malam itu. Peluh sejuk membasahi sekujur tubuh Amirah. Aiman sudah tidak mampu didukungnya. Sewaktu dia hendak menurunkan Aiman serasa urat pinggangnya seperti putus. Sakitnya tidak terperi lagi. Aiman pada mula enggan diturunkan seperti mengerti bahawa ibunya sedang berperang dengan perasaan menanti kemunculan Surya di ambang pintu.

“Ibu nak ke mana?” tanya Aiman bila melihat Amirah meninggalkannya di atas kerusi makan.

“Ibu nak ambil air sembahyang, sayang. Duduk diam-diam jangan tengok cermin nanti disambar petir,” pujuk Amirah bila dilihatnya Aiman berlari melihat mukanya dalam cermin di bilik air.

“Kalau begitu Aiman pun nak ambil air sembahyanglah,” pintas Aiman yang masih pelat bercakap.

Amirah meneruskan tertib wuduknya hingga selesai. Namun telinganya menangkap sesuatu yang diucapkan oleh Aiman ketika memulakan cubaan mengambil wuduk pertamanya di sisi Amirah.

Amirah terharu benar dengan lafaz niat Aiman walaupun pelat tapi betul. Dia lupa yang Aiman belajar di Taman Asuhan Kanak-kanak yang menitikberatkan pelajaran agama. Mata Amirah terkebil-kebil melihat telatah anak lelaki itu. Mungkin inilah kelebihan anak tak cukup bulan, bisik hati kecilnya.

Seketika resah yang mencengkam jiwa sebentar tadi hilang kemudian menyambar lagi setelah selesai solat maghrib.

Aiman lebih awal selesai solatnya. Maklumlah bacaan pun masih pelat. Namun jelas, doanya lebih terang didengar.

“Ya Allah, ya Tuhan, mana kakak saya tak balik-balik. Janganlah ambil kakak saya.” Dia menadah tangan dengan kejam sekali. Berderau darah Amirah. Kerongkongnya terasa perit menahan sebak. Aiman seakan-akan tahu apa yang tersirat di lubuk hatinya. Amirah cuba mengawal emosinya sebaik mungkin. Dia tidak mahu tekanan perasaan itu mengakibatkan kelahiran anak tak cukup bulan sekali lagi. Demi perkembangan psikologi anaknya dia cuba mendamaikan hati kecil Aiman yang mula gelisah.

“Aiman, teruslah berdoa. Tuhan sedang mendengar permintaan Aiman dan ibu. Pasti kakak akan balik sekejap lagi. Kakak dah janji dengan adik di dalam perut ibu ini untuk bermain bersama.” Amirah mengusap-usap perutnya. Pujukan Amirah mengena. Aiman yang hampir menangis, mula mengukir senyuman.

Amirah kembali ke muka pintu, meninjau dalam kegelapan malam, kalau-kalau ada suara kecil memberi salam. Jiran-jiran mulai bertanyakan tentang ketiadaan Surya. Para suami di sekitar telah menjemput anak-anak dengan kereta masing-masing. Mimi, anak jirannya sudah pun dijemput bapanya.

Tapi di mana Surya? Oh Tuhan. Debaran di dada Amirah semakin kencang.

Dia mulai menyoal diri, apakah ini dugaan Tuhan buat dirinya? Kalau boleh dibuat pertukaran, Amirah rela menjadi galang gantinya.

Perut Amirah semakin mengetat. Seseekali terasa berdenyut. Hati kecilnya tidak berhenti berdoa menangkis andaian buruk yang menerpa di kotak fikirannya. Diculik? Dirogol? Atau? Jika diikutkan hati, mahu saja diheretnya Aiman meredah hujan mencari Surya di tepi pondok sekolah. Namun keadaan dirinya tidak mengizinkan. Dia bimbang jika terjatuh

atau melahirkan di tengah jalan. Pada saat itu dia mahu menjerit dan menyebut nama Johan sekuat hati agar segera kembali menangani kemelut hatinya.

“Mak cik, tadi Mimi ajak dia naik motor ayah Mimi, tapi dia kata hendak tunggu bas Pak cik. Kesian Mimi tengok Surya yang basah kuyup dan menggigil,” suara Mimi memecah kedinginan malam. Amirah tidak mampu membalas kata-kata Mimi. Ditenungnya mata Mimi yang sepet sehingga Mimi rasa serba salah dan masuk semula ke dalam rumahnya.

Tiba-tiba satu laungan dan jerit pekik memusat di rumah jiran yang terletak empat pintu dari rumah Amirah. Amirah tidak berani bertanya apa sebenarnya sedang berlaku di rumah itu. Para suami jiran bergegas meredah hujan untuk membantu apa yang patut.

Amirah tidak dapat menahan sebak bila diberitahu anak jirannya telah mati disambar petir di pondok tempat Surya menunggu bas.

“Ya, Allah selamatkan anakku, Surya.”

Entah berapa kali Amirah melafazkan janji dan rayuannya. Azan isyak mula bersahut-sahutan. Aiman datang dan duduk di atas riba ibunya lalu membisikkan sesuatu di telinga Amirah yang sudah tidak terdaya mengangkat punggung dan perutnya yang sama bulat dan berat.

“Ibu, hujan dah berhenti. Mari kita sembahyang lagi,” regekk Aiman. “Hujan dah berhenti suara kita lebih kuat. Tadi hujan lebat, mungkin Tuhan tidak dengar doa kita,” sambung Aiman memberi sebab mengapa sembahyangnya patut diulang.

Amirah memeluk Aiman erat-erat. “Tuhan dengar doa kita sayang, walaupun kita tidak membuka mulut. Sebelum berdoa pun Tuhan sudah tahu apa saja yang kita mahu.”

Amirah cuba bangun tetapi perutnya terasa senak dan mengeras. Amirah terus membaca apa saja untuk menguatkan semangat. Surah al-Ikhlâs dibaca berulang kali sambil menyapu pinggang dan perutnya. Selawat atas nabi sudah beribu kali.

Akhirnya Amirah mendapat kekuatan bila melihat sinaran mata Aiman menembusi matanya lantas ke hati. Dengan segala kekuatan dia berjalan perlahan-lahan menuju ke katil.

“Pergi kejutkan ibu. Dah lama benar ibu tertidur tu,” desak Johan kepada anak kesayangannya, Surya. Surya akur perintah ayah yang sangat dirindukannya. Lebih-lebih lagi setelah mendapat hadiah gaun putih dari Johan.

“Ibu, ibu bangunlah. Surya dah balik. Ayah pun dah balik,” bisik Surya di cuping telinga ibunya.

Amirah tersentak, dia menyeka matanya beberapa kali. Dia tidak percaya dengan apa yang didengar dan dilihat. Surya yang dirindukannya sepanjang hujan ribut tadi sudah berada di sisinya. Dia memaut Surya dan menciumnya bertubi-tubi. Pasti dia tidak bermimpi. Anak manis bergaun putih ada di sisi nya tetapi siapa yang membelikan gaun putih itu?

“Abang kebetulan dapat cuti panjang. Kawan pula bagi pinjam keretanya selama dia di luar negara,” suara Johan meresik di telinga Amirah.

“Jadi, *enjoy*lah hingga lupa anak isteri?” Amirah seperti merajuk.

“Bukan begitu, sebenarnya abang mulai bercuti hari ini sehinggalah Mira bersalin nanti. Sengaja abang tak bagi tahu, sebab nak buat kejutan sikit,” Johan membelai rambut Amirah.

“Surya abang jemput di pondok tadi. Dah basah kuyup dia, sebab itulah abang belikan baju baru tu,” Johan mencium Surya bila anak itu datang tersipu-sipu.

“Ibu tak payah belikan baju hujan dan payung lagi. Ayah dah belikan untuk Surya dan Aiman. Ayah pun belikan pakaian adik yang dalam perut ibu tu.” Jejari Surya menunjukkan ke arah barang-barang yang disebutkannya satu persatu.

“Oh! Padanlah lama sangat. Ibu dah naik pitam di rumah, rupanya dia pergi membeli belah,” rungut Amirah.

Segala yang ditunjuk dan disebut tidak mengubah perasaannya yang sakit.

“Mira, kamu dan nak bersalin, tak boleh jalan-jalan lagi,” suatu suara menyampuk dari dapur tiba-tiba. “Dahlah tu, mari kita makan. Ibu dah siapkan semuanya.”

“Ibu!” Amirah terjerit kecil mendengar suara ibu yang diingat dan dirindukannya itu. Tidak syak lagi Johan telah menjemput ibunya yang terpamer dalam kotak fikirannya tadi.

“Ibu,” Amirah memeluk erat ibunya yang sudah terpegat di sampingnya. Ibunya membalas dakapan kasih itu dibungai usapan di kepala. Amirah menghidu bau harum tubuh ibu yang tidak pernah berubah, sebagaimana kasihnya yang abadi sedia berada di samping Amirah bila anaknya itu memerlukannya.

Begitulah. Hujan membawa rahmat, Allah s.w.t. pula memberi kekuatan.

Utusan Borneo, 12 Disember 1999.

Sepasang Sayap Jelita

EMBUN pagi masih mencipta alurnya sendiri di kaca jendela, menggermang seperti pandangan mata manis, saat Welin menggeliat baru bangun tidur. Mata Welin masih kuyu seperti mata kupu-kupu. Tetapi bola mata mungil itu segera mengerjap haru saat menatap embun di jendela kamarnya yang putih seperti guguran salju. Membuat khayal Welin melambung jauh, membayangkan suatu saat nanti pergi ke sebuah tempat yang penuh salju. Mungkin di sebuah bukit yang tinggi atau jurang yang dalam sehingga yang tampak hanya warna kelam kelabu.

Tetapi khayalan itu hingga kini belum pernah menjadi. Membuat Welin kerap cemberut bersungut-sungut. "Tuhan tidak adil!" Seiring Welin mengucapkan kalimat-kalimat itu dengan bibir pucat membiru.

Dengan kemarahan meledak-ledak Welin menghapus embun di jendela kamarnya. Jendela kaca yang semula buram itu menjadi bening, bersih. "Aku tak mahu kamu tipu!" Welin berseru. Nafasnya sengal, memburu. Matanya merah menyimpan amarah sekali gus rasa ngilu.

EMBUN di jendela kamar Welin sudah lama tidak muncul. Tetapi Welin tidak sedih atau kecewa. Sebab, Welin memang sudah tidak suka melihat embun dan juga tidak ingin pergi ke sebuah tempat bersalji. Welin justeru ingin menjadi seekor burung yang boleh terbang ke langit biru. Dari jendela kaca kamarnya yang kini selalu bening, setiap kali bangun tidur Welin suka menatap burung-burung yang berkicau di ranting

pohon jambu samping rumah. Burung-burung itu, meski tubuhnya kecil tapi boleh terbang tinggi. Welin juga ingin terbang tinggi seperti burung-burung itu. Kerananya, setiap kali ingin berangkat tidur, Welin selalu berdoa agar ketika bangun nanti ia sudah menjadi seekor burung. Tetapi lagi-lagi Welin kecewa sebab setiap kali bangun tidur dirinya masih belum berubah menjadi seekor burung.

Welin putus asa. Ia kemudian malas berdoa. Kalaupun sesekali ia masih berdoa itu hanya dilakukan seadanya. Welin tahu, Tuhan pasti tidak akan memperhatikan dia dari mulut seadanya. Tetapi pagi ini Welin sangat terkejut. Ketika semalam ia tidak berdoa, bahkan yang iseng sekalipun, pagi ini ia justeru mendapati sepasang sayap mungil tumbuh di punggungnya. Sepasang sayap dengan bulu-bulu halus berwarna putih dengan garis-garis biru dan ungu melengkung tipis saling bersinggungan di kedua sisi dalamnya.

Apakah aku mimpi? Tanya Welin dalam hati. Takjub. Hairan. Di depan cermin Welin terus menggosok-gosok mata, ingin meyakinkan penglihatannya. Tidak salah! Sepasang sayap itu benar-benar tumbuh di punggungnya. Sepasang sayap mungil dengan bulu-bulu putih halus tampak indah mempesona. Pelan, gementar, jari-jari Welin menyentuh kedua hujung sayap itu. Terasa dingin seperti baru dimasukkan dalam kulkas.

Tapi, tiba-tiba terdengar pintu diketuk dari luar. Keras seperti digedor. Welin terkejut, buru-buru mengenakan baju, menyembunyikan sepasang sayap di punggungnya. Welin tahu, hanya Mama di rumah ini yang suka menggedor pintu seperti seorang perampok. Tak sempat naik kerusi roda, Welin mengengsot di lantai membuka pintu kamar. Benar. Seraut wajah berminyak dan sepasang bola mata melotot sudah berdiri di depan pintu. Berkacak pinggang. Welin gementar, merunduk. Tubuhnya seperti hendak rebah.

"Dasar anak pemalas! Jam sebegini baru bangun!" Mama menjewer telinga Welin. Selalu begitu setiap Welin

bangun kesiangan. Tapi Welin tidak meronta. Sebab Welin tak ingin tangan Mama yang penuh logam kuning bergemerengcing itu melayang menggampar mukanya. Welin tetap merunduk, tunduk. Lalu, ketika Mama meluru masuk kamar, perlahan Welin mengengsot menghampiri kerusi roda di samping tempat tidurnya. Welin tahu apa yang harus dilakukannya pagi-pagi begini, iaitu membuat kopi untuk Mama. Mama pasti letih selalu setelah semalaman bekerja dan baru pulang subuh tadi.

Tapi, baru beberapa detik, Mama sudah tidak sabar, berteriak serak dalam kamar. "Cepat sedikit, Welin!" Membuat Welin kikuk, tergesa-gesa. Ya, pekerjaannya sering tidak pernah sempurna, justeru kerana Mama tidak sabar, ingin cepat selesai. Tapi...hmmm, secangkir kopi panas itu telah siap dihidangkan dan aromanya segera menyebar memenuhi seluruh ruangan, menyusup ke celah-celah lubang masuk ke dalam kamar Mama.

PAGI cerah. Mama pergi. Seperti biasa Welin mendorong kerusi rodanya ke teras depan, dan dari sela-sela rimbun pohon bunga yang tumbuh di halaman, ia akan melihat teman-teman sebayanya berangkat sekolah. Welin, 14 tahun. Mestinya ia juga sudah sekolah dan bahkan duduk di bangku kelas dua SM. Tapi Mama selalu meludah setiap kali mengutarakan keinginannya untuk sekolah. Mama bilang, hanya orang-orang bodoh saja yang masih perlu sekolah. Sedang dirinya, kata Mama, bukan orang bodoh, kerana itu dia tidak perlu sekolah.

Setiap hari Welin dikurung di dalam rumah. Tak boleh keluar untuk alasan apa pun. Tapi pernah suatu kali diam-diam Welin pergi ke rumah Neti, tetangga sebelah, yang mahu mengajari membaca, menulis, dan mengira. Tapi baru lapan kali pertemuan, pada pertemuan terakhir, Mama datang dengan pentungan kayu. "Kamu sudah pintar, Welin! Tak perlu belajar!" Mama mendengus. Sejak itu Welin takut keluar rumah. Paling tidak, pagi-pagi, ia hanya duduk di teras depan melihat teman-

teman sebayanya berangkat sekolah lalu kembali masuk ke dalam rumah.

Tapi, sudah beberapa hari ini Welin sering menghabiskan waktunya seharian di teras depan. Bukan untuk melihat teman-teman sebayanya yang mahu berangkat sekolah. Bukan. Tapi untuk mencuri pandang seraut wajah laki-laki yang kerap muncul dari pintu rumah seberang jalan; berambut klimis, mengenakan kaca mata tipis, tersenyum manis, sesekali melambaikan tangan. Ya, Welin suka menatap laki-laki itu. Membuat jantungnya berdegup keras saat tanpa sengaja bola matanya beradu dengan bola mata milik laki-laki itu. Dan, begitulah, suatu perasaan aneh tiba-tiba menjalar kuat di benak Welin membuat dunia sekelilingnya terasa indah.

SEMAKIN hari sepasang sayap di punggung Welin tumbuh semakin panjang dengan bulu-bulu yang kuat dan kukuh. Dulu Welin pernah ingin memotong sepasang sayap itu kerana takut ketahuan Mama. Mama pasti akan marah besar jika tahu di punggungnya tumbuh sepasang sayap. Tapi niat itu segera diurungkan kerana Welin sadar dirinya akan menjadi jelik tanpa sepasang sayap itu. Memang agak kelam kabut, sebab ia harus mengenakan pakaian longgar supaya tidak ketahuan Mama.

Ini adalah hari kesepuluh sejak sepasang sayap itu tumbuh di punggung Welin. Welin suka menatap berlama-lama sepasang sayap itu lewat cermin di kamarnya atau ketika sedang mandi. Welin juga mengelus-elusnya. Welin merasa dirinya setiap hari terus bertambah cantik dengan sepasang sayap itu. Membuat perasaannya melambung bahagia. Apalagi, ya, apalagi. Tiga hari lalu, laki-laki berkaca mata tipis seberang jalan secara mengejutkan datang ke rumah ketika Mama sedang pergi ke luar kota.

Di mata Welin, laki-laki itu cukup tampan, sopan, dan ramah. Rambutnya disisir rapi ke belakang, jidatnya tampak

licin, mengilat. Welin menduga laki-laki itu pasti pintar dan suka membaca buku.

Sejak pertemuan itu, laki-laki itu sering datang ke rumah Welin. Laki-laki itu seperti tahu kapan Mama Welin pergi ke luar kota. Kadang laki-laki itu seharian menemani Welin duduk di teras depan; ngobrol, tertawa-tawa. Tapi, lama-lama laki-laki itu bosan duduk di teras depan. Apalagi ketika suatu hari turun hujan lebat disertai angin kencang, laki-laki itu punya alasan untuk masuk ke dalam rumah, menonton TV di ruang tengah. Tapi acara TV yang hanya itu-itulah saja cepat membuat laki-laki itu jengah. Laki-laki itu kemudian minta izin ingin melihat kamar Welin. Sekadar melihat-lihat saja. Welin tidak keberatan. Ya, tak ada sesuatu yang tak diizinkan Welin untuk laki-laki itu. Tak terkecuali ketika suatu hari laki-laki itu mencium pipi Welin....

Dan, begitulah. Waktu terus bergulir. Detak jam terus berputar. Mama lebih sering pergi ke luar kota untuk sebuah urusan yang tak pernah dimengerti Welin. Dan, laki-laki seberang jalan itu juga sering datang ke rumah Welin. Mereka kini lebih suka santai di dalam kamar ketimbang di teras depan atau di ruang tengah. Tapi, kian lama mereka kian kehabisan bahan obrolan. Kata-kata cinta sudah habis diucapkan. Bunga-bunga sudah tumbuh bermekaran. Tak ada yang perlu diragukan. Welin sendiri kemudian lebih banyak diam.

Tapi, Mama bukan orang bodoh. Dengan cepat Mama mampu mengendus gelagat Welin. Mama marah besar. Suatu malam Mama mendatangi Welin yang tengah asyik rebahan di atas kasur. "Welin!" suara Mama melengking seperti gelas terbanting. "Sudah ibu peringatkan berkali-kali kamu tidak boleh berhubungan dengan siapa pun juga! Termasuk laki-laki seberang jalan itu! Faham?" Malam itu juga Mama mengurung Welin di dalam kamar. Welin sedih. Setiap hari menangis.

Kesedihan Welin semakin menjadi-jadi ketika ia ingat laki-laki seberang jalan itu. Welin rindu ingin ketemu laki-laki

itu. Welin ingin menatap mata laki-laki itu yang lembut menggetarkan, mampu memberinya ketenteraman. Welin ingin bercanda, tertawa, dan ...ups! Tiba-tiba Welin diingatkan sesuatu tepat saat tangannya meraba perutnya. Perutnya terasa mual mulas dan seperti mahu muntah. Kenapa? Ada apa? Mata Welin menerawang menatap langit-langit kamar. Langit-langit kamar yang dulu putih bersih itu kini telah menjadi kusam, retak-retak, seperti suasana hatinya.

SEMAKIN hari kerinduan Welin semakin tak tertahankan. Welin tidak dapat berbuat apa-apa selain menangis, menyembunyikan kesedihannya di lipatan bantal. Jendela kamarnya terlalu tinggi untuk ukuran dirinya yang cacat, lumpuh. Seandainya kakinya tidak lumpuh tentu ia sudah meloncat jendela menemui laki-laki seberang jalan itu. Ah, betapa kejamnya Mama, hanya jatuh cinta saja dilarang! Batin Welin kesal, mengutuk nasibnya yang serba tidak menjadi. Tapi, benarkah aku jatuh cinta? Welin kadang merasa tidak yakin jika perasaan yang menekan dadanya itu bernama cinta. Cinta? Hmmm. Betapa indahnya kalimat itu, seindah mentari pagi.

Meski Welin dikurung di dalam kamar, tapi cintanya terus mekar. Cinta Welin terus mekar seiring sayap di punggungnya yang tumbuh kian kuat, kukuh, dan lebar. Ya, ya, tak ada seorang pun di dunia ini yang dapat melarang seseorang jatuh cinta, meski orang itu adalah ibu kandung sendiri. Demikian Welin. Maka, pada suatu hari yang bahagia, ketika Mama sedang pergi ke luar kota, sepasang sayap di punggung Welin tiba-tiba mengepak pelan hingga angin berdesir memenuhi kamar.

Lalu, mengepak lebih kencang lagi hingga tubuh Welin perlahan-lahan terangkat ke atas. Ke atas. Welin boleh terbang! Welin tertawa bahagia. Meski kakinya lumpuh, sendirinya dapat terbang. Tuhan telah memahkotai dirinya dengan sepasang sayap jelita sebagai ganti kedua kakinya yang lumpuh! Sejenak Welin

berputar-putar mengitari kamar lalu melesat keluar lewat jendela, mengitari halaman mencumbui bunga-bunga. Kerana bahagianya hingga Welin lupa dengan laki-laki seberang jalan itu. Tapi, begitu ingat, Welin langsung melesat menuju rumah seberang jalan ingin menemui laki-laki itu. Tetapi Welin terkejut saat mendapati laki-laki itu tengah bercanda dengan seorang gadis sebaya dirinya di bangku bawah pohon belakang rumah...

Harian Ekspres, 11 Ogos 2002.

Sireggi, Kekasihku

RINTAN terjaga dengan muka pucat. Untuk ke sekian kali, ia menemukan sepucuk surat di bawah bantalnya. Surat dengan bentuk tulisan yang serupa, sejak setahun lalu. Latin tegak dengan huruf *k* dan *d* yang baik. Mirip tulisannya sendiri.

Kepada yang tercinta: Rintan. Demikian tertera di sampul. Di bawahnya dituliskan alamat yang memungkinkan surat itu tiba di rumah ini. Memang tidak ada kata 'di bawah bantal', namun surat dari Sireggi sampai ke tangannya selalu melalui bawah bantal.

Kali ini Rintan tidak langsung membukanya. Ia mencuba mengingat berita terakhir yang dia sampaikan kepada Sireggi. Pasti ada sesuatu yang membuat Sireggi berminat membalasnya lebih cepat. Rintan lupa, tapi ia masih bertahan untuk tidak segera membuka surat Sireggi. Kali ini ia memilih mandi lebih dulu, dan berniat minum teh manis.

Di bawah siraman air *shower*, fikiran Rintan mengembara. Ia menuduh Sireggi sedang mempermainkannya. Lelaki itu tidak pernah mahu berkunjung lagi, meski berulang-kali Rintan memintanya melalui surat.

"Sireggi, kekasihku. Bagaimanapun aku punya rasa rindu," demikian tulis Rintan pada salah satu suratnya. "Dapatkah kau meluangkan waktu untuk singgah ke rumah? Berapa jauhnya antara Bokara dan Sulaman? Hanya lima jam perjalanan dengan Ekspres Tung Ma. Bahkan hanya tiga suku

jam dengan Boeing 737. Demikian sibukkah, sampai hari Minggu pun kau habiskan untuk melatih teater?"

Surat Rintan yang penuh harapan itu seperti terlempar sia-sia ke tengah buih lautan. Surat balasan yang kemudian diterimanya nyaris tak sebanding dengan bara rindu di dadanya. "Rintan di rumah, mungkin saat ini kau sedang menabur jagung untuk sepuluh merpati kesayanganmu. Sudahkah kau menonton film *Onegin*? Sebuah karya Alexander Pushkin yang demikian puitis. Aku menyaksikan hampir sembilan kali, seperti ketika aku ketagihan *Last Tango in Paris*. Entah kenapa. Lalu aku teringat kau. Ya. Kau harus menontonnya."

Sungguh Rintan tidak mengerti. Mengapa suratnya dan surat Sireggi seperti *short message service (SMS)* yang salah waktu? Ada selisih informasi. Rintan teringat salah satu cerita Isaac Asimov. Dikisahkan tentang seorang ibu yang menyuruh anaknya di stesen antariksa, agar terus mengajukan pertanyaan ke pesawat yang terkatung-katung di langit. Itu lebih efektif, ketimbang diam menunggu jawaban. Jika suaranya sampai, seseorang yang diajak bicara jauh di luar angkasa akan berturut-turut pula mengirim jawaban.

Disambarnya tuala, untuk membelit tubuh. Ia melompat dari kamar mandi serupa tupai. Di rumah itu, sepagi ini, mungkin belum banyak yang terjaga. Subuh baru saja selesai. Terdengar desis air yang dimasak Kak Dakiyah di dapur. Selebihnya kicau burung, dan suara permulaan program TV dari ruang tengah. Mungkin ayah baru saja bangkit dari kamar dan mencari siaran TV melalui alat kawalan.

Setelah menyikat rambut, dan memandang wajahnya yang kuyu di depan cermin, Rintan seperti teringat sesuatu. Semalam ia tidur sangat sedikit. Rasanya ia telah menghabiskan waktu untuk menulis surat kepada Sireggi. Atau sesuatu yang lain?

"Rintan!" Suara ibunya memanggil. Pintu kamarnya terbuka oleh dorongan tangan.

"Kamu kuliah hari ini?"

"Ya. Kenapa?"

"Hantar Mama ke toko bunga *Syahbandar Flowers* di pekan."

"Ada yang ulang tahun, Ma?" tanya Rintan sambil lalu.

"Astaghfirullah!" Ibunya masuk ke dalam kamar.

"Kamu lupa ulang tahun Badarudin?"

"Badarudin Panglima Mohd Taha? Mengapa Mama jadi kelam kabut?" Rintan duduk di ranjang dengan kesal. Ada semacam niaga antara orang tuanya dan salah satu rektor perguruan tinggi. Badarudin anak rektor itu, yang dipuja dan dikagumi di kampus kerana pesona intelektualnya.

"Aku alergi pemuda itu! Terlalu kurus. Dan, ia hanya berminat pada komputer."

Ibunya ikut duduk di sebelahnya. Tersenyum sabar. "Setidaknya kau mulai memperhatikan dia. Mama bahkan tidak tahu kalau Badarudin jaguh komputer."

Rintan merasa semakin tidak senang. Rongga kepalanya hanya berisi Sireggi, seseorang yang jauh. Lelaki yang rajin menyuratnya dan langsung mengirimkan ke bawah bantal. Lelaki yang dalam suratnya kerap menceritakan beberapa pertunjukan teater yang sulit dilupakan kerana sangat berkesan. Misalnya tentang 'Lelaki yang Menikahi Hujan'. Ah, mana surat itu? Rintan berdiri dengan kasar.

Rintan tidak memperhatikan mamanya.

"Mama mandi dulu, ya. Awas, jangan ditinggal!"

Rintan tetap tidak menanggapi. Ia mencari surat Sireggi, lalu segera membacanya. Huruf-huruf di dalamnya bagai menari dan menyihirnya untuk terbang ke awang-awang.

"Kekasihku tercinta. Lama aku berfikir untuk datang ke Sulaman seperti harapanmu. Tapi, selalu saja ada pekerjaan yang memburu. Sesuatu yang sulit kutinggalkan, bahkan untuk sehari-dua. Hampir setiap hari aku menerima tamu, yang datang tidak tentu jadual. Pernah di suatu subuh, seorang kawan mengetuk

pintu kamarku, meminta kepastianku mengisi acara di fakultinya. Memang lagi-lagi teater. Sebuah dunia yang berisi *blocking*, cahaya, dan bahasa tubuh. Dunia yang kata-katanya boleh muncul dari mulut ataupun benda di sekitarnya. Dunia yang memiliki dimensi-dimensi waktu dalam satu prosenium, sepanjang kita mahu mentafsirkannya.

"Rintan, saat ini sedang kutulis sebuah naskah yang sangat mempesona. Setidaknya bagiku. Kupilih judul *Deja Vu*. Aku yakin kau tahu maknanya. Sesuatu yang sama yang pernah terjadi. Kita terlibat di dalamnya, atau menyaksikannya. Ini tentang seorang lelaki yang kemudian bingung dengan suatu pilihan di akhir cerita. Maaf kalau aku membuatmu penasaran. Sesungguhnya, engkau pun membuat aku penasaran. Mungkin itulah yang menyebabkan cintaku tidak kunjung padam.

Cinta yang tak menemui batas. Cinta yang mulai takut pada sebuah kenyataan. Rintan, apakah saat ini, atau tadi, kau sedang menabur jagung untuk sepuluh merpati kesayanganmu?"

Rintan menghela nafas. Ia tak pernah sekali pun memberi tahu tentang merpati peliharaannya kepada lelaki yang tidak menyukai telefon itu. Tapi Sireggi nyaris seperti Harry Potter dengan kepandaian yang lain. Ia bahkan tahu jumlah merpatinya. Apakah itu penyebab Rintan jatuh cinta? Mencintai seseorang yang tahu benar, bahkan barangkali: letak tahi-lalatnya. Bagaimana mungkin, Sireggi yang faham akan segala yang lengkap tentang perasaannya, tega mengabaikan permintaannya?

"Tahukah kau, Rintan? Aku sedang memilih waktu yang tepat untuk mengunjungimu. Walaupun aku tak mempercayai sejumlah tempat dan nama-nama, tapi 'waktu' bagiku sungguh mempesona. Boleh jadi, hari Valentine sangat baik untuk pertemuan kita. Hari yang penuh dengan bahasa bunga, saat terindah untuk memperkukuh akar-akar cinta. Antara kau dan aku, Rintan. Kufikir, menunggu hari itu tiba, tidak memerlukan lautan kesabaran. Bukankah sudah amat dekat?"

Kemudian Sireggi mengakhiri suratnya dengan kata-kata 'peluk-cium'. Bahasa klasik yang mungkin banyak dipergunakan remaja tahun tujuh-puluhan. Ungkapan yang mulai tak lazim ketika e-mel menjadi pengganti surat dan kartu pos. Tetapi, inilah yang barangkali membezakan romantisme Rintan dan Sireggi dengan remaja zaman sekarang.

Rintan melipat kembali surat itu. Menghela nafas, seperti bermakna melupakan sesuatu yang menyedihkan. Serbuk harapan ditebarkan oleh Sireggi, tapi perasaannya gundah. Ia bergegas menuju meja makan. Dihirupnya teh yang mulai dingin. "Ma, aku tunggu di mobil."

Ia melewati ayahnya yang mulai membuka surat khabar pagi. Minta diri dan mencium tangannya. Ketika menuju garaj, ia teringat akan surat yang ditulisnya semalam untuk Sireggi. Ia kembali ke kamar dan mendapatkannya: catatan panjang serupa novelet dengan gemuruh badai di dalamnya. Riuh-rendah perasaan cinta yang mirip ombak dengan susunan gelombang yang beriring dahsyat. Entah kenapa, ketika memasukkan sejumlah halaman tebal itu ke dalam sampul, matanya berkaca. Dadanya bagai hendak meledak. Membuat Rintan lupa pesan ibunya untuk menghantar ke *Syahbandar Flowers*. Ia meluncur sendiri dengan timbunan kegelisahan. Seperti berjalan dalam tidur, perilaku yang pernah menjadi kebiasaan ketika umur sepuluh tahun. Seperempat jam kemudian ia telah berada di Jalan Tuaran yang padat oleh sebuah pagi yang sibuk.

Rintan berlari kecil menuju fakultinya setelah meletak kenderaan di mulut kawasan letak kereta. Ia abaikan bunyi telefon bimbit dalam tas kecilnya. Cita-citanya hanya satu: ingin segera berada di kelas dan mungkin sebuah tangis segera pecah di sana. Ada yang ia sesalkan dari tulisan Sireggi. *Valentine Day!* Yang teringat mengenai hari itu adalah sebuah kematian. Sepanjang jalan ia mencuba mengaduk seluruh kenangan, namun tak kunjung muncul nama atau wajah seseorang yang

mati di hari itu. Tapi, pasti seseorang yang sangat dekat, atau sangat berkesan.

"Sireggi, mungkin ini agak menyakitkan bagimu." Rintan menuliskan kalimat tambahan di bawah surat panjangnya. "Seandainya kau datang sebelum atau sesudah tanggal 14 Februari, aku sangat berterima kasih. Nanti tentu kuceritakan sebabnya." Dan, mobil pos keliling, pada tengah hari, segera mengurus perjalanan surat itu ke Bokara.

RINTAN menghabiskan waktu di Teater Bandar Raya - mula menemani Hamzah Agung dan Wulan Tagina yang sibuk menyiapkan pentas 'Bukan Bunuh Diri'. Namun, hingga jauh malam, ia tidak ingin pulang. Ia tak peduli waktu. Sampai Hamzah membujuknya, bahkan kemudian menghantarkan ke rumah.

Di meja kamarnya, Rintan mendapatkan VCD *Onegin*. Tidak ada sepucuk surat pun sebagai pengantar. Atau, Sireggi telah datang? Sementara ia justeru pergi seharian. Kenapa orang rumah tidak menghubunginya? Rintan nyaris membanting telefon genggamnya. Tiba-tiba ia merasa menjadi anak tunggal dengan penyakit jiwa yang parah. Tinggal dalam kesunyian yang mengerikan, di rumah besar yang hampa.

Sudah lewat tengah malam, ketika Rintan memutar *Onegin*. Filem yang pernah diceritakan Sireggi dalam suratnya. Namun, perasaannya tidak kunjung tenang, kerana esok tanggal 14 Februari. Tanggal yang hendak ia hindari. Menyebabkan tubuhnya gementar oleh rasa takut yang aneh. Jika besok Sireggi muncul di rumah, sama ertinya lelaki itu telah mengabaikan harapannya! Telah mengkhianati perasaannya!

Mata Rintan nyaris tak terpejam sampai matahari terbit. Badannya demam, membuat ibunya sibuk menelefon doktor. Tapi Rintan menolaknya: "Aku tidak sakit, Ma! Aku cuma marah kepada Sireggi! Tolong jangan bukakan pintu untuknya! "

"Sireggi?" Ibu dan ayahnya saling berpandangan. Perasaan khawatir mengalir.

"Dia yang selalu mengirimiku surat! Kelmarin dia datang, bukan?" Rintan menunjukkan sebuah VCD dan, astaghfirullah! Dari laci mejanya, ternyata ada sebuah naskhah drama *Deja Vu*. "Mama kata apa pada dia? Apakah dia akan datang lagi hari ini?"

"Rintan, badanmu amat panas...," Ibunya memeluk. Tatapannya menyimpan cemas. Mengisyaratkan kepada ayahnya agar segera mendapatkan bantuan doktor.

"Kamu semalam berjaga, kan? Biar Mama telefon Badarudin untuk menemanimu."

Rintan serta-merta menolak. Bahkan dengan sedikit histeris. Berulang kali ia katakan, bahawa ia sama sekali tidak berminat dengan pemuda kurus yang kutu komputer itu. Tapi, ada yang lebih membuatnya waswas. Bunyi loceng pintu! Pandangan mata Rintan kelihatan tegang. Siapa gerangnya pagi-pagi datang bertamu?

Kamar mendadak hening, kerana semua telinga terpasang untuk suara berikutnya, sesamar apa pun. Rintan mendengar ayahnya mempersilakan seseorang masuk ke rumah. Dari percakapan yang sayup, dapat diduga tamu itu lelaki. Dan, langkah yang kemudian tersimak, agaknya mendekat ke arah kamar.

"Rintan, ada yang mencarimu." Lalu terdengar ayahnya mempersilakan seorang lelaki masuk. "Dari Bokara."

Rintan memandang tamunya dengan tangan kencang menggenggam telefon genggam. "Siapa kamu? Pasti bukan Sireggi!"

"Aku pemilik alamat yang selalu kau kirim surat. Aku memang bukan Sireggi. Tapi aku kawan Sireggi. Namaku Majujen. Ada enam belas surat kuterima, tapi aku tak berani membukanya. Aku tak yakin kalau kau tidak mengetahui. Sireggi telah meninggal. Persis hari ini, setahun yang lalu."

Rintan seperti melihat seseorang dalam genangan minyak yang berkilau. Lambat laun mengabur. Pendengarannya hanya menangkap suara samar-samar. Mirip khutbah yang datar dari seseorang yang berjalan menjauh. Ini memang hari yang ditakutkan. Hari yang mengingatkan trauma itu: ketika Sireggi tewas dalam sebuah kemalangan.

Maju jen gementar ketika mulai membaca surat-surat Sireggi. Surat cinta yang selalu menyusup ke balik bantal tidur Rintan. Surat yang ditulis perempuan itu, yang berperanan sebagai Sireggi, sejak keperibadiannya terbelah. Dan, diam-diam mencintai tubuhnya sendiri.

Utusan Borneo, 17 Julai 2002.

Rama-Rama Ditinggalkan Pasangannya

DANIEL masih senyap dalam dingin pagi itu, dengan pandangan yang tertuju masih pada sesuatu yang jauh. Pandangan yang mengingatkan tentang sosok di pedalaman, di hutan rimba, ketika haiwan-haiwan masih meraja. Didengar suatu khabar tentang dirinya, khabar angin yang masih remaja.

Daniel memang belum pernah bertemu dengannya, perempuan dengan imbas wajah Anastasia. Tetapi seribu angan yang jatuh menarik tarian serangga, tarian rumput-rumput, merambati subur tanah-tanah kosong di mana sebuah padang terbentang. Daniel akan menarik setari tarinya, segerak gerakannya, sebebaskan bebaskan, tentang hampa. Di mana kosong yang datang merunduk tunduk dengan lompatan kijang. Daniel akan menanti seseorang yang telah berjanji dengan tidak sengaja akan datang membawakan dirinya, membawakannya kenangan, membawakan ingatan tentang seorang perempuan yang dulu sangat diharapkan menjadi ibu dari calon anaknya : Anastasia.

Seorang wanita yang padanya pernah ia titipkan rumah masa depan dan calon anak-anak yang tertawa di emperan¹, telah menulis e-mel kepadanya, singkat dan menyakitkan. Sepertinya menghujat² ketidak berdayaan, menunjuk kelemahan kelelakiannya. Tulisnya pendek tiga kata: "*Pengecut kita putus!*"

¹ Serambi

² Menghujah

Di situ jelas tertulis nama pengirimnya: Anastasia, tanpa nama palsu bahkan terang. Tanpa nama samaran yang lazim digemari orang. Mungkin sudah ditahan keinginannya untuk menghujat lelaki yang rapuh ini, mungkin disimpannya rasa dendam selama tiga tahun ini, mungkin keberaniannya baru muncul sekarang. Anastasia juga akan menceritakan di waktu lain bahwa ia tidak akan menyesal meninggalkan Daniel yang tidak lagi pasangan rama-ramanya. Dan surat ini mungkin hanya semacam jurus maut agar Daniel akan mulai melangkah meninggalkannya, lalu tidak lagi bersama terbang di musim di mana seharusnya ia akan terbang dengan cinta berpasangan, ia telah mempunyai pasangan lain yang lebih segalanya.

Daniel memang pernah membunuh rama-rama ketika masih remaja, segalanya cukup singkat dan tidak disesali. Seperti halnya melempar bola, meludah, atau berkata kata. Sepasang rama-rama yang terbang di depannya dipukul dengan buku, tidak lebih lima detik, satu daripada rama-rama itu terjatuh kemudian menggelepar, kemudian ia akan diam tidak bergerak, tidak bernafas selamanya. Kesemuanya itu tidak terfikir oleh Daniel dan tidak dimasukkan ke dalam hati. Ia akan menganggap peristiwa itu sebagai pengganti olah raga yang ia benci. Adakah ia peduli pasangan rama-rama yang jatuh yang kemudian akan berputar terbang sempoyongan³ lalu pergi? Daniel sangat tidak peduli dan tidak mahu tahu perasaan pasangan rama-rama itu.

Daniel akan merasakan denyut perih perasaan pasangan rama-rama yang dulu meninggalkan pasangannya, yang bergelestar mati, membuatnya menyesal mengapa ia membunuh rama-rama tanpa alasan. Kini baru ia merasa betapa sakitnya, betapa tidak enaknyanya, menjadi pasangan rama-rama yang ditinggalkan pasangannya, dan sendiri sempoyongan.

³ Terhuyung huyung hendak jatuh

Daniel tidak mahu hatinya sakit. Ia tidak mahu hatinya bersedih. Tetapi di sini ia hanyalah rama-rama hitam yang terbakar matahari, yang terus berputar-putar kerana kehilangan arah angin, terbang berkilometer sendiri untuk melupakan kesendirian itu sendiri. Memang terasa berat buat Daniel, tapi itu semua benar. Dan kesemua ini kerana ia ditinggal pergi pasangannya, Anastasia yang berhati rapuh serapuh sayap rama-rama yang pernah dibunuhnya, maka dibiarkanlah bayangan tentang Anastasia berlegar pergi, maka dibiarkan bayangan Anastasia terbang menjauh dan tidak pernah kembali lagi. Daniel menarik nafas dengan bau laut yang keras dan pasir-pasir halus berterbangan. Ada banyak dendam bersamanya.

Daniel akan duduk menatap cangkir-cangkir sisa kopi yang masih berselerakan. Ia akan cukup untuk mengira-ngira beberapa orang tadi yang ke sini meminum kopi, berbicara cabul sambil berteriak dan tertawa. Gaung tawanya sempat ia tangkap ketika angin menuju arahnya, ia memang tidak tahu untuk apa ke sini. Ditatapnya perempuan (yang kelak ia akan tahu ia bernama Carmenita) yang membawa kopi pesanannya. Daniel tidak mahu tergesa-gesa untuk meminum, ia akan mencuba bersabar sebentar, ia tidak mahu bibirnya akan terbakar.

Temannya Jackson memang sedikit bedebah, fikirnya. Ia telah menenggelamkan diri di deret gubuk-gubuk sepanjang pantai. Ia tahu, ia sedar, ia mengerti, temannya sedikit kecewa dengan percintaan dan semacamnya kerana ia terlalu sopan, terlalu jujur, dalam cinta dan segala lekuk-lekuk kebosanan ini. Dalam hatinya ia memaki, mungkin juga bergumam, tentang sesuatu yang dipelajarinya hari ini: *Seperti angin tak pernah diam. Selalu beranjak setiap saat. Menebarkan jala asmara. Menaburkan aroma luka. Benih kebencian kau tanam.*"

"*Bakar ladang gersang...*" Ia petik dari lirik Kupu-kupu Kertas Ebiet G. Ade dari abad yang lalu, entah membuatnya teringat akan masa lalu dan masa depannya, mungkin di suatu

tempat ketika ia benar-benar merasa tidak ada apa-apa. Ketika segala sesuatu hanya fiksi dan tidak lebih hanya fiksi.

Daniel masih terbayang Carmenita yang memegang pisau kala itu, ada lelehan darah di sana. Sesosok tubuh kaku tertelungkup di sampingnya, dengan beberapa cabikan, dengan beberapa sayatan yang perlahan. Dan masih terasa ngeri yang begitu hebat terakam di mata Carmenita. Sedang korban itu mungkin dirinya sendiri, lelaki yang kerap mencinta, lelaki yang kerap bersembunyi dengan kata-kata cinta, lelaki yang selalu terburu-buru, yang selalu gugup bila bertemu dan berbincang tentang cinta.

Dan Anastasia hanyalah Anastasia dari sebuah rumah yang usang. Beberapa orang sempat mendengar ia bertengkar dengan seseorang yang mungkin kekasihnya, mungkin juga teman hidupnya, tetapi jelas bukan Daniel. Ada gelap mata, ada derai air mata, dan ada cekikan di lehernya, merah dengan bekas jari-jemari. Memerah seperti lingkaran bekas cincin yang pernah ada di jemarinya. Ada darah di dinding. Ada darah di lantai, kerana percikan dan tercetak di dinding. Penjagal itu mengelap dengan handuknya, perlahan dan hati-hati tapi tidak ada hati, tidak ada keinsafan di sana. Hanya gelap yang murung, yang hanyir, dan rasa benci yang tidak tersalurkan itu tiba-tiba lenyap membuihkan hampa yang lega, yang lepas, yang kemudian bersarang di pusaran angin yang pergi dan tidak sempat diakrabi.

Anastasia begitu tidak bahagia. Wajah keanakan itu tidak lagi mengekalkan aslinya. Daniel masih mendengar tangis itu lirih. Dalam hatinya Carmenita tidak inginkan Anastasia terbunuh dengan perlahan-lahan lewat lagu-lagu lama. Ia inginkan wanita itu, ia ingin Anastasia tabah dengan ketakutan dan ancaman yang begitu brutal. Tentang darah, pisau dan selenggok daging yang begitu segar yang oleh Carmenita disayatnya dari bahagian demi bahagian tubuh yang menurutnya membuat Anastasia akan terlihat cantik di hadapan diri Daniel. Dan di tempat tidur ditatapnya Anastasia, memang ia bukan

sebuah foto yang ia kenal dan ia campakkan dari sebuah tabloid. Kadang-kadang memang ia berfikir: sebegitu parahkah ia mengenang gambar mati itu, di sunyi masa lalu, di ruas-ruas hati yang kini tidak bersisa lagi, kecuali hanya untuk Daniel. Daniel lelaki pujaannya.

Carmenita harus berbincang akrab dan serius dan kemudian akan berakhir dengan percintaan dengan Daniel, sebelum memutuskan apakah ia sendiri yang akan mengakui bahawa ia telah membunuh Anastasia dengan segala hal yang tidak terduga. Tetapi alasan telah ada di kepalanya, ke mana ia akan memutuskan jejak, di mana ia akan temukan dirinya sedang tergagap dengan Daniel di sebuah pantai yang sepi pengunjung, di sebuah penginapan di mana ia dulu kerap menuliskan penggalan-penggalan bait puisinya :

*dia telah menyusuri jam demi jam
di dada lelaki yang murung
dengan segala longlai waktu
dan segala sia-sia wajahnya akan terlihat merdu
ketika bangun dari tidurnya yang berpeluh
dia akan terlihat larut dengan selimut
dan bantal yang masih
basah oleh keringat
sejak itu ada yang tumbuh perlahan
pada debur yang jauh pada lemba
angin laut dan dingin kabut
pergunungan
sesuatu yang sulit untuk ditanggalkan
dan mengamuk di kala sepi
di kala ia penuh tekanan
dia akan menyediakan diri sebagai korban
sebagai seseorang yang pantas terpana
tapi kau menentukan
tapi kau menguasai tubuh yang terkulai*

*yang memohon yang menghiba yang merajuk
yang terus menerus meminta dan sesal dan berpaling
lalu didapatinya pada seseorang yang terkapar
dengan tatap aduh
yang akan dijawabnya dengan teriak dan tergesa*

Tetapi Carmenita kembali terdiam, beberapa sosok hitam yang menjulang tampak dilihat di depan katanya, menggoda dan mengancam. Maka cerita yang telah jadi itu ia buang, mahu tidak mahu harus menulis ulang jalan ceritanya. Carmenita terbangun di sebuah taman dengan ingatan ia masih terbaring di ranjangnya. Jemari tangannya menggapai dan tergagap ketika didapatinya daun-daun dan bukan selimut. Jernih dingin itu menetes dari bangku yang berembun mengkhabarkan keadaan tentang malam-malam yang ia lupakan. Carmenita terserang *amnesia*⁴ kali ini. Ia juga terserang akan rasa dingin hingga mematikan semua saraf. Tangannya membeku, tubuhnya juga. Beberapa pukulan yang sempat mendekat, membuat biru lebam pada tubuhnya. Ada apa dengan dirinya? Siapakah dirinya? Dengan tanya yang masih bergaung ia mencuba bangun. Lambat-lambat Carmenita berfikir dan mencuba mengingat-ingat siapa dia sebenarnya? Tetapi bayang-bayang hitam itu selalu memburu dan memomokkannya dan ia merasa sangat tidak berdaya menatap Daniel yang tertawa di sebuah pantai.

Carmenita masih sempat melihat beberapa lelaki yang membawa beberapa jerigen⁵ yang berisi petrol di sebuah jalan dan kini mereka telah berada di depan rumahnya. Sejak semalam mereka telah merancang, mengawasi berjam-jam, kemudian berbisik tentang bau hangus dan betapa besar kobaran yang akan terjadi. Betapa api akan melalap perabot rumah: sofa, meja ukir,

⁴ Kehilangan daya ingat

⁵ Bekas mengisi minyak

almari kuno, TV, komputer, juga kaca riasnya. Tetapi beberapa keping bedak sempat ia selitkan di tas, di antara alat-alat kontrasepsi⁶ dan beberapa barang remeh lain, sebelum ia menyedari api telah begitu berkobar-kobar. Dan teriakannya...Dan jeritannya...Dan Carmenita tidak biasa menyalahkan atau disalahkan. Begitu banyak teman yang tidak diselami, betapa banyak percakapan yang menantang diri sendiri, dan betapa banyak wajah hipokrit yang tersembunyi dalam senyum yang santun tawa bahagia dan kesemuanya yang kelam pekat. Dunia yang hanya kelam pekat belaka.

Dan ia terbakar hebat pagi itu!

New Sabah Times, 13 Julai 2003.

⁶ Peralatan mencegah kehamilan

Maruah Harith

BUKAN tidak ramai yang mengenali Harith, pengarah eksekutif sebuah syarikat pembinaan tersohor. Apatah lagi bila namanya mesra di bibir para pemimpin termasuklah Perdana Menteri sewaktu mengadakan upacara pecah tanah pembinaan sebuah sekolah bestari terancang. Harith seorang korporat Bumiputera yang berjaya tidak menghadapi masalah besar dalam kerjaya telah mendahului pemaaju lain lebih 20 tahun.

Tetapi mendengar nama Harith pasti ada yang tidak menyangka sebuah kehidupan berlaku sama seperti insan biasa lain. Mustahil menjadi si bisu atau seorang bayi yang tidak tahu apa-apa tentang sesiapa. Apatah lagi setelah melalui kehidupan lebih daripada sepuluh tahun bersama yang amat menekan kehidupan. Walau pun rahim insan itu telah menzuriatkan tiga permata hati hasil perkongsian cinta dan rahsia rasa insan mereka namun siapa pula yang berani melarangnya untuk menjadi seseorang pun saat ini. Inilah yang difikirkan, dirasakan dan dihadapi Rasitah, isterinya. Selain takdir Tuhan, dia selalu berfikir sebagai insan biasa.

Rasitah keluar dari sebuah rumah besar di tengah-tengah kota yang sudah menjadi bandar raya yang memiliki segala. Sebuah lokasi yang lazim dibenci insan yang kecewa dan putus asa. Dia meninggalkan sebuah dunia kelim kabut, dunia sibuk, dunia ego dan segala macam dunia yang di dalamnya tidak ada apa-apa selain kebingungan yang maksimum.

Meninggalkan Harith keseorangan. Meninggalkan kedua-dua mertua yang amat menyayangnya. Meninggalkan banglo yang serba mewah. Meninggalkan kenangan yang tidak dapat diulang semula tentang sebuah perasaan yang tanpa sengaja menjadikannya seorang suri rumah yang mewah. Memiliki apa saja yang tidak pernah dimilikinya: kereta mewah, wang ringgit, pakaian berjenama, alat-alat komunikasi paling canggih, peralatan solek terunggul dan sebagainya lagi. Anehnya dia ingin sekali meninggalkan segala-galanya di situ. Sifat-sifat sebagai seorang isteri ingin sekali ditinggalkannya bersama seribu satu peristiwa. Tetapi meninggalkan Harith keseorangan mempunyai harapan yang berbeza. Dia ingin memprotes supaya Harith sedar dan insaf. Dia mahu biarlah Harith ikut telunjuknya. Dia berharap supaya tiada siapa yang benar selain dirinya, sebagai seorang isteri, hadiah kerana menjadikannya suri rumah Harith sepuluh tahun yang lalu.

Dia akan pulang ke kampung halaman bersama keberanian yang tidak mungkin dimiliki ramai perempuan, yang wajib patuh kepada suami. Dia meneruskan hala tuju fikirannya ke tempat yang pada fikirannya dapat melupakan segala-gala.

“Jangan tegah aku! Tolonglah jangan halang aku pergi dari tempat ini. Aku bosan! Bosan!” Itu katanya sambil Harith seperti seekor kucing yang akur walaupun di dalam hatinya, dia merasa peristiwa itu mencabarnya. Tetapi dia begitu sayangkan Rasitah. Pada Harith, perempuan yang berada di hadapannya bukan mudah dibawa bicara. Silap sedikit dia akan menjadi seekor serigala. Bayangkan seekor serigala yang sedang marah! Kerana itulah sikap isterinya, dan dia tidak banyak bicara selain melawan arus rasa sebagai seorang yang tabah dan dewasa. Dia harus matang menghadapi semua itu.

“Barangkali ada jalan lain, sayang?” Harith cuba menentang arus.

“*Please!* Tolong jangan kata apa-apa.” Kalimat isterinya mencantas hala fikir yang diharapkannya boleh menyelamatkan keegoan isterinya.

“Sayang ke mana? Dan di mana pun tidak mungkin boleh mengubah keadaan. Aku suamimu.”

“Suami? Tak payah membenarkan kedudukan abang sebagai suami. Biarkan aku menjernihkan fikiran. Aku tidak akan undur lagi. Aku mesti ikut kata hatiku. Jangan halang aku lagi. Ini keputusanku yang muktamad!”

Dan Harith mati kutu. Terduduk. Di pejabat, Harith seorang ketua yang disegani malah ditakuti staf. Di rumah, kebesarannya menjadi kecil. Dia selalu terkucil oleh fiil isterinya.

Harith bingung melihat isterinya sudah bersiap untuk meninggalkannya. Meski pada mulanya dia seperti seekor kucing yang akur pada tuannya tetapi pada saat runcing itu, Harith seakan sudah merasai bahawa dia bakal kehilangan sesuatu. Dia tahu isterinya sedang hamil empat bulan dan akan membawa bersama dua orang anaknya yang lain, In dan Ul.

Mengharapkan pandangan daripada ayah atau ibunya tentu tidak mungkin. Kerana perbuatan itu menambahkan lagi kekusutan yang sudah berlaku. Harith tidak punya saudara yang akrab dengan Rasitah. Ini disedarinya lama. Dia memahami semua itu. Dia tahu punca tindakan isterinya. Dia mengerti malah dia memang sering mendengar konflik yang sama dihadapi orang lain.

“Abang dengar permintaan saudara mara abang tu tapi permintaan aku tidak. Abang terima mereka semua bekerja dengan syarikat walaupun abang tahu mereka hanya ingin mengambil kesempatan. Mereka menyusahkan abang. Tapi abang tidak dengar kata-kata isteri abang yang bodoh ini!” Harith ingat ungkapan isterinya.

“Abang berjanji akan mengubahnya.”

“Berapa kali abang berkata begitu. Apa yang abang telah lakukan. Abang harus ingat prestasi syarikat pernah menjunam gara-gara mereka. Mereka hanya mementingkan duit abang bukan syarikat. Abang lupa, jika bukan isteri abang yang bodoh ini yang campur tangan, masalah syarikat tidak dapat diatasi. Katakan apa lagi alasan abang.”

Entahlah, dia selalu merasa terpukul. Apakah kesalahannya itu merupakan mandatori. Apakah hukumannya itu menyebabkan dia tidak mampu bersuara? Seseekali dia memarahi dirinya. Sosok badannya dan suaranya tidak sepadan dengan sikapnya sewaktu berhadapan dengan Rasitah. Kehadirannya biasanya hanya hiasan sebuah rumah tangga bila dia dikehendaki. Harith hanya mengeluh. Dia tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua rumah. Membangkitkan soal syarikat, itu hal lapuk. Semua orang tahu malah dunia mengalami masalah yang sama sewaktu ekonomi merudum. Ketika mata wang jatuh teruk. Namun keadaan telah pulih sekarang apabila kerajaan mengambil tindakan drastik. Syarikat-syarikat yang hampir lingkup berjaya dipertahankan. Kerana itu Harith tidak menganggap masalah syarikat penyebab krisis rumah tangganya.

Apakah isterinya itu seorang yang besar kepala atau memiliki sifat ego yang keterlaluan? Dia tidak ingin berfikir begitu sebenarnya. Bukan tidak pernah dia bertengkar. Suatu hari dia terpandang gambar-gambar yang tidak sepatutnya dia lihat tiba-tiba tercicir dari tas tangan Rasitah. Rasitah menjadi begitu marah. Harith berhak bertanya mengapa isterinya menyimpan gambar-gambar itu. Tetapi Harith tidak peduli kerana sudah lama dia tidak dipedulikan. Harith yang lebih gemar melunaskan kerja-kerja rutinnya di pejabat atau bersama-sama rakan-rakan kongsinya balik jauh malam. Bermain golf pada hujung minggu atau melawat tapak projek. Biarlah masanya dihabiskan begitu daripada memikirkan masalah rumah

tangga yang tidak pernah berhujung. Sehingga akhirnya Rasitah keluar rumah bersama dua orang anaknya meninggalkannya.

Dua tahun berlalu seperti kelajuan memori komputer. Tetapi Rasitah hanya merasainya sebagai pengalaman seadanya. Walaupun harus menanggung dosa. Seorang wanita yang bergelar ibu kepada tiga anak perempuan kini dan seorang wanita yang bergelar isteri kepada seorang suami yang ditinggalkan, tentulah bukan suatu sandiwara yang direka penulis skrip sandiwara atau teater yang boleh diadaptasi mengikuti kesesuaian suasana. Tempoh itu Rasitah berusaha untuk melupakan apa saja tentang kehidupan kota. Dia juga berusaha untuk melupakan wajah suaminya yang pernah mengharungi lautan di waktu subuh, zahir dan batin, yang kini keseorangan dalam sebuah banglo mewah. Katakanlah inilah jalan termudah menghurai budi yang tidak terbalas di sisi suami atau keluarga suaminya waima sepasang mertua yang baik.

Rasitah tidak pernah mengeja kata-kata *s e s a l*, apa lagi merasainya berdasarkan latar hatinya yang sekeras batu itu. Tekadnya menyatu, pulang ke desa masa lalu. Rasitah mahu kembali ke gawang remaja yang sarat dengan impian, kebebasan, keseronokan dan sebagainya. Bersama-sama rakan sebaya, dia ingin sekali pulang ke asrama sekolah. Hidup jauh dari ibu dan bapa. Hidup dalam dunia anak sekolah yang harus berdiri sendiri. Berani membuat keputusan sendiri. Tidak gentar melakukan kesimpulan sendiri. Cekal menghadapi cabaran, juga sendiri. Di situ tercipta impian yang melayang-layang di angkasa maya. Keinginan menjadi wanita terkenal, *versatil*, anggun, canggih, mewah dan cantik. Dia ingin memulakan adegan kenangan yang amat mengasyikkan.

Rasitah seorang gadis pingitan yang riang. Mudah bergaul dengan sesiapa juga. Mudah diajak ke mana juga oleh para peria. Namun perkenalannya dengan seorang peria dari sebuah kota besar tidak mungkin dilupakannya sampai kini. Dari perut kota hingga ke pelosok desa. Dalam cuaca yang membara

bahang hingga ke suhu dingin yang puncak. Tiada apa yang dirisaukannya. Walaupun kerap diberi amaran, namun Rasitah bukanlah orang yang sentiasa patuh mengikut hala fikir ayahnya. Dia sebenarnya bijak memberikan alasan. Konon peria kota itu yang mati-matian mengajaknya. tetapi tidak sebenarnya, bahkan dia sering mendapat tempat yang baik walaupun tidak berbuat apa-apa. Dia sering menjadi juara walaupun tidak pernah bersaing dengan sesiapa. Aneh. Rasitah tahu puncaknya. Rakan sebaya amat mencemburuinya tapi ini hanyalah alasan yang tidak dapat mereka rempuh. Rasitah sentiasa menjadi perhatian. Bagi kebanyakan peria cabaran sungguh hebat namun mendekatinya suatu ketika sekalipun ada kesimpulan yang tidak mudah terlerai. Pilihan mereka: jauhkan diri atau menjadi mangsa di gelanggang ayam sabung!

Hakikatnya Rasitah berjejak di bumi yang lain sekarang, bukan masa lalu, bukan masa bocah, bukan masa yang hanya diakrabkan impian-impian semata. Hakikatnya dia sudah berada jauh dari seseorang yang pernah menukar status remajanya kepada status seorang suri. Kini seorang suri itu telah meninggalkan tanggungjawabnya. Seorang suri itu telah menurut kata hatinya untuk memberikan pengajaran kepada suaminya. Seorang suami yang baik, yang amat menyayanginya, yang juga amat menyayangi seluruh keluarganya pada hakikatnya.

Dan dengan takdir Tuhan Rasitah telah melahirkan anaknya yang ketiga. Dia sudah berjaya dipujuk kembali ke kota. Dia kembali ke kota yang sarat dengan perjanjian. Perjanjian yang tidak mungkin diingkari suaminya yang letih memujuknya. Dia berjaya dipujuk dan pulang tetapi bukan ke pangkuan yang sebenar. Ribaan Harith masih saja angin yang mendekati. Begitu pun, suaminya akur dengan perjanjian-perjanjian yang tidak sepatutnya berlaku tetapi berlaku juga di dalam sebuah rumah lima bilik dan telah ditentukan untuk siapa: bilik besar untuk Rasitah, tiga buah bilik tengah untuk ketiga-

tiga anak perempuannya dan tetamu, manakala bilik hujung berhampiran dapur disediakan untuk Harith.

Jika tidak dipatuhi alamat rumah itu tidak ada serinya. Biarlah derita batin asalkan orang lain mengatakan Harith mempunyai seorang isteri yang hebat, cantik, anggun, *versatil*, cerdik dan bergaya. Biarlah lara zahir asalkan rumah itu diserikan seorang suri dan ibu kepada anak-anak. Harith rela. Sebagai seorang ahli korporat yang ternama, semua itu tidak membebankannya. Harith hanya mahu status sebagai seorang suami yang masih bermaruah kukuh. Dia hanya mahu pasangan yang harus bersamanya sewaktu jamuan makan malam jemputan menteri atau syarikatnya atau syarikat rakan-rakan kongsinya. Saat itu dia bukan mahu ghairah seorang perempuan tetapi maruah seorang suami!

Buatlah apa saja. Jika Rasitah bahagia, itu lebih baik. Walaupun di sisinya sepi hanya digelombangi mimpi-mimpi dan kenangan yang bertandang. Mintalah apa saja. Wang yang diterima daripada pelbagai keuntungan syarikat, sebahagian untuk isterinya sudah amat memadai. Selain saham syarikat, peluang sering juga diberikan dengan memperkenalkan Rasitah kepada rakan-rakan yang mempunyai potensi dalam pelbagai gawang perniagaan: pembinaan, pengangkutan, pembekalan dan sebagainya. Setidak-tidaknya bila usai segala perkiraan untung, dapatlah pulangan yang baik untuk isterinya bukan untuk diri Harith. Dengan itu juga Rasitah mampu memiliki kereta mewah seperti mana isteri-isteri ahli korporat lain miliki. Wang poket bercurah-curah seperti air lautan yang tidak pernah kurang sedikit pun.

Kemewahan yang dimiliki Rasitah boleh memenuhi apa juga muatan keinginannya. Pada Harith curahan kasih dalam bentuk keduniaan ini merupakan jalan terbaik agar isterinya tidak mengulangi niat meninggalkannya, meninggalkan rumahnya, meninggalkan aroma seorang isteri, meninggalkan bahang panas baran sebagai halwa telinga dan hatinya sewaktu

memandang bulan dan bintang di langit. Sekalipun Harith harus sendiri di dalam rumahnya dengan kamar yang terpisah. Esok atau lusa bahkan bila-bila, semua manusia tetap sendiri sebelum dihisab buruk dan baik keduniaannya. Inilah sikap yang menguatkan semangat Harith untuk mempertahankan keutuhan diri yang bergelar suami dan ayah serta ketua sebuah rumah tangga.

Tapi, tahukah Harith sebagai suami tentang pengertian curang? Harith seorang suami yang baik dan tidak pernah menaruh curiga. Rasitah juga demikian walaupun dia faham suaminya tidak kurang seperti orang suruhan atau simbol semata-mata untuk kehidupannya. Sepasang suami isteri yang kelihatan bahagia dari sudut pandangan terus, tidak dari sudut yang tersirat. Berbeza pada pandangan Haidir.

Barangkali benar, kesunyian tidak dapat membendung kesetiaan sesiapa pun. Harith tidak pasti hal ini bila dia mampu memelihara kesetiaannya. Sebaliknya Rasitah yang berusaha perkara yang sama ternyata gagal. Rasitah mencari ruang yang terbaik meski tidak semudah itu ketika mendekati Haidir menerusi sebuah perutusan komunikasi terkini. Pada awalnya berupaya mengawal rasa tetapi disebabkan kesepian yang amat mencengkam, Rasitah gagal untuk berdiam dan mulalah perjalanan songsang kehidupannya.

Rasitah menemui Haidir di tempat-tempat yang rahsia waima di luar pengetahuan anak-anaknya yang bertiga itu. Apa lagi Harith yang sering ke luar kota. Tetapi Rasitah tidak dapat bersembunyi dari penglihatan Tuhan. Bagaikan tarikan seni untuk seorang yang kesepian, yang bermusim melupakan wibawa seorang suri rumah .

Rasitah sanggup mengeluarkan wang untuk kehidupan hitamnya. Kemewahan menjadi prasarana menggelombang noda dan dosa. Begitulah yang terjadi buat beberapa ketika sehingga cerita ini akhirnya berpuncak. Haidir telah pergi daripada kehidupannya untuk mencari semula putih suci yang dirampas

Rasitah. Rasitah meneruskan kehidupannya seperti biasa berhadapan seorang suami di dalam rumahnya sendiri. Apakah Rasitah pulang sebagai seorang isteri atau sebagai seorang yang hanya melihat bayangan suaminya sekadar keperluan semata-mata tanpa rasa kasih? Hanya Tuhan yang Maha Tahu skrip fikir Rasitah. Rasitah mempertahankan keegoannya. Rasitah tidak akan berganjak dengan prinsip perjanjian dengan Harith.

Kepulan awan yang berarak di hadapan rumah bagaikan paparan dosa di matanya. Rasitah hanya memandang gerakan awan itu sedang hatinya tetap menyatu seutuh batu. Kehidupan Rasitah didenyutkan oleh rutin hiruk-pikuk, kerenah dan regekan anak-anaknya sambil memandang suaminya seperti biasa. Membesarkan anak-anaknya yang perlu dilayan sebaik mungkin, lebih penting berbanding melayan keperluan suaminya yang pulang ke rumah larut malam, yang lebih selesa santap di luar dan membuka pintu utama serta pintu kamarnya longlai. Keletihan Harith menjana wang dibalas dengan ungkapan biasa yang terlalu rutin. Harith tidak pernah merasakan dirinya dimiliki. Harith hanya berkuasa di pejabat dan di kawasan projek kawalannya dialah tuan, dialah raja, tetapi tetap berbeza bila berada di ujana rumahnya sendiri!

Di manakah maruah Harith?

Harian Ekspres, 13 Julai 2003.

Seberkas Idea Tentang Pohon

Seberkas Idea Tentang Pohon

HSYYY!

Hanya nafas tak sesak. Pandangan sesak. Pergerakan sesak. Senyuman sesak. Tawa sesak. gelisah sesak. Rasa sesak. Mati sesak. Hanya nafas saja tak sesak. Di mana lagi tidak ada yang tak sesak. Cerita-cerita sesak didengar telinga. Meski masuk di kiri keluar di kanan, cerita-cerita datang juga dan didengar telinga. Dibuang dan datang lagi. Mengapa agaknya cerita menjadi begitu sesak dan menyesak. Penting sangatkah hingga menjadi demikian?

Pintu yang selama ini tertutup mulai terbuka. Terpancarlah segala yang bersembunyi. Meskipun tidak seluruh alam yang tersembunyi itu, namun jelas keterbukaan bilah-bilah pintu mengatakan tak perlu disembunyikan lagi. Daripada sifat-sifat mahmudah sampailah kepada sifat-sifat mazmumah. yang paling tinggi dan yang paling bawah. Yang baik dan yang paling tidak baik. Membuak bak bah darah selepas kulit tipis dan isi tubuh diradak mata pisau yang rakus. Anehnya darah yang membuak deras daripada urat-urat isi tubuh itu tidak merah seperti sedia kala bahkan berwarna-warni, malah lebih nyata warna adalah hitamnya!

Ngeri juga darah hitam sesudah mulai merawikan kalbu. Sudah begitu berlaku kalbu diintimi otak, mekanisme minda termahal tubuh dijanakan urat sarat urat saraf. Mulai bergetar kalbu itu mempengaruhi seluruh tubuh: mata menangkap segalanya, memamah segala kejelitaan, mengoyak-rabak segala kepuasan nafsu, mengunyah segala kebingungan

demis kebingungan, kebimbangan demis kebimbangan; kemudian sisa-sisa yang ada dalam liang matanya dihembuskan baunya di khalayak tanpa silu segan dan malu. Ketawalah terbahak-bahak selepas meranapkan segala jenis bahang api. Sekali lagi melumatkan kebencian, kebimbangan, kedunguan, kebodohan dan ketololan. Dan sejarah tubuh mulai lebur.

Di manakah rumah mahmudahmu? Semua saling berbicara – antara mulut-mulut, antara mata-mata, antara telinga-telinga dan antara kalbu-kalbu. Pemberontakan minda semakin jelas tercetis. Hanya baru disesakkan tekanan-tekanan menggila. Tidak logik dan masuk liang akal. Masih enggan digambarkan ketidaktentuan itu. Jalan kebenaran dinyatakan dalam segala macam retorik, teori, andai-andai dan ikon-ikon mimpi yang mulai memusatkan akal sebagai angan-angan melulu. Imej dan reputasi untuk tubuh.

Cermin hanya untuk tubuh lain bukan tubuh itu sendiri. Hanya tubuh lain lebih tinggi mazmumahnya dan rendah mahmudahnya. Dibetulkanlah yang rendah itu yang banyak salahnya atau sedikit kelebihanannya. Walaupun sedikit benarnya tetapi jika boleh dimilikkerbaukan, yang boleh diheret ke sana-sini, yang boleh mentaati suruhan-suruhan. Maka dipandirkanlah juga si pesalah itu. Malangnya yang salah tidak dibenari kebenarannya kerana tubuh itulah saja yang lengkap, yang tinggi mahmudahnya dan rendah mazmumahnya, yang betul, yang salah, yang warak, yang bijaksana, yang bermata, yang berotak, yang bertelinga, yang berhidung, yang berkaki, yang bertangan, dan segalanya pasti lengkap.

Demi reputasi, menyesakkan kelancaran gerak yang lain lebih penting. Taman itu pun sudah mulai sirna harmoni dan damainya. Keceriaan sudah tidak ceria. Hantu-hantu bisu sudah menyelina dalam jasad mengubah tubuh-tubuh. Daun-daun pada taman hijaunya berwarna baru dan gugur meski mekar. Seakan tidak ada maya meneruskan perjuangan. Ingin juga mendapatkan sayap untuk terbang jauh di mana-mana.

Derap kemerdekaan mulai dirantai. Merdeka yang tidak bebas ditafsirkan dalam kepelbagaian jenama kuasa. Apakah ertinya merdeka ini jika tidak bebas menyatakan kebenaran. Buah benar yang tersergam pada pohon minda menjadi pameran ala kadar. Lontaran-lontaran fikir terbiar melata, terbang jauh ditiup angin hipokrit dan ketololan. Semuanya dipersalahkan. Kebenarannya, benarkah? Detak jantungnya, benarkan? Langkah-langkahnya benarkah? Ya, langkah-langkah fikir dan kalbu hitamnya, benarkah? Hsyuy, tersentak juga jika dapat membolosi sukma tubuh itu. Menjadi api dalam sekam. Menggubah dan merubahnya menjadi sesuatu, pohon yang tumbuh melata atau seekor keldai!

Kerana hanya sifat kekeldaian sesuai buat tubuh itu. Kerana dia mengkeldaikan tubuh-tubuh lain. Dia berada di atas selepas bertandang pada otak kepalanya yang sedikit sekali rumput, suarnya yang menyakitkan telinga, bibirnya bijak berkata-kata. Diherdiknya menjadi haru biru taman itu. Hidupan seperti dinyatakan segala mergastua. Hampir enggan hidup mengharmonikan taman sambil kedengaran omelan-omelannya tentang warna taman mesti diubah, diceriakan, diperhalusi. Disenaraikanlah omelannya segala macam reformasi. Reformasi apa yang diakhiri pemenjaraan yang panjang dan berliku hingga memungkinkan tidak mengenal apa-apa lagi. Reformasi harus benar jika ia dilahirkan bersama ketakenggan bermuhasabah. Segalanya. Membuang jauh sempit fikir kerana itulah penyebab sesak kebenaran. Pemikiran yang sempit menciptakan ruang dalam dan kehancuran.

Itu dia, siapakah suara itu berani bermadah bicara buat tubuh yang munafik, memalsukan kehidupan putihnya. Segala kepura-puraan. Hipokrit. Skandal begitu menggilakan. Taman ini kini dipijak-pijak oleh skandal mengilhami sang jelita. Tubuh itu kian mara untuk marah, sambil bijak memilih-milih seperti bijaknya bermuka-muka. Talam dwiwajah dan ular dwikepala. Menggilai senyuman Maya, tubuh seperti ayam jantan yang

berkokok gagah, merdu dan jaguh tetapi tahinya sendiri bergelumang di ekornya. Pohon skandal mulai bertunas dan bakal menjadi benih yang akan dicambah sebar oleh angin lalu merebak ke seluruh negeri dan wilayah bangsa-bangsa. Akan kelihatan betapa suburnya pohon skandal tumbuh subur di taman agung yang dikenali sebagai adil, cekap dan telus itu. Gembar-gembur kemahmudahannya mulai ditanyai.

Tak ada jawapan juga. Biarkan saja soalan-soalan itu, jika wajar dibayar oleh diam-diam ubi. Penggali pun diam dalam karatnya. Sampai bila-bila juga, biarkan pohon itu membesar, membesar sambil merasakan mungkin, pujian-pujian yang akan mendatang. Pujian-pujian ubi daripada pohon skandal yang dibajai sifat-sifat mahmudah hipokrit, segala macam ancaman momokan-momokan.

Utusan Borneo, 18 Oktober 2000.

Diideakan Tentang Sesuatu yang Melompat

TERIMA kasih kerana membaca idea ini. Fikiran ini semakin mengintai-intai perkara-perkara lain daripada kebiasaan. Cukup membosankan sebenarnya. Ngeri juga sesekali. Sering juga diiringi gumam. Tergamam bila cuba membandingkan tulisan orang-orang besar sastera. Tidaklah sehebat Pak Arena, yang kaya dengan alam kembaranya. Atau Pak Samad yang merojak rajuknya banyak kali. Atau Shahnnon yang tidak pernah malu untuk memulakan trend barunya dalam sastera Melayu Malaysia. Tulisan ini biasa saja. Tidaklah seluarbiasa tulisan Pak Lah. Atau seindah suara kemanusiaan Tongkat Warant. Meski juga Pak Amil atau barangkali Ismaily Bongsu yang bergelar 'Rendra Sabah'. Jangan sentuh buah lidah Muhammad Haji Salleh. Ini penyair intelektual Melayu. Semua itu tentulah tidak penting bukan? Sebab itu mari baca dulu idea ini dan kemudian jika anda mahu berkata apa-apa, katalah. Kata mengata lumrah manusia. Jika baik katalah buruk, mungkin betul. Jika tidak baik katalah baik, juga mungkin betul.

Bermulalah idea ini tentang katak. Ingat, jangan alihkan fikiran ke arah yang negatif. Tidak tergamak untuk mencernakan idea dengan anggapan-anggapan yang bukan-bukan bila imej katak tiba-tiba menjelma di kotak otak. Jangan marah kerana ini hanya sebuah idea yang belum berlaku atau sedang berlaku atau akan berlaku. Jangan juga libatkan jika ada yang kini duduk senang di kerusi empuk atau menjadi saudagar kaya raya.

Mempunyai gedung dan gudang besar, kapal besar, kereta besar, cakap besar dan segala kebesaran.

Tapi tahukan anda bahawa ada katak yang masih tinggal dalam tempurung. Bukanlah tempurung kelapa yang menjadi bahan bakar peniaga ikan-ikan bakar di pasar-pasar malam. Tapi tempurung kaca. Ini hanyalah bidalan Melayu. Dalam tempurung kaca ini boleh melihat diri mereka sendiri, tidak melihat diri orang lain. Tidak melihat apa benda di luar. Tidak juga melihat diri yang boleh dilihat orang lain di luar. Yang betul hanyalah dirinya di dalam tempurung kaca itu. Yang salah tentulah bukan diri mereka. Yang salah sudah tentu orang lain yang melihat mereka salah kerana terlalu asyik di kamar tempurung kaca itu. Katak ini bukan sebarang katak, anda tahu. Katak ini selalu dinyanyikan oleh budak-budak kecil sekali pun. Yang baru belajar berkata-kata juga boleh menyebutkan lagu itu. K A = KA, T A K = TAK. KATAK. Mudah bukan? Katak o katak, mengapa ... sudah boleh disiul-siulkan oleh banyak mulut. Orang Utan pun sudah pandai bersiul sejak diajar manusia. Tidak percaya? Tidak ada temberang dalam soal ini.

Jangan risau ini idea saja. Bila anda ditanya tentang katak-katak yang melompat-lompat di taman itu, tentulah anda ada jawapan yang mudah. Tentulah begitu kerana pengalaman begini sudah tidak asing. Lumrah sangat. Dengar saja, pesta-pesta hujan, jika kalah, ingat - ada saja katak mengatakan dan dikatakan. Mengapa tidak? Jika tidak pandai melompat nanti akibatnya lemas walaupun pandai berenang. Namanya bukan katak jika tidak boleh berenang. Tapi ada juga katak yang gagal melompat kerana katak ini bukan katak tapi menjadi katak atau dikatakan musim semata-mata. Mungkin saja ada yang menyala hatinya membaca idea ini. Bukanlah idea baru. Idea lama sebenarnya. Sejak dulu lagi idea ini sudah diidealkan. Sudah juga didengar oleh ramai orang tentang sesuatu yang melompat. Sudah juga dibuat ramai orang. Dulu zaman batu, katak ada juga.

Bila zaman ramai orang inginkan kejayaan, katak juga jadi buih mulut bukan saja buah mulut. Bila zaman persahabatan, katak jenguk sembunyi-semunyi, tidak lama kemudian melompat-melompat mencari daun-daun berteduh. Bila zaman persahabatan diretakkan oleh pendekar-pendekar Melayu, katak-katak semakin liar sambil berusaha mengetepikan malu untuk memulakan lompatan demi lompatan. Dan sekarang katak-katak itu, sudah berani bernyanyi riang. Berani bernyanyi temberang. Berani bernyanyi seperti makhluk lain juga walau sebenarnya katak-katak itu tidak disukai meski pun masih disanjung.

Tidak kisahlah. Suka atau tidak suka, yang penting kepentingan diri. Suka atau tidak suka yang paling penting adalah kepentingan lain misalnya dapat merapatkan suatu jurang. Persefahaman satu misal yang lain. Misal seterusnya adalah kekuatan suara. Bagi katak nyanyiannya bukan lagi sama seperti katak-katak di parit, atau di sawah atau di lubang-lubang terpencil yang selalunya mati ditelan ular sawa. Nyanyian katak-katak ini sudah jauh. Sudah ke depan. Sudah berbeza sekali. Lompatannya dulu pun tidaklah setinggi lompatan sekarang. Kena juga berhati-hati. Jika ada hati mahu melakukan lompatan yang lebih tinggi, silakan tapi awas. Jika tidak kesampaian akibatnya jatuh semula ke lubang dan ular sawa sedang mengangakan mulutnya! Namun yang sakitnya apabila jatuh terhempap. Walaupun kaki hadapannya itu boleh melakukan sesuatu tindakan tapi tidaklah seperti tupai atau tikus. Tupai atau tikus lebih bersedia untuk jatuh. Tupai bijak juga menebuk labu. Walaupun malang juga namanya kerana dihina-dinakan akhirnya, masih ada jalan meloloskan diri. Tikus bila terlalu pandai malang juga kerana cuba-cuba membaiki labu yang ditebuk tupai. Tupai dan tikus adalah dua dunia yang lain. Tupai adalah tupai. Tikus adalah tikus. Tupai tak jadi tikus. Tikus juga tak jadi tupai. Katak tak jadi tikus atau tupai. Katak juga adalah katak. Katak kalau sudah jatuh, parahlah dia. Tidak mampu naik

balik. Tidak juga boleh melompat balik. Puncaknya terlalu tinggi. Wajahnya juga sudah tidak ada nilai. Kacak (maaf, kacakkah katak?)macam mana sekalipun, jika tidak boleh memberi nilai terbaik bagi dunia ini, jangan mimpi. Hodoh macam mana sekalipun, jika ada kepentingan yang lain dan boleh diharapkan, jangan mimpi harapannya itu tidak menjadi kenyataan. Maka lompatlah tinggi-tinggi sampai menara atas.

Akhirnya berjayalah katak itu melompat selepas melobi. Anda dengar dulu idea yang lain, jika hendakkan sesuatu yang susah sebenarnya tidak juga susah bila pandai melobi. Istilah ini sudah dijadikan kebiasaan makhluk yang punya otak yang cerdas. Kecerdasannya untuk sesuatu yang juga cergas dan cepat. Kerana mahu cepat, dia tidak mahu banyak saingan dan perlumbaan. Sepantas Watson Nyambek, pantas lagi cubaan-cubaan lajunya. Secergas-cergas pendaki-pendaki gunung Kinabalu, cergaslah keinginan-keinginan untuk menggapai puncak matlamat. Melobilah. Inilah kebiasaannya. Katakan anda mahu mendapatkan jualan paling tinggi, mari lobi pelanggan agar memilih barangan yang dijual dan berharap tidak membeli kepada saudagar lain kerana orang lain tidak ada kelebihan berbanding jualan anda. Jika anda mahu menjadi wakil rakyat. (Jangan cerita kepada orang lain. Ini bisikan halus agar tidak dilakukan kerana merugikan saja masa dan duit anda). Lobilah kepada pengurusan parti anda. Walaupun tidak selalu mendapat tempat. Akhir mungkin berjaya kerana iltizam dan azam anda sendiri. Siapa tahu. Seperti dinyatakan tadi, jangan cuba melobi selepas ini kerana anda mungkin orang yang paling menyesal menjadi wakil rakyat. Mengapa? Menjadi wakil rakyat bukan saja wakil kepada rakyat tetapi wakil juga kepada kehendak rakyat. Rakyat anda adalah rakyat yang pemalas. Bayangkan saja jika rakyat yang anda wakili itu seperti dikatakan pemalas. Saban hari datang menulis pada borang temu janji dengan alasan itu dan ini. Itu dan ini sebenarnya masalah bagi si pemalas rakyat anda itu. Itu dan ini adalah alasan-alasan agar mendapat

belas ehsan anda sebagai wakil mereka. Mereka tidak sadar anda adalah wakil istimewa mereka di suatu tempat yang lebih mulia demi memperbaiki kehidupan yang menyeluruh sebagai contoh. Tapi bila anda digelar Yang Berhormat, mereka bijak pula mengubah gelaran itu seperti Yang Berkhidmat, Yang Berwang, Yang Berhemah, Yang Berada dan sebagainya. Satu hari seseorang tidak mendapat apa-apa dari wakil rakyatnya, anda tahu bukan apa tohmahan mereka. Wakil mereka itu digelar sebagai Yang Bakhil, Yang Bebal, Yang Berang (maksudnya temberang) dan yang seumpama dengan gelaran-gelaran menyakitkan itu. Nasihat ini berguna. Sebab itu jika anda gagal melobi jangan pula fikirkan untuk memelihara katak-katak yang sering melompat-lompat apabila hujan turun dengan lebatnya. Namun katak-katak itu mendapat tempat juga akhirnya. Janganlah ditanyakan apa-apa lagi. Tidak ada bahasa yang paling manis untuk ini. Tidak ada juga bahasa yang paling kasar untuk ungkapan begini. Sesuatu yang berlaku tentulah punya baik dan kurang baiknya.

Sekarang apa lagi. Hujan sudah berlalu. Kemarau juga hampir berlalu. Hujan dan kemarau akan datang silih berganti. Katak-katak pun silih berganti. Satu katak mati, ribuan katak akan muncul dan melompat-lompat mencari destinasi mereka. Esok akan datang katak baru. Lusa akan mati katak yang lama. Beginilah yang terus berlaku. Betul. Beginilah idea yang bakal muncul apabila cerita tentang sebuah pulau tidak ada air untuk katak-katak ini menetas telur-telurnya menjadi berudu yang boleh membiakkan beribu-ibu anak katak. Ke manakah katak-katak itu akan melompat lagi? Maaf saja jika idea ini mengganggu pembacaan anda yang budiman!

Harian Ekspres, 10 Disember 2000.

Kepala, Kepala

SEBENARNYA bukan bola tetapi kepala! Kepala pun boleh tercabut dan dijadikan bola. Kepala yang dibolakan. Boleh ditendang, digelecek, diputar-putar, dibuang, dilambung dan disilih ganti. Kepala boleh ditukar atau disilih gantikan. Sungguh ajaib idea ini tapi ini bukanlah suatu peristiwa zaman purba murba waima kononnya kisah kepala terbang ke sana ke sini menemui mangsanya. Peristiwa ini berlaku dalam zaman pasca moden ini. Ketika dunia dibangunkan oleh segala rentak kecanggihan. Kepala menjadi tidak bererti lagi. Sungguh-sungguh tidak bererti!

Yang sebenarnya kepala ini tidaklah terbang hinggakan berjurai tali perut-tali perut. Matanya tidak terbeliak menggerunkan. Lidahnya tidaklah terjelir mengerikan. (Tentulah bukan seperti gambaran yang pernah diberi oleh orang-orang kampung ayah saya atau ibu ketika kecil atau oleh para bomoh di kampung ayah saya yang maha arif itu.) Bukan juga bagai diceritakan oleh para andartu melalui kepalanya yang terlalu banyak bicara, banyak bangkang, banyak juga celoteh mempertikai kebolehan orang lain dan sembayu⁷ di kalangan kelompoknya. Inilah kepala milik anda juga. Jika anda boleh memahami maksud saya. Misalnya kepala andartu, saya juga ingin memaksudkan begitu.

Suara kepala andartu terlalu memilukan. Ah! Persetan suara hantu andartu itu. Sekarang cerita tentang kepala-kepala yang banyak. Terlalu banyak hinggakan menjadi suatu kesukaran untuk memilih kepala apakah yang terbaik. Berambut

⁷ Berlagak suka dipuji

hitam keriting, tidak berambut langsung atau rambutnya seperti laut yang menampakkan bulatan berkilau dipanah matahari. Mungkin juga kepala yang punya otak yang bergeliga, pintar yang hidungnya sudah digari. Atau kepala yang layakanya seperti bola boleh diputar-putar, ditendang dan boleh juga dibaling ke sana ke mari. Tidak ada apa-apa bezanya. Jika sudah menjadi bola, bolalah kepala itu sebenarnya.

Orang ramai di dalam sebuah lokasi yang sudah kenali, amat dikenali sesungguhnya, masing-masing ingin mempertahankan kepala-kepala junjungan mereka. Pahlawan kaum di zaman purba murba selalu menganggap kepala yang berjaya dipenggalnya selepas perang sebagai nilai kegagahan dan kepahlawanan. Dialah anak muda yang perwira. Dia jugalah bakal digemari anak-anak perawan bahkan dipandang sebagai insan yang boleh diharapkan menjadi peneraju kaumnya di zaman mendatang.

Namun di antara kepala-kepala itu tampil kepala andartu mengaksikan aksi-aksi kebiasaannya dan juga kesukaannya. Tidak dapat digambarkan dengan kata bagaimana raut wajahnya yang digelar kepala bagi segala andartu di lokasi itu. Kepala andartu ini berdiri di atas pentas sambil mengintai-intai jika dia boleh mendengar suara sesiapa yang berani mempertikai kewibawaannya memimpin para andartu. Ketika itu juga dia melaungkan suaranya yang sudah hampir separuh abad usianya, dan masih andartu. Kedengaran jendela mulutnya terbuka dan tertutup, dan dia mula berceloteh tentang itu dan ini. Ini dan itu yang tak boleh dan boleh. Itu dan ini yang betul harus lahir dari langkah-langkahnya atau tangkas fikirannya melalui tangan dan kakinya. Tanpa disedarinya orang ramai sudah mula mencemuh dan menampakkan wajah bosan dan mereka mula menulikan telinga.

Mengapakah kepala andartu itu masih di situ, tidak ditendang laksana bola seperti kepala-kepala yang berlaku di sebuah lokasi yang dimaksudkan tadi. Ketua andartu itu wajar

ditendang dan dijadikan bola atau buang saja anginnya supaya tidak boleh bersuara dan tidak boleh menjadi bola. Lalu menjadi bangkai bola yang akan dikebumikan. Tapi semua orang akan merindukan suara kepala andartu itu. Terutama sekali ketika dia duduk, sambil menganggukkan kepala dan ketawa sinis, memperli walaupun sesekali serius tetapi kebiasaannya duri-duri keceloparannya akan menusuk di belakang ketika orang lain pergi tanpa berpaling.

Biarkan si ketua andartu itu menjadi bangkai si luncai yang terjun ke dalam lautan tanah tak bergelombang tapi bernanah tanah!

Di tengah lokasi yang dimaksudkan kepala-kepala selain kepala andartu itu kelihatan terlalu dungu, tolol, bengang, bodoh dan yang seumpama dengannya. Inilah kata yang wajar untuk para kepala itu. Mereka tidak seperti kepala andartu yang berani walaupun memang memilukan malah memalukan. Kepala-kepala itu otaknya barangkali tidak seperti otak makhluk berjenama manusia. Otaknya bukan saja kering beku tetapi sudah kering kayu. Otak yang basah telah disalah pakai. Otak asal di dalam kotak kepalanya dulu sudah ditakluki. Sudah juga dijadikan hamba abdi. Sudah juga menjadi haiwan di sawah atau suatu pandangan daif di lorong-lorong gelap. Meraung di waktu malam atau ketika gema azan subuh berkumandang. Anjing!

Kepala andartu masih berdiri di tengah pentas. Walaupun pendek, gemuk gempal suaranya cukup lantang dan berani. Seluruh kepala-kepala tak berani mendongak melainkan tunduk ke bawah membaca tanah. Mereka tidak mendengar sepatah pun kata-kata kepala andartu yang bukan kepalang semangatnya. Memang membara semangatnya apabila berada di atas pentas sambil mendabik dada memperkatakan kedudukannya dan keadaannya. Juga kemampuannya. Kepala andartu itu mula membaca biodata. Sambil mengangkat-angkat kedua bilah tangannya, kepala andartu itu melaung-

laungkan suara kebebasan, keadilan, kebenaran dan lain-lain lagi.

Ketika kepala andartu itu mula membaling-baling pakaiannya dari tubuh badannya yang tidak pernah habis pakaiannya walaupun semua pakaiannya itu dibukanya, orang ramai di dalam lokasi itu ketawa terbahak-bahak. Bayangkanlah jika anda adalah antara kepala-kepala yang dungu, tolol dan bodoh, bengang dan yang seumpama dengannya itu. Mungkin turut ketawa terbahak-bahak sambil menghentak-hentakkan kaki dan memukul perut mereka dan juga kepala mereka sendiri. Tidak jelas apakah perasaan mereka ketika itu walaupun dalam keadaan sedar. Kepala-kepala yang tolol, bengang, dungu, bodoh dan yang seumpama dengannya itu masih dihantui oleh suatu perasaan luar biasa sehingga ketika ketawa mereka sempat mengumpul tenaga untuk meneruskan ketawa selanjutnya. Itu sajalah yang diketahui mereka. Ketawa dan ketawa terbahak-bahak melihat orang lain yang berlaku lucu dan bodoh. Mereka melihat sendiri aksi bodoh dan lucu kepala andartu itu. Mungkin mereka memikirkan kepala andartu itu memohon perhatian para kepala yang ada untuk melamarnya! Sehingga terpaksa membuka segala pakaiannya walaupun tidak mungkin habis jika mahu dibuka semuanya. Terlalu banyak pakaian yang dipakai oleh kepala andartu itu.

Kepala andartu diam seketika dan duduk semula di belakang pentas. Sungguh dirasakannya suatu kehilangan tenaga yang lain. Dirasakannya kepalanya mula tercabut daripada kedudukannya. Kepala andartu itu sudah terasa tergugat. Kerana kehadiran begitu ramai andartu yang sudah mula mual dengan kerenahnya, kepala andartu itu tidak henti-henti membuka pakaiannya dan seperti biasa pakaiannya tidak pernah habis. Sambil matanya liar mencari para pahlawan purba murba yang gagah menjunjung kepala yang disabitnya dalam peperangan kaum mereka. Tidak kelihatan seorang pun. Tidak ada seorang pahlawan pun hadir di dalam sebuah lokasi yang dimaksudkan di

atas. Tiada melainkan kepala-kepala yang semakin dungu, tolol, bengang, bodoh dan yang seumpama dengannya.

Kepala andartu itu bangun semula dan gambaran pada masa ini menjelaskan visinya. Dia menegakkan sekali lagi kedua bilah tangannya dan melaungkan suaranya yang sudah bertukar menjadi suara keldai. (Saya sudah tersilap. Entah mengapa tiba-tiba saja fikiran bertukar. Kepala andartu itu menjadi kepala keldai pula!) Rupanya betul. Kepala andartu itu sudah tercabut dan kepalanya bertukar menjadi kepala keldai. Patutlah suaranya sudah menjadi suara sang keldai. (Saya sungguh gumam memikirkan nasib 'arwah' kepala andartu itu. Di mana harus saya letakkan kepalanya yang sudah tercabut itu?) Tiba-tiba, anda tahu, kepala andartu itu sudah ada di antara kepala-kepala yang sudah terkenal dengan bengang, tolol, dungu dan bodoh. Tidak ada lagi suara yang jelas sebagaimana diperlakukan oleh kepala andartu yang berani. Berani dalam banyak hal. Daripada hal luar hinggalah kepada perihal dalaman. Berani memperkatakan kelemahan orang lain tetapi tidak berani memberi panduan agar segala yang difikirkannya salah itu menjadi teladan hari kemudian. Namun kepala andartu itu memang cukup berani. Tiada siapa berani membandingkan keberaniannya yang luar biasa itu. Apatah lagi jika mahu membandingkan dengan kumpulan kepala antertu⁸ yang kononnya mahu mencari pasangan masing-masing apabila bertemu dengan kumpulan andartu di tengah lokasi yang dimaksudkan di atas. Memang tidak menjadi. Antertu tidak menemukan jodohnya di tengah-tengah para andartu. Inikan pula suara kepala andartu yang jauh melebihi suara antertu. Namun segala-gala juga hancur musnah apabila kepala andartu akhirnya tercabut juga dan bertukar menjadi kepala keldai!

Harian Ekspres, 28 Januari 2001.

⁸ Anak teruna tua

Hanya Namanya Khartizah

NASIB baik tidak Khatijah, nama isteri Rasulullah. Saya mohon ampun dan maaf disebabkan ejaan nama ini tapi itulah yang terjadi. Meskipun namanya hampir seirama namun hakikatnya tidak seperti apa yang pernah digambarkan dalam cerita-cerita sejarah Nabi yang diceritakan para sahabat Rasulullah dan para alim ulama selepas baginda. Hanya kerana nama: misalnya Khartizah bukan Khatijah suatu kehidupan menjadi kelam kabut seumur hidup. Bacalah idea yang baru berkembang ini. Sejarah kehidupan yang boleh berlaku di mana-mana. Bukan saja di dalam rumah anda sendiri. Hanya bezanya ia bermula dari nama Khartizah!

(Catatan: Peristiwa begini berlaku di mana-mana. Sebagai seorang perempuan atau wanita yang bergelar ibu, Khartizah yang seorang ini tidak juga dapat lari dari tanggungjawabnya. Apa saja bentur kehidupan jangan terjemahkan alasan semudah begitu. Misalnya bila mendepani persoalan, belukar akarnya dibiarkan bersembunyi seperti adanya. Sambil menebang pohon persoalan itu dengan kegusaran dan kekasaran rasa. Boleh saja mengenyahkan tanggungjawab membiarkan anak-anak kebuluran kasih sayang. Boleh saja juga abaikan mereka hanya semata-mata tidak menerima apa-apa pun daripada mereka.)

Hanyalah kerana namamu Khartizah, tapi apakah pernah anda fikirkan betapa indahnya nama itu. Aksaranya merupakan himpunan makna yang memang diagungkan Tuhan.

Kebenaran hanya ada rahsia tika ia ziarah antara hati: itulah K-H-A-R-T-I-Z-A-H! Jangan permainan gelombang kehidupan itu. Jika kebenaran sudah paling jelas berada di hadapan, mengapa harus berpura-pura? Ketika saya mengenalkan diri kepadamu hampir sedekad yang lalu, anda seorang wanita yang sebaya umur ibu. Kelihatan gigih bekerja. Anak-anak semuanya masih hingusan. Kecuali yang seorang ini. Saya tak mungkin melupakannya. Ketika saya baru saja memulakan usia sebagai insan yang bebas dari cengkaman orang tua, dengan yang seorang inilah saya diakrabkan kesunyian. Saya tinggal serumah dengan bapa saudara yang tidak pernah memahami dan perasaan saya juga. Tabiatnya sama seperti orang lain yang panas baran, berprasangka dan tidak mengambil tahu langsung apa yang saya sedang hadapi. Hanya kerana dia bapa saudara yang juga adik tiri kepada ibu membantuku sehingga mendapat peluang pekerjaan yang baik di bandar ini, jika tidak saya tidak fikir akan berkenalan dengan seorang wanita sebaya usia ibu yang bernama Khartizah ini. Dan kerana habuan kesunyian juga mengakrabkan yang seorang ini iaitu anak sulung kepada Khartizah.

Jangan hairan kalau dikatakan inilah cerita benar saya. Seseorang itu sebenarnya tidak wajar berpura-pura. Tulislah apa yang difikirkan tentang dirinya. Biarlah apa saja pun yang berasal dari diri sendiri, saya percaya boleh menjadi cerminan kepada orang lain. Saya sendiri gagal melihat wajah di hadapan cermin yang sebenarnya cermin. Tetapi saya boleh melihat cermin itu pada peribadi orang lain. Misalnya ketika membaca sebuah novel seorang pengarang *dila*: Shuhaibun Yussuf, saya fikir boleh memahami watak-watak yang diciptanya seperti dalam novel *Kanvas Tanpa Imej* yang barangkali sayalah antara watak-watak itu. Tentulah secara kebetulan saja. Tapi tidak salah bukan? Katakanlah apa yang anda sedang baca sekarang ini anda suka dan kebetulan adalah watak yang saya cipta atau watak sebenar peribadi yang sebenarnya. Tentu menarik.

Malangnya ada juga insan yang memilih kehidupan yang bohong. Demi mencapai hasrat atau sengaja mencari fasal melakukan penyamaran apa saja. Mahu kaya jadilah seseorang yang seolah-olah dipercayai seorang ahli korporat. Buat temu janji dan melakukan perniagaan import eksportnya dengan modal bahasa, mimik wajah, kepintaran dan perawakan. Sungguh malang orang seperti ini pun boleh dipercayai. Orang ini boleh memperdaya akal yang sihat. Apakah anda pernah menemui insan yang paling penipu di bandar ini? Rekodnya memang seratus peratus bersih dalam fail polis waima mahkamah kerana si penipu ini bijak di hadapan manusia bodoh. Si penipu ini juga bijak memainkan peranannya sebagai seorang yang ahli kepada bidang-bidang yang menjamin orang-orang bodoh masuk perangkapnya. Si penipu ini paling temberang, paling angkuh dan paling liat menyahut panggilan halus Tuhan.

Tentulah juga tidak sama si penipu ini dengan budak-budak remaja di bandar yang mempunyai keupayaan yang lain dalam bab tipu-menipu. Begini sebagai contoh: Satu hari ketika berjalan-jalan di perut bandar, saya didekati seorang budak lelaki berumur antara 17-18 tahun. Mula-mula malu-malu memperkenalkan dirinya sebagai seorang yang sedang ditimpa kesusahan. Apa yang dilakukannya? Katanya, tolonglah saya kali ini. Abang ambil ini (sambil menyerahkan kepada saya beberapa keping kertas...) Anda tahu apa? Itulah cabutan nombor bertuah! Bapa saya hampir nak mati dan memerlukan duit. Abang bagi saya sekian-sekian. Katanya lagi. Sikap teragak-agak saya tetapi mendengar itu kemudian disokong oleh seorang yang lain. Dia memberi semangat agar saya bersetuju sambil pada masa yang sama mengaku boleh membantu jika pada masa itu saya tidak memiliki wang yang diminta. Saya bertindak bijak kerana mengesyaki sesuatu kerana dari raut wajah mereka, mereka sebenarnya bersubahat. Dan penipu besar antara para penipu dan pembohong di bandar ini. Umpan mereka

tidak mengena walaupun tentu saja bukan kepada diri saya malah pasti sekali sudah ratusan yang lain.

Menjadi mangsa. Tanpa mengira siapa dan apa kedudukannya, mangsa menjadi salah satu wajah yang menimpa manusia yang mudah menerima bahasa dan mimik muka yang bertopeng. Muslihat di sebalik kebaikan, kebijaksanaan namun akibat keintelekcuaianya jugalah akhirnya tak mungkin sesiapa mempercayai. Katakanlah saya ingin menjadikan contoh berikut sebagai bukti terbaru. Namun awas, jangan percayakan saya jika akhirnya anda juga menjadi mangsa selepas seorang sahabat saya menerima nasib yang serupa. Semuanya bermula dari perbuatan tidak bertanggungjawab. Tentulah manusia, namun manusia yang ini jenisnya lain. Kayaknya memang seperti binatang dan hantu jembalang. Sesuka hati melakukan penyamaran yang memalukan jantinya. Maafkan saya, hanya mampu saya jeniskan manusianya sebagai pondan! Ada sebabnya. Anda carilah mengapa jenis ini dipersetujui fikiran saya. Apakah yang telah diperlakukan terhadap sahabat saya itu? Dia menyamar menjadi apa saja termasuklah perempuan yang malang kerana ditinggalkan suami yang curang! Kasihan sahabat saya kerana dipermainkan begitu. Sambil manusia pondan itu dengan selamba melupakan peristiwa itu dalam satu perlambangan yang tersendiri akibat kepondanannya juga. Manusia yang ini telah gagal mengenal apakah perbuatannya dibiarkan begitu saja sedangkan beberapa hari yang lain di menjelma sebagai seorang abid. Dia mungkin seorang yang nyanyuk terhadap siapa yang menjadikannya. Barangkali yang dia tahu hanya bapanya dan ibunya! Ibu dan bapanya yang sekamar dalam suasana sunyi sepi...

Malah seorang Khartizah yang saya maksudkan tidak menyedari bahawa dia juga mengalami peristiwa yang memalukan. Meski saya tak mungkin kesal berkenalan dengannya. Demi tuhan tidak sama sekali. Jika ditakdirkan demikian apa lagi. Mengembalikan kepada sesuatu dari awal

tentulah nyanyuk namanya. Saya jadi benci kerana manusia Khartizah ini telah memusnahkan kemanusiaannya sendiri yang dengan terang-terang melanggar hukum agama. Dia tidak menyedari rupanya di pundaknya terpikul satu tanggungjawab yang besar lagi mulia. Dia ketua masyarakat. Dia seorang hawa yang mengepalai sebuah kariah. Anda fikir saja jika lebih lima puluh buah rumah di bawah jagaannya. Setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya dua keluarga. Setiap keluarga dibanguni oleh seramai lima orang. Anda hitung berapakah ramai manusia yang dipertanggung-jawabkannya. Tanggungjawab terhadap manusia dan tanggungjawab terhadap amanah yang diberi kepadanya oleh manusia dan oleh Tuhan. Ini yang saya fikir seorang bernama Khartizah itu lupa.

Dan seorang yang bernama Khartizah ini telah melakukan kesilapan besar terang-terang di hadapan seorang lelaki yang kerananya telah melahirkan empat orang zuriat. Satu peristiwa yang tidak mudah dilupakan. Sesuatu yang telah menjinakkan perasaan oleh ketelusan fikiran insan. Ketika semua kaum kerabat berkumpul di perut rumah kecuali suaminya yang menurut cucu seorang yang bernama Khartizah ini sedang menuju ke kebun jagung mereka. Perbuatan si suami ini sebenarnya menyusahkan Khartizah yang mengharapkan usahanya berjaya dan upacara yang telah ditunggu-tunggu kaum kerabat selesai dilakukan. Lebih cepat lebih afdal. Sekarang, di hadapan antara kaum kerabat itu seorang imam yang tidak bertauliah di samping beberapa orang lain yang bertindak menjadi saksi. Kaum kerabat tidak sabar lagi melihat seorang kemanakan mereka mengakhiri zaman janda buat kali yang ke berapa yang memeningkan kepala buat Khartizah. Biarlah anakku yang seorang ini kubrakan kepada seseorang yang lebih berada berbanding kamu walaupun bakal suaminya itu seorang suami kepada tiga orang wanita yang lain! Bukan kuperlukan harta atau apa-apa pun. Seorang Khartizah ini ingin suatu pengertian mempelawa kekusutan fikiran saya terhadap seorang

anak perempuannya yang tidak pernah betah dengan suami. Hanya dia seorang sahabat satu-satunya waktu saya belajar di perpustakaan sedekad yang lalu. Bertemu semula selepas dia berkahwin untuk kali yang ke berapa saya tidak ingin katakan, menzuriatkan beberapa orang anak dan meninggalkan beberapa orang suami. Dan kali ini seorang bernama Khartizah itu iaitu ibu kandungnya terpaksa melupakan saya dan menerima calon yang lain untuk anaknya itu. Tetapi, Khartizah yang seorang ini tidak sama dengan Khatijah isteri Rasul Junjungan dan malah jauh.

Lelaki berlilit kepala yang diragui ketauliahannya di sisi Jabatan Agama, yang telah sekian lama menghafal doa dan lafaz serta hukum hakam yang akan disampaikan kepada kedua-dua pasangan ini, menjadi tidak selesa lantaran waktunya sudah sampai ke puncak kesabaran. Akhirnya adalah keputusan dan meletakkan satu tanggungjawab kepada anak lelaki satu-satunya yang ada waktu itu menggantikan bapanya yang mengasingkan diri di kebun jagungnya sebagai wali. Peristiwa pun berlaku dan mati di situ meninggalkan kenangan dan juga iktibar. Memang sah manusia memang suka melakukan sesuatu yang aneh-aneh walaupun terpaksa melanggar hukum hakam kehidupan dan norma kebiasaan dalam sebuah kariah. Dan inilah yang menjadi kesan fikiran sejak selepas peristiwa itu. Sambil terus tanpa henti berhadapan dengan pelbagai peristiwa aneh dilakukan oleh manusia yang berakal. Kata mereka biarlah semua itu berlaku kerana akhirnya ia akan dikenang dan direkodkan sebagai sesuatu yang berbeza.

Bukan ada yang lain saya fikir selain kepuasan diri dan serakah nafsu yang dimiliki. Saya tentu tak ingin berpayah-payah menyimpan pemikiran yang tertutup. Yang bernama Khartizah itu telah memberi pengajaran yang baik melalui tindak tanduk suaminya yang keras hati tak ingin bersubahat. Begitulah seperti yang berlaku di hadapan mata kepala saya beberapa waktu selepas itu. Dunia dikejutkan dengan tindak tanduk

keinginan manusia melakukan yang lain daripada kebiasaan agar dapat disenaraikan sebagai sesuatu yang gah. Satu-satunya berlaku di sebuah negara Islam yang mempunyai para pemikir yang ahli tetapi malangnya telah diperdaya oleh satu pemikiran hedonisme hingga membawa keindahan Islam itu tergelincir dari landasan yang baku. Astaghfirullah! Apa juga yang berlaku untuk saya hanyalah linangan air mata yang mungkin dapat disukat berbanding kesedihan dari bersubahat dengan ribuan insan yang tidak ada masa merenung dan berfikir panjang. Ribuan manusia yang hanya memahami bahawa apa yang berlaku hanya salah sebuah perjalanan kehidupan di dunia ini. Tidak lebih dari itu. Inilah yang saya fikirkan sekilas mengenang seorang yang bernama Khartizah. Islam itu indah dan mudah tetapi inilah natijahnya apabila keindahan itu dipelekuh oleh niat yang bermaksud. Seperti kata ayah jika anda bersolat pusatkanlah niat anda kerana Allah bukan kerana yang lain seperti mahu menebus dosa atau mencari ketenangan jiwa dan sebagainya. Sambil seorang yang bernama Khartizah itu hanya suatu kenangan, saya tetap berhasrat menemuinya saban tahun, menziarahinya ketika realiti ibu berada hanya dalam kalbu. Sedangkan merenung semula inti pati pengalaman yang dilihat, difikirkan, dirasakan dan dihayati itu wajar berada di tempat yang hak. Akhirnya berhak juga memilih antara yang benar dan yang batil.

Harian Ekspres, 22 September 2002.

Besi @ Debu @ Sebuah Kebosanan

SESEORANG itu akhirnya lari. Jangan kata percaya jika dijelaskan bahawa seseorang itu telah lari kerana bosan. Pernahkah anda mengalami sebuah pelarian seperti yang pernah dialami oleh seorang yang bosan yang saya maksudkan dalam tulisan ini yang sudah jauh larinya. Larinya yang laju selaju-lajunya. Lari yang jauh sejauh-jauhnya. Laju meninggalkan lembah-lembah yang kaya dengan emas kenangan. Jauh menghuni dunia dosa-dosa yang lain. Seseorang itu telah meninggalkan dunia-duniannya yang palsu, memalsukan kehidupan masa lalu. Seseorang itu telah menanggalkan daki dosa-dosa menzahirkan benih-benih yang sudah mendewasakan zuriat daripada penat yang rela dan tak rela daripada pelbagai ragam Adam. Biar pun hitam legam dosa-dosa itu, besar dan dewasa jugalah semua zuriat yang sudah tahu mengenal dunia-duniannya.

Situasi seperti ini hidup tanpa kehadiran kepalanya. Kerana akalnya sudah tidak ada lagi. Kepalanya kosong. Kering kontang. Otak yang pernah ada pada kepalanya itu sudah beku sebeku-bekunya. Urat saraf-urat saraf yang pernah ada pada tubuhnya yang menghubungkan otaknya sudah tegang keras tidak dapat lagi diubah-ubah. Tegang dan keras. Keadaan ini tidak dapat dibayangi olehnya untuk memahami. Demikianlah untuk mengerti pedih. Pedih itu adalah manusia yang menyangka bahawa hanya besi saja yang boleh menghancurkannya.

Besi saja. Di dalam kepalanya hanya besi yang ada. Hanya besi saja yang melingkar-lingkar bak akar-akar yang belit membelit di dunia tanah. Besi di dalam kepalanya sudah

semakin membesar. Hitam legam. Logam yang berkarat-karat itu sudah menghiasi ruang kepalanya. Kini sudah juga mempengaruhi deria-deria yang lain. Matanya juga. Mata yang dibantu oleh kanta palsu juga sudah dibayangi besi. Giginya juga sudah diwarnai warna besi, hitam legam dan karat. Telinganya juga pantang mendengar suara besi dibuang di merata tempat. Tangan-tangannya, kaki-kakinya malah punggungnya juga sudah dialahi besi yang sudah menjadi raja berdiri gagah di hadapan kehidupannya. Tiada apa lagi yang dirisaukannya selain besi-besi yang jika tidak dapat ditemui akan menghancurkan kehidupannya yang kaya dengan sebuah masa depan yang menjadikannya senang lenang. Dibayangnya besi menjadi suatu nilai lain yang sering menghantuinya. Kini dia dihantui kerisauan-kerisauan baru kerana telinganya tidak lagi mendengar gemerencing besi dibuang di merata tempat atau dilonggokkan pada lokasi-lokasi khas. Matanya juga tidak melihat besi-besi di merata tempat. Tangan-tangannya dan kaki-kakinya tidak lagi menyentuh karat besi yang hitam legam. Hidungnya tidak juga menghidu bau besi. Aduh! Gila. Gila mendampinginya. Gila-gila besi menguasainya. Seseorang itu menggilai besi!

Seseorang itu akhirnya lari kerana mendekati besi. Rumah-rumah mimpi yang ngeri ditinggalkannya. Rumah-rumahnya juga telah roboh tatkala tiang-tiangnya diusik angin perubahan yang mendadak. Ditambah kehadiran anai-anai yang bernaflu. Itu tidak dipedulikannya lagi. Kerana apa pun tidak bererti, jika bererti pun tidak mungkin dapat mengembalikan sebuah kenangan yang bermakna. Makna kenangan hanya baik untuk suatu ketika di mana kehidupan itu memberi pulangan yang munasabah. Jika tidak memberikan pulangan yang mempunyai nilai apalah ertinya. Tentang kasih sayang, segalanya penuh ranah. Maka biarkanlah anai-anai nafsu itu memamah-mamah rumah-rumah kehidupannya. Hati meraung-raung juga hingga habis segala air mata. Mengenang mata air yang dibebat paksaan-paksaan dan nafsu-nafsu buasnya.

Dirasakan pedih, memang pedih. Seperti rama-rama yang hinggap ke pohon demi pohon memohon perlindungan. Sama ada memberi atau diterimanya manis, putaran hidupnya sudah ditentukan bahawa dia hanya tahu untuk terbang, singgah dan terbang semula hinggalah segala bulu pada kepaknya gugur satu demi satu. Dan dia tidak tahu nikmat terbang untuk dirinya lagi.

Pandangannya samar. Hatinya meraung-raung menahan sebak dan kepedihan. Dijelajahinya setiap lokasi pembuangan. Besi tidak juga dinampakkan. Besi tidak juga ditemui lagi.

Jangan anggap idea ini betul meskipun barangkali benar. Anda fikirkan saja tentang besi atau otak besi yang dipunyai seseorang yang sudah tidak tahu makna nilai. Apabila sudah tidak dapat membezakan keluhuran hati budi, besilah menjadi perimbangannya. Bukan emas. Bukan perak. Bukan juga intan berlian. Demikianlah fikirannya sudah disesakkan sesalan-sesalan masa lalu. Oh, masa lalu sudah tidak mungkin mengenalinya, sebagai seseorang yang ramah dan boleh berkata-kata manis. Masa lalu jugalah yang mengubahnya menjadi seseorang yang serakah dan tamak haloba. Hilang punca untuk menegakkan pendirian. Sebuah dunia baru yang kononnya terpaksa dilalui. Terpaksa juga menegakkan semula rumah yang sudah runtuh. Terpaksa juga menerima ikatan walaupun ikatan itu berasal daripada tali-tali usang. Terpaksa juga mengikat tali-tali yang usang itu demi suatu kehidupan masa depan. Fikiran begini semakin membiak. Membiak dan membesar, hanya belum sampai waktunya untuk mencetuskan sebuah letupan ajaib pada suatu ketika yang lain.

Letupan itu akhirnya meletup juga. Hanya tidak akan dilihat atau dirasai, sesungguhnya begitulah. Bagaimana kuat sekalipun, letupan ini tidak akan didengar dan mendengarkan. Letupan ini bukan letupan bom-bom atau tembakan-tembakan yang pernah anda lihat di peti TV ketika ini atau suatu waktu yang lain yang anda mungkin ingat atau anda pernah lalui. Barangkali, anda bayangkan saja bagaimana selepas sesuatu

letupan itu berlaku. Bahangnya amat membahang. Daripada benda-benda kering hingga benda-benda basah. Daripada zarah-zarah yang tidak ada pada mata hinggalah kepada zarah-zarah yang telah membangunkan suatu bangunan alam. Daripada alam yang nyata hingga ke alam yang tidak nyata. Bayangkan darjah bahang letupan itu. Memamah segala-galanya. Segala-galanya menjadi tidak keruan lagi. Hancur lumat. Dan mendebru. Sungguh-sungguh.

Berterbanganlah debu-debu itu. Menjelajah ke merata ruang. Ruang-ruang yang luas dan kurang luasnya. Ruang-ruang yang sejuk dan yang kurang sejuknya. Ruang-ruang yang hijau dan kurang hijaunya. Menjelajahlah debu-debu itu ke merata tempat. Dari bumi ke awan gemawan. Debu-debu itu bersatu dengan debu-debu yang sudah lama menjadi debu, yang bertaburan di ruang penjelajahannya. Debu-debu itu bersatu juga dengan debu-debu yang baru menjelma sebagai debu. Sekarang debu-debu itu, kerana telah bercampur baur, sudah sukar dikenali. Debu-debu itu juga tidak tahu apakah dia debu-debu yang baru menjadi debu atau yang sudah lama digelar debu!

Mungkin juga debu-debu itu hinggap pada besi! Sebenarnya debu-debu yang sudah tidak dikenali masih berterbangan termasuklah yang hinggap pada besi. Mengikut rentak angin yang datang. Ketika angin bergerak ke arah timur, ke timurlah ia. Ketika angin bergerak ke arah barat, ke arah baratlah ia. Ketika ditiup angin menuju ke arah utara ke arah utaralah ia. Ketika gerak angin menuju ke barat daya ke barat dayalah dan seterusnya yang tidak dapat diteruskan di manakah gerak angin itu sebenar-benarnya. Hanya selalunya angin itu pun bertiup tidak tentu hala. Debu-debu itu juga turut diterbangkan dalam keadaan yang tidak tentu hala. Barangkali ketika angin bertiup ke timur, ia tidak ke barat tetapi ke selatan. Mungkin ketika angin bertiup ke arah utara, ia tidak ke selatan tetapi ke timur. Mungkin juga, ketika angin bergerak menuju arah barat, ia tidak ke timur yang terjadi gerakannya ke suatu arah yang

entah di mana. Boleh jadi di mana-mana. Semakin jauh meninggalkan apa-apa saja yang ada bersamanya dulu.

Debu-debu meninggalkan segalanya. Tidak kedengaran ratap tangis untuk debu-debu yang pergi itu. Ya, sekurang-kurangnya debu-debu itu juga dipunyai seorang ibu dan seorang ayah atau lebih. Meskipun mungkin dipunyai ramai ibu dan ramai ayah. Maka sepatutnya ramai juga sanak saudaranya. Tiada bahasa sapa atau selamat jalan untuk debu-debu itu. Debu-debu berterbangan dibawa angin. Debu-debu kembara mengikut rentak angin. Tidak siapa boleh menghalang kerana tidak siapa dapat memandang di mana debu-debu itu berada. Dan tidak siapa dapat mengenali antara debu-debu itu, bahkan. Hanya ada, ketika debu-debu itu hinggap di mata. Berairlah si mata itu. Si mata menjadi merah. Bedebah debu, mungkin itu kata si empunya mata. Kebedebahan debu masuk ke dalam saraf otak hinggap ke kalbu dan berdetak-detak pedih itu.

Air mata dan kepedihan menjadi mimpi-mimpi yang menghantui. Menjadi keping-kepingan yang bertaburan di lantai. Seperti debu-debu yang berterbangan di udara, di angkasa, melewati ruang-ruang, hinggap di merata tempat adalah seseorang yang sudah gagal mengenal diri. Bese kehidupannya juga gagal mengawal keutuhan dan harga diri untuk menjelmakan diri sebagai seseorang yang bernilai oleh sesiapa jua. Debu, besi dan juga kebosanan yang tidak mungkin digemari dan dimahui adalah muzik untuk lagu kepedihan tetapi ilmu untuk kewaspadaan. Dan kewarasan. Seseorang itu akhirnya lari dan tak menemui jalan kembali. Seseorang itu menemui dirinya di lembah-lembah yang sama berputar-putar, gugur dan bangun. Dan gugur lagi kemudian bangun semula. Alangkah!

*Kota Kinabalu-Beaufort,
4 November 2000.*

Ekor

ANDA tentu pernah melihat ekor cicak yang terpenggal. Ceritakan kepada saya tentang ekor cicak yang malang itu begini: saya agak nakal pada setiap malam Jumaat untuk mengumpul sebanyak empat puluh ekor cicak, hidup mahupun mati. Kesemua cicak itu sudah tak berekor ketika mahu dipersembahkan kepada kerajaan tanah. Begitu juga kepada sungai di bawah rumah atau di dalam tong sampah yang esoknya akan dipunggah oleh pekerja Dewan Bandar Raya. Saya memikirkan tentang ekor cicak itu. Dan tidak lagi cicaknya tapi ekornya. Ekor saja. Kepala saya berlegar-legar membayangkan ekor yang lebih besar, panjang dan mengikat kepada sesiapa saja. Orang kecil atau orang besar. Orang kecil-kecil atau orang besar-besar.

Mengapa binatang ada ekor. Manusia tak ada ekor. Harimau ada ekor. Gajah ada ekor. Begitu juga musang. Tidak kepada katak. Tapi tak tidak kepada monyet, kambing, beruang, babi, singa atau tupai. Rupanya manusia juga ada ekor sebenarnya. Saya mula diingatkan oleh otak yang kadang-kadang kering yang mendekatkan kepada lupa. Benar manusia juga ada ekor. Inilah saya hendak menyampaikan idea tentang ekor. Kepala saya selalu pening kerana kerap mencari ekor di medan selera. Sup ekor yang berkhasiat itu kononnya. Semangat yang bakal menyala dan membara. Namun pusing kepala saya tidak kerana supkan ekor tetapi ekor yang lain. Ekor yang dimanusiakan. Ekor yang juga memanusiakan. Ekor yang sentiasa berada di belakang tak mungkin di hadapan tetapi ada

kalanya di depan. Ada beza antara 'hadapan' dan 'depan'. Bos di pejabat saya tunggang-langgang melaksanakan tugas juga ada ekornya. Sahabat-sahabat saya yang punya sedikit wang dan pengaruh juga punya ekornya. Santai di meja mamak sambil dikelilingi ekor-ekor yang berekor-ekor. Tanpa segan dan malu menjadi ekor. Ekor demi ekor keluar daripada tong-tong sampah!

Ekor mencari badannya yang terpenggal. Entah kalangan yang asyik maksiyuk di meja mamak itu mungkin tidak menyedari mereka sudah kehilangan ekor. Kerana begitu asyik tak sedar ekor mereka terpenggal. Mereka sudah lupa bahawa mereka sebenarnya punya ekor mereka sendiri. Walaupun mereka itu menjadi ekor kepada badan yang lain. Seseekali mereka keliru bila dibicarakan tentang ekor. Milik siapakah ekor-ekor yang tak henti-henti ke sana ke mari memadankan kesesuaian mereka. Ada ekor yang panjang, pendek kontot, ada yang bercabang-cabang, berwarna-warni, berkulit keras kematu dan sebagainya kerana tidak dapat dipastikan jenis apakah ekor-ekor itu. Boleh jadi binatang buas atau binatang separuh buas atau kurang buasnya. Walaupun kenyataannya kebuasan akan menentukan bagaimanakah jenis ekor itu. Namun pada saat-saat yang genting kebuasan tidak dianggap penting. Apa yang penting sewaktu genting ialah ekor.

Tidak terkecuali ekor si orang alim dan para ulama yang punya ciri yang lain pula. Mereka menjadi ekor saja dan ikut kepala. Sama ada kepala itu berotak ok atau berotak tak ok, ekor itu ikut. Susah atau senang ekor tak pernah mengisahnkannya kepada sesiapa. Ekor patuh dan harus akur. Tidak seperti kepala kereta api. Ada waktunya menjadi kepala, ada waktunya menjadi ekor. Sebentar tadi ekor menjadi kepala untuk ke hadapan. Sejam kemudian ekor yang menjadi kepala itu bertugas menjadi ekor pula. Ekor, kepala. Kepala ekor. Analogi ini barangkali lebih mulia malah realistik kerana kepala

dan ekor saling bekerja. Ekor sudah melihat kepala lebih arif tentang arah jalan di hadapan mahupun di belakang

Ada kalanya kepala terlalu berkuasa. Namun anda sudah tentu pernah mendengar ekor juga lebih besar kuasanya daripada kepala. Ekor ini bukan sebarang ekor. Tidak kisah di abad mana atau di alaf yang mana dan musim-musim yang bagaimana anda akan bayangkan. Ekorlah yang memanjangkan usia kepala. Sebab itu kepala juga sering saja pusing kerana ekor yang terlalu panjang. Di mana kepala di situlah ekor. Ekor juga akan menentukan kepala harus ke mana dan di mana. Ke mana-mana saja ekor dan kepala ada bersama. Di mana-mana juga kepala dan ekor bersahabat baik. Baik dalam pengertian yang berbeza daripada pengertian yang biasa difahami. Baik juga dianggap tidak baik apabila kebaikan itu bermotifkan kepentingan sehalu. Apa tah lagi jika kebaikan itu bermakna putaran kehidupan kepala akan berlaku apabila kepala akhirnya menjadi ekor kerana ekor sudah pasti menunggu masa menjadi kepala. Jangan tidak berwaspada. Ekor yang pernah anda injak dan biarkan di dalam keluarga sampah saraf akan melakukan hal yang sama suatu waktu yang lain apabila sampah saraf menjadi negeri yang membanggakannya. Sampah dan saraf melambangkan kedaifan yang tidak selamanya daif. Di negeri sampah dan saraf ekor sudah pasti mempelajari segala bau memberi makna bagaimana bau itu boleh diubah menjadi bau yang enak dihidu. Segala ulat, bangkai, raungan lalat, rakusnya anjing-anjing dan malu-malu tikus akan mengubah senario negeri sampah dan saraf itu. Ekor yang berada di situ menjadikan pengajaran bau sebagai amaran kepada kepala-kepala yang selalu lupa bahawa di dalam kepalanya itu tidak semestinya otak tetapi lain misalnya batu atau kayu.

Benar, anda adalah ekor. Barangkali pada masa ini anda juga kepala. Sekali gus anda kepala dan juga ekor kepada kepala anda. Bagaimanakah ini? Kepala yang mengepalai ekor anda adalah ekor yang mengepala batukan kepala anda. Mengepala

kayukan juga sekali-sekala kepala anda sendiri. Kepala anda itu batu yang selalu disebut kepala batu. Di dalam kepala, kepala ekor yang anda punyai terlalu digambarkan seribu satu persoalan yang mahu dihuraikan. Sering juga digambarkannya bahawa ada orang yang disangkanya lupa tetapi sebenarnya andalah yang lupa. Kepala anda sudah terlalu tua. Kepala anda terlalu dipengaruhi usia tua anda itu. Tua kepala anda kerana ketuaan anda sahaja bukan tua kematangan anda. Anda tahu? Begitulah ekor anda. Ekor anda ikut kepala. Kepala juga ikut ekor anda. Kepala dan ekor sama saja. Ke hulu dan ke hilir tak ada beza. Kepala walaupun lebih tinggi daripada ekor, ini bukan persoalan yang harus ditimbulkan. Ekor selamanya memang di bawah. Kepala juga selamanya di atas. Itulah lambang kuasa.. Maka harus diingatkan bahawa kepala apabila menjadi ekor selamanya dia mungkin kehilangan kepalanya. Otaknya sudah berpindah ke buku lali. Atau menjadi perhiasan semata-mata di dalam lakaran para pelukis atau seorang sasterawan sezaman. Mungkin saja dihias di dalam bingkai dan diletakkan di dalam muzium kebangsaan. Hanya menjadi sejarah yang akhirnya menjadi bualan sekurang-kurangnya berbunyi begitu: kasihan, inilah kepala yang hilang!.

Saya bukan penentang kepada kepala saya sendiri! Ini amaran untuk kepala yang matanya digayakan hantu dan tua bangka!. Maksud saya hatinya juga sudah membeku. Jika pernah saya tekankan bahawa kumat- kamit mulut kepala yang ini hanya tahu memberi amaran kepada kepala kepada ekor-ekor yang padanya mudah diinjak-injak (maksud saya ideanya mudah dikesampingkan kerana keekorannya), memang benarlah demikian. Kepala yang ini tahunya mengepalakan kepalanya tidak lagi ekornya. Pergi jahanam dengan ekornya. Dialah kepala segala kepala. Bukan kepada kepala segala ekor. Ekor tidak memberi apa-apa konotasi yang mulia untuknya. Kepalalah untuk kepalanya. Ekor untuknya hanya tahu duduk di sebalik cermin dan berkata-kata tanpa didengarinya. Kepala mereka itu

sebenarnya kepala hantu yang berkepala-kepala dungu sebenarnya.

Sayalah ekor untuk kepala saya. Anda fikirkanlah bahawa saya ini hanya ekor dan juga kepala untuk diri sendiri. Jika saya kepala dan sayalah ekor mudah-mudahan ekor dan kepala berjalan seiring. Kepala tidak mengotak-ngatikan kepala-kepala yang punya ekor-ekor yang bebal dan kerbau. Apalah namanya kerbau tanduknya tak berguna langsung. Ekornya juga yang memberi khidmat menghalau lalat atau bangau. Apabila hidungnya dicucuk apakah peranan tanduk dan ekornya? Inilah dia yang tidak wajar dicontohi. Masyarakat kerbau memang tidak boleh memberi contoh kepada para kepala dan para ekor yang tahu nilai diri dan tahu menghargai ekor atau kepalanya.

Rupanya anda tidak memahami idea yang mudah ini. Mudah lagi kata seseorang meminta pelayan semangkuk sup ekor atau kari kepala ikan! Namun awas, ekor yang ini tidak memberi kebaikan yang baik seperti juga kepala yang beraroma itu. Anda mungkin tidak mati kebulur atau mengeringkan erti otak sebenar. Sebab itu kembalilah menjadi ekor setelah menjadi kepala. Kepala anda barangkali sudah besar, punya kuasa dan berkaliber yang menghakmilikkan suara yang besar, tingkah yang besar dan membosankan. Inilah yang melupakan akal anda terhadap ekor yang di bawah itu. Menjadi haiwan lebih senang daripada menjadi manusia. Menjadi manusia lebih mudah ketimbang menjadi insan yang menghargai daripada meminta dihargai. Maka nyatakanlah pendirian ada apakah anda sekarang ini kepala atau ekor?

Borneo Mail, 18 Mac 2001.

Sahabat Saya yang Hilang

JANGANLAH berkata kehidupan ini membosankan. Itu salah. Alangkah bagus anda memahami kebosanan itu seperti selalu dilakukan oleh salah seorang sahabat saya yang saya rahsiakan namanya. Saya percaya anda mengerti. Jangan sembarang menulis sesuatu tentang seseorang, yang kita suka atau tidak, kerana natijahnya bukan sembarang juga. Sedang untuk berkata-kata, anda boleh disenaraikan sebagai antara orang yang suka menceritakan hal orang lain. Dosa mengumpat, ya Tuhan, tidak ada tolok bandingnya dengan dosa-dosa memakan daging sahabat anda sendiri. Dan ini bukanlah mesej saya. Anda bacalah tulisan saya ini. Terserah, jika sanggup membaca teruskan, jika tidak, abaikan dan anda dipersilakan mengumpat saya pula sebagai manusia yang membosankan!

Tapi tidak sebenarnya. Saya ingin bercerita tentang seorang sahabat saya yang sudah lama tidak bersama. Antara sebabnya saya ini membosankannya. Tetapi yang membosankan sebenarnya dirinya sendiri. Anda tahu, sahabat saya ini suka melakukan sesuatu yang aneh-aneh. Dia seorang kutu buku. Dia juga kutu perempuan. Kutu embun. Kutu kata-kata. Ini menyebabkan saya hairan mengapa dia merasakan dirinya membosankan. Dalam banyak hal yang dilakukannya dia seorang yang ego, bangga diri dan selalu membesar-besarkan dirinya. Sesuatu yang tidak popular, dia boleh mempopularkannya tanpa segan silu. Anda boleh membayangkan seseorang yang tidak segan silu membuka baju di khalayak ramai. Dia suka mempamerkan pekung di dadanya!

Bukan itu saja. Satu hari di hadapan sebuah surau di kampung kami, sahabat saya ini melakukan sesuatu di luar pengetahuan para kariah kampung. Dia secara tiba-tiba bertenggek sama seperti ayam jantan belaan ayahnya. Dia mengeluarkan beberapa helai kertas dari poketnya seraya menyatakan tujuan dia begitu dan berada di situ. Saya waktu itu tidak sempat berkata apa-apa kerana baru selesai mengaminkan doa imam bersama makmum lain yang betah selesai solat fardu. Dia sebenarnya sedang membacakan sajak-sajaknya yang baru disiapkannya sebelum solat fardu maghrib.

Dia sedang membaca sajak. Ketika itu saya segera beredar dan duduk di perut kenderaan. Saya ingatkan sajak-sajaknya itu menarik. Sebenarnya tidak kerana kegemarannya satu yang tidak saya gemari, walaupun saya antara sahabatnya yang dekat, iaitu mengulang-ulangi isu yang dibangkitkan. Dia sebenarnya ketandusan idea. Entahlah, pemahaman saya sering tidak menjadi walaupun berusaha. Ketika saya bertanya dia tak pernah memberikan jawapan kecuali dalam baju egonya dia tinggalkan saya seperti patung.

Memang betul, dia bukanlah seorang penulis yang baik di kalangan kawan-kawan seangkatan kampung yang ada waktu itu. (Mudah-mudahan dia masih hidup sekarang ini. Saya minta maaf kerana menceritakan kepada pembaca yang sudiman). Sahabat saya ini belum berkahwin sejak perkahwinan tidak menjanjikannya sebuah kebahagiaan. Dia lebih gemar menghabiskan masanya menulis apa saja walaupun selalu mengulang-ulangi bahan tulisannya. Sebenarnya dia sedikit bijak. Sekiranya anda jarang membaca, anda tak mungkin dapat mengesan bagaimana bijaknya sahabat saya ini sehingga mungkin menarik pembaca menghayati tulisannya.

Mungkin berbeza dengan yang lain, saya tetap akan membaca, seperti dalam disiplin pembacaan saya, saya akan mengambil sesuatu yang baik dan mengabaikan sesuatu yang mencurigakan. Kadang-kadang memang membuang masa saja

sebenarnya menelaah tulisan sahabat ini. Jika dikata tidak berisi saya pasti sahabat ini hilang sabar. Dia boleh saja mengupah samseng memukul sesiapa saja walaupun mahkamah akhirnya hanya menghukum si samseng itu. Tapi sahabat ini tidaklah segarang itu. Dia malah lebih lembut daripada pondan sebenarnya. Hanya bila dia marah, dia boleh jadi serigala. Bila virus mula menyerang kepalanya, sahabat ini tidak pernah mempedulikan hal orang lain. Sama ada orang suka atau tidak, dia akan melakukan apa yang difikirkan. Saat itu saya pernah membisikkan di telinga ayahnya supaya menghantarkannya ke rumah pemulihan otak! Namun bukan persetujuan saya dengar tetapi tohmahan pula. Rupanya sahabat ini mewarisi penyakit yang dihadapi ayahnya! Apa? Bukan gila tetapi hampir kepadanya.

Sahabat ini pernah berkata kedewasaan kita sebenarnya dunia yang tolol. Manusia semuanya tolol. Dia berkata penuh semangat di bendang sawah ayah kami. Kami sama-sama menunggang kerbau pembajak. Anda yang membaca tulisan saya ini juga, dia akan katakan tolol kerana tak pernah memahami dirinya. Katanya, saya sudah kehilangan banyak perkara. Saya kehilangan teman hidup yang baik. Saya sering dihipit oleh derita yang tak kunjung padam. Sambil dideritai penyakit yang tak pernah diceritakannya, sahabat ini hanya berkata, saya sedang nazak sekarang ini. Katanya, saya sudah lama berada di dalam masjid diri. Merafakkan jemari memohon ampun dari Tuhan. Saya sudah menjadi makmum yang betah. Hanya kerana ingin memohon ampun yang sejati. Saya derita ditinggalkan kekasih! Maaf, katanya, aku sakit sekarang kerana kekasih yang entahlah, katanya lagi, apakah aku sebenarnya bertepuk sebelah tangan.

Dia selalu bangun waktu malam dan bercerita dengan alam khususnya embun. Saya sering menjangkakan bahawa akhirnya sahabat ini jadi gila. Mudah-mudahan tidak menjadi dan harapan saya ini sebenarnya menjadi kenyataan apabila dia

disahkan normal hanya ada sedikit kecacatan pada otaknya. Mungkin juga, kerana ketika itu saya teringat dia sebenarnya pernah jatuh dari belakang kerbau dan kepalanya terhentak ke tunggul kayu di bendang ayah kami. Doktor kaunseling itu berkata, sahabat saya ini terlalu menderitakan dirinya, bukan dideritakan oleh apa-apa atau oleh sesiapa. Doktor itu berani berkata, sahabat saya ini tolol dan bodoh orangnya. Pada mula saya naik geram juga mendengar keceloparan doktor itu. Tetapi saya memikirkannya semula dan memang ada benarnya.

Anda tentu ingat, sahabat saya ini pernah bertenggek di hadapan surau membacakan sajak-sajaknya, bukan? Doktor itu kata sahabat saya ini telah diabaikan begitu lama hingga mengganggu fikirannya. Saya tidak berani berkata begini: mungkin dia digilai oleh sajak-sajaknya yang tidak dilepaskannya beberapa tahun yang lalu. Untuk pengetahuan, sahabat ini sering diabaikan dan ditolak mentah-mentah. Satu anugerah yang sesuai dengan dirinya tidak beri kepadanya. Saya simpati dan pernah mendengar, sahabat ini tidak perlu diberi apa-apa pun kerana dia telah menerima anugerah yang paling wajar dari Tuhan. Kata mereka, dia diberi nafsu yang paling tinggi antara kita! Sekarang rasakan. Saya tak bertujuan menceritakan sungguh-sungguh tetapi memang benar bahawa sahabat saya ini memiliki nafsu yang tak tertara dengan nafsu yang dianugerahi kepada semua makhluk Tuhan.

Terutama sekali nafsu amarahnya. Jika tidak kerana ini, saya fikir, dia sudah menjadi wakil rakyat di kawasan kami. Dia boleh mengalahkan wakil rakyat kami yang ada sekarang ini, yang baru setahun jagung menjadi wakil rakyat tetapi sudah mendapat gelaran paling tinggi di sisi masyarakat. Sedang sahabat saya yang sudah menghambakan diri bertahun-tahun tetapi satu apa pun tidak diterimanya. Kononnya sahabat saya ini mahu juga digelar sesuatu. Atau sekurang-kurangnya dipilih menjadi wakil para pemikir di Dewan Undangan.

Katanya, bukankah bagus kita bersuara lebih sedikit di arena yang mulia itu. Saya hanya tersenyum mendengar seorang tolol berbicara. Tanpa bertujuan mengaibkannya saya menjadi mendengar yang setia. Sahabat ini bukan main gemar sekiranya ceritanya didengar dan malah dipuji. Satu hari beberapa tahun yang lalu, dia amat gembira kerana mendapat pujian. Saya tak mampu bercerita tentang ini kerana boleh menyinggung ramai orang termasuk yang pernah memujinya berlebih-lebihan. Dia pun berkata, bagusnya aku, kerana sekurang-kurangnya dipuji dan sejarah hidup dirakam. Katanya pada saya: cuba saudara pilih, sama ada saudara menulis sendiri sejarah hidup saudara atau ada orang yang merakamkan sejarah hidup saudara. Walaupun banyak cerita di situ kosong dan bohong! Bisiknya, apabila menyedari tak sesiapa mendengar dan mengetahui tembelangnya.

Sebab itu saya merasakan bahawa suatu pembbohongan yang nyata jika sahabat itu mengatakan hidupnya membosankan. Berumpukan pengalamannya yang lampau sudah wajarlah bosan bukan sahabatnya. Tetapi memang malang baginya barangkali. Jika bosanlah yang menjadi punca fikirannya celaru, saya ingin menukar pandangan saya terhadap sahabat saya itu. Saya tak mungkin memikirkan tentangnya lagi.

Memadailah sebuah kenangan terungkap dan cerita ini tidak akan bersambung bahkan panjang ke mana-mana. Saya ingin ingatkan anda jangan cuba panjang mulut. Jika akhirnya diketahui oleh mindamu atau hatimu atau matamu atau telingamu atau seluruh anggota tubuhmu, tolong musnahkan demi kebaikan anda juga. Agar nanti anda tidak seperti sahabat saya ini sekarang, hilang entah di mana. Selepas peta hidupnya hilang di tengah padang kebebasan, punca hidupnya berpindah randah dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan. Apakah wajar sekiranya kita sependapat dia harus ke tanah haram semula?

Harian Ekspres, 24 Mac 2002.

Seniman

KALAU dulu barangkali saya boleh mempercayainya seorang seniman. Seniman yang halus hati budinya. Seniman yang halus bicaranya. Seniman yang halus buah fikirannya. Seniman yang halus tindak lakunya. Seniman yang memang wajahnya wajar begitu memiliki kehalusan keindahan sebagai percikan dari sebuah hadis yang menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah itu maha indah dan Dia sukakan keindahan.

Hanya sayang sekali ini dulu tapi tidak sekarang.

Maafkan saya, katakanlah idea pada kali ini akan menjatuhkan air muka seseorang. Walaupun di akhir tulisan ini nanti saya akan tegaskan segalanya hanya rekaan tak ada bersentuhan kepada sesiapaupun baik yang hidup mahu pun yang telah mati, namun manalah tahu ada ungkapan-ungkapan yang menyentuh jiwa secara kebetulan. Tapi tolong jangan salahkan saya. Tugas saya amat jelas sebagai pencerita yang nanti jika mahu dijadikan ikhtiar, silakan. Atau ambil kedua-dua sekali, sama ada yang jernih mahupun yang keruh. Hikmahnya masih relevan, saya fikir begitu.

Ikutilah cerita saya yang terbaru ini.

Pada satu malam yang hanya kedengaran dengkur sahabat fikiran saya melayang ke saujana masa silam. Berbaur ke zaman kenyataan yang menamatkan pelayaran fikiran itu di sini di mana seorang yang telah tua renta duduk di anjung sebuah rumah sambil membaca sejumlah kertas usang. Tidak betah duduk dia berdiri dan mula melangkah perlahan-lahan dan dia memulakan satu adegan yang pernah anda lihat dalam

tamadun yang lalu. Mungkin anda meluat tetapi munasabahnya ada kerana dia harus melayan sesuatu yang menyegarkan ingatannya tentang satu zaman yang dia merasa dicemerlangkan. Jika tidak, dia akan menidakkan keadaan yang harus dilaluinya. Hampa, merana, papa, derita – tidak ada yang lain selain daripada itu. Anda faham bukan?

Dia separuh gila mengingatkan satu zaman yang tamadunnya hebat bagaimana seseorang itu akhirnya memilih menjadi seniman. Pada awalnya apalah yang dia tahu. Pengertian seniman itu sendiri baru saja diketahuinya apabila entah insan dari mana tiba-tiba menyenaraikan namanya sebaris dengan para seniman yang peranan mereka tidak perlu dipertikaikan lagi. Saat itu pun dia tidak mengetahuinya kecuali selepas salah seorang bekas isterinya memberitahu dia dinobatkan sebagai seorang seniman oleh seorang yang berkuasa. Saat itu juga dia tidak betah. Tidur, lenanya tidak seberapa. Minum dan makan seadanya. Jalan mundur-mandir ke hulu ke hilir. Dia sebenarnya menggambarkan betapa bangganya dipilih begitu. Seorang seniman, oh Tuhan, hebat juga aku ini. Aku seorang seniman dipilih oleh yang berkuasa. Saat itu walaupun kegembiraan paling nyata, dia sering diganggu panggilan atau e-mel yang kebanyakannya mengutuknya berbanding mengucapkan tahniah. Termasuklah saya. Saya bersalam mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Malangnya, saya hanya merasa genggam tangan biasa jemarinya tanpa pandangan mata yang ikhlas, senyum yang manis dan juga ucapan balas yang jelas.

Sebenarnya seniman ini biasa mendapat kutukan. Walaupun otak saya selalu dijanakan untuk melayan rasa hati betapa simpatinya saya terhadap seniman ini, saya masih tidak tahu mengapa nasibnya begitu. Dia kelihatan biasa dan buat tak tahu. Kutuklah. Mereka dapat apa. Aku dapat sanjungan. Aku dapat ganjaran. Aku dapat kepercayaan. Aku dapat kutukan tapi wajar aku bersusah hati barang sedikit pun! Katanya di hadapan

para sahabat termasuklah saya waktu itu . Secara kebetulan bersalam dengan salah seorang sahabatnya yang juga ayah saudara saya. Saya mungkin kagum tapi kerana memang benar dia harus menerima kutukan, saya hanya menyatakan begini: anda memang kuat dan tabah. Mungkin kata-kata saya itu masuk ke dalam kepalanya. Dia terdiam mematikan gerakan mulutnya yang tidak henti bercakap menyatakan bahawa dia memang hebat.

Seorang seniman yang mencarut. Tiba-tiba saya membaca sebuah e-mel seorang pengamal perubatan tradisional. Seorang seniman yang mencarut harus dikutuk para seniman sendiri, sambungnya. Seorang seniman yang mengadakan sesuatu secara berlebih-lebihan. Seorang seniman yang lupa daratan selepas dilambung gelombang pujian. Seorang seniman yang dangkal terhadap kemampuannya. Seorang seniman yang tidak memahami siratan kehidupan. Seorang seniman... bacaan saya terhenti di situ. Seharusnya yang ini disensor saja. Sungguh mengaibkannya jika tersebar. Sudah tentulah si pengamal perubatan tradisional ini akan menghadapi tindakan undang-undang. Seperti yang selalu dialami oleh para pengkritik karya sastera yang kesasar kerana menilai penulis bukan karya akhirnya membawa padah apabila harus membawa sejumlah wang untuk menutup malu.

Dunia sekarang semakin sempit. Pemikiran menjadi rakus terhadap hal-hal yang remeh-temeh sambil populariti selalu menjadi penyebab untuk melakukan apa saja termasuklah membuat tindakan dalam bentuk yang berbeza. Seorang pengarang juga tidak lama kemudian menghadapi tindakan yang sama kerana dikatakan salah tafsir terhadap spekulasi seorang pengamal politik tempatan. Barangkali tidak ada jalan keluar untuk menutup aibnya kerana dengan tersebarnya laporan di media telah menjejaskan kredibilitinya sebagai seorang yang akan memimpin sebilangan kecil pengikut.

Padahal memanglah dia tidak mampu memimpin. Hanya disebabkan kedudukannya sebagai seorang ahli korporat dan mempunyai sejumlah wang dan kemewahan, dia berhak melakukan apa saja. Para artis apa lagi tetapi yang ini tidaklah penting kerana kelangsungan kehidupan mereka penuh dengan andaian-andaian, gosip, populariti, seliberti dan sebagainya. Maafkan saya terkeluar sedikit daripada landasan cerita sebenar. Jangan tanya apa yang saya maksudkan tentang si seniman buat terhadap sesuatu yang harus menjadi rahsia. Hanya Tuhan saja yang menceritakan kepada dirinya suatu waktu nanti. Atau seluruh anggota badannya melaporkan peranan masing-masing bagaimana seniman itu melakukan perbuatan yang memalukan.

Memang benar seniman ini selalu mencarut. Mengadakan bahannya untuk kelihatan menarik dan dipercayai. Kebenaran hanya kelihatan apabila bahannya itu ditelaah, dihayati, diteliti dan diberikan bintang. Namun dia tidak mengerti ketika dikatakan mencarut. Saya ingin menyibuk sedikit tanpa niat membuka aib di ruangan mata anda semua. Saya memanglah serba tahu tentang seorang seniman yang akhirnya menjadi tua renta, tua bangka yang kurang sadar tentang dirinya yang sudah tidak betah melawan penyakit. Seorang seniman yang bodoh sombong melakukan pencarutan bahasa yang memualkan. Seorang seniman yang pidatonya kucar kacir akibat memusatkan minda ke arah satu perkara lumrah dan tidak berjejak di bumi malah sesuai ketika dirumuskan oleh seorang seniman yang lebih muda bahawa seniman yang seorang ini sudah separuh tidak sedarkan dirinya. Hanya Sigmund Freud saya yang boleh membuat keputusan muktamad. Dia mungkin juga miring sebagai individu yang neurotik, yang mempunyai perasaan yang tidak stabil dan bersikap kurang matang. Sebagai orang dewasa yang kurang matang tentulah ironis begitu tetapi tidak hairan kerana memang wajarlah dia dikatakan demikian. Semakin banyak berkata-kata semakin jelas ketidak matangannya. Semakin jauh pergi akal nya semakin hidup

ketidakmatangan-nya. Terutama terhadap perkara yang terlalu peribadi.

Dia sering melakukan spekulasi yang bukan-bukan. Tetapi tentulah tidak sehebat George Soros, spekulator mata wang itu. Kalau dalam bahasa mudah, dia seperti seorang pengarang yang mereka cerita hingga sampai ke paras fitnah. Dia mereka kisah berasaskan bayangan separuh gilanya dan tidak matang akalnya. Demi mencapai rasa puas, dendam kesumat dan serba dengkinnya yang menjadikan hari ke hari dia mendarat di lapangan kegilaan yang tersendiri. Katakanlah ketika dia memasuki tandas, dia sudah tidak dapat membezakan mana satu tandas yang sesuai untuknya hingga pada satu ketika dia mendengar beberapa orang berteriak. Dia juga gagal membezakan bahawa di hadapan itu seorang wanita yang dia percaya isterinya tetapi tidak merasakan isterinya itu seorang bernaluri perempuan. Dan pada satu keadaan yang lebih menyeronokkannya dia menggambarkan keindahan melayari kehidupan neurotiknya terhadap seseorang yang baginya mengabaikannya. Mengabaikan perasaannya, mengabaikan nalurnya, mengabaikan sindrom gatalnya, mengabaikan segala isyarat yang disampaikan olehnya menerusi pelbagai cara.

Apakah yang anda fikirkan tentang seniman seperti ini masih berada di tengah padang terbuka melakukan aksi yang lumrah untuk akalnya tetapi meninggalkan impak yang janggal kepada orang lain? Atau biarkan saja kerana penilaiannya akan bermula hanya setelah sebuah perjalanan berlaku. Selepas itu barulah menoleh ke belakang. Apakah yang anda pandang selain penyesalan dan untuk melihatnya biasa anda pun merumuskan semua itu terjadi secara kebetulan.

Berlakulah perdebatan terbuka menandakan persoalan kemampuan-nya yang bergelar seniman itu. Jika dulu sebutan namanya manis di bibir orang lain sedangkan sekarang dia hanya digambarkan sebagai seniman nyanyuk. Hingar bingar persoalan ditumbuk ke arah akal fikiran yang kucar-kacir itu

hingga dia separuh gila. Dan seperti apa yang saya fikirkan pada satu malam selepas melawat rumah warga tua di Lembah Kinarut. Saya masih mengecamnya melalui pakaian yang dipakai: warnanya, jenisnya, bentuk baju dan seluarnya yang biasa anda lihat juga sebenarnya.

Rambutnya tidak lagi gondrong hanya sedikit menghias kepalanya yang sepatutnya sudah berwarna. Wajahnya murung kecuali ketika beberapa wanita menemuinya: agak saya itulah anak-anaknya dari beberapa orang isteri yang menurut mereka terpaksa menempatkan ayah mereka di lembah itu. Saya baru teringat bahawa sekarang ini telah melewati zaman untuk bersama ayah atau ibu. Meski kasih sayang tidak pernah pupus tetapi contoh yang saya pernah lihat sekarang jauh membenarkannya. Tapi wajarkah seorang seniman berada di situ dijaga oleh orang lain dan bukan anak-anak sendiri sambil sejarah merakamkan penghujung usianya sebagai seniman nyanyuk?

Utusan Borneo, 17 April 2002.

Memilih Diam

KATA seorang sahabat, kehidupan ini menyediakan insan dua pilihan. Menang dan kalah. Benar dan salah. Bahagia dan derita. Dan segala macam yang mempunyai nilai yang bertentangan makna. Hanya satu sahaja pilihan-pilihan itu akan dimiliki, katanya lagi. Jika memilih kalah tentu melupakan tentang kemenangan meskipun itulah yang diimpikan. Jika tidak bahagia pasti derita jawapannya apabila diajukan pertanyaan: apakah anda bahagia?

Akhirnya kita diminta membuat pendirian. Mesti memilih salah satu, bukan kedua-duanya sekali. Bukan juga tanpa membuat pilihan. Mustahil kita tiada pendirian langsung terhadap pilihan itu. Tanpa melakukan pilihan kita akan dikatakan tidak berpendirian. Kita akan dipersoalkan. Sahabat itu bercerita lagi dan inilah ceritanya:

Apakah aku masih berpeluang menjadi insan seperti insan lain yang mulia? Ah, soalan ini bukanlah aku yang akan menjawabnya. Bukan juga orang lain kerana orang lain hanya tahu menilai daripada perspektif mereka sendiri, yang selalunya berbau kezaliman yang amat nyata. Kecuali yang ada pertimbangan tapi itu pun bersebab. Aku memang terlalu kerdil. Aku sebenarnya ingin melawan kata hatiku sendiri. Aku ingin menjadi insan yang teguh dan berpendirian.

Memang aku harus memiliki pendirian. Aku mesti mengekalkan pendirian itu. Aku telah berani melaluinya. Sambil pada waktu yang sama meninggalkan yang lain. Walaupun tak ada kesedihan tetapi kenangan selalu mengajar dan

mengingatkan kesiapaan aku itu. Kehadiran aku di antara sesiapa yang membentuk peribadi, pemikiran dan juga pendirianku. Aku kini tidak punya kedudukan yang jelas dalam sebuah institusi keluarga. Apakah aku harus menafikannya atau aku harus juga berkata bahawa aku masih berada di dalamnya walau tanpa sesiapa. Keluargaku adalah diriku sendiri. Aku menjadi pemimpin kepada diriku sendiri. Apakah aku berjaya memimpin diriku yang juga elemen sebuah pembentukan keluarga?

Terlalu banyak persoalan yang mendambakan jawapan meski bukan saat begini. Aku menjadi semakin kurang gerak. Aku mencari diriku yang tiada di antara yang ada. Perasaanku dan naluriku yang paling agung untuk diri insan. Ketika aku mengabaikan yang lain aku juga telah mengabaikan diriku sendiri sebenarnya. Aku harus selalu sedar tentang ini. Kerana itu aku harus punya pendirian dan meletakkan pendirian itu di hadapan bukan di belakang atau pada ketika keadaan yang memaksa sambil berkata aku sebenarnya ada pendirian yang harus aku akuri. Ketika aku mengenang seseorang, aku harus berani meletakkan pendirianku. Aku tidak harus kalah dalam sebuah pertarungan peribadi. Aku melewati ruang yang amat mencabar kewibawaan. Mungkin aku lebih memilih diriku dan bermuhasabah di dalam lingkunganku tanpa ada sesiapa.

Dan sekarang, siapakah yang tidak mempunyai pendirian? Aku suka merujuk kepada persoalan diri dan seseorang yang pernah mentohmah malah lebih teruk daripada itu. Aku menjadi malas menghidupkan telefon tanganku. Ketika aku memilih untuk berdiam diri dan aku tetap dipersoalkan. Dalam banyak hal, bukankah berdiam diri itu salah satu jalan untuk mencari jawapan kepada pendirianku. Diam juga merupakan suatu bicara yang panjang. Hanya tidak menyatakan apakah pilihanku.

Salahkah berperilaku begini?

Aku menghilangkan diri untuk kembali kepada diriku yang sebenar. Itulah kenyataannya. Selama kukeluar dari diriku,

entah apakah segala laku yang diperbuat sebenarnya betul atau sesungguhnya tidak. Sebenarnya apa yang aku inginkan itu benarkah? Atau sesuatu yang kuimpikan itu tidak benarkah? Dan menuntut aku membuat pilihan. Aku mesti berpihak kepada diriku. Barangkali aku terlalu hipokrit. Mementingkan diri sendiri. Mendera diri orang lain. Menghancurkan luluhkan perasaan orang lain. Sengaja menyatakan rasa benci dan sebagainya. Menderitakan kehidupan orang lain dan sebagainya. Tapi sebenarnya tidak ada perasaan yang lebih hebat selain menerima apa sahaja atas alasan takdir!

Sedangkan orang lain itu adalah ... Apakah wajar memperkenalkan seseorang itu? Sudah pasti itu bukan jawapanmu untuk suatu saat diamku sering memberikan amaran! Siapakah yang tidak kenal seseorang yang telah melalui kehidupannya yang diceritakan kepadaku dan entah tiba-tiba aku berada di dalam kehidupannya meski hanya untuk beberapa waktu. Waktu yang hanya mencuri masa usiaku. Nilai waktuku berharga sewaktu ruang sunyinya begitu papa walaupun kegelisahannya boleh dibayar dengan warna mewah, huluran ganti rugi kepada kehilangan erti remajanya. Dirimu - seorang primadona yang berani, gigih, tabah dan sangat nakal. Maaf, barangkali ada tanggapanku yang tidak disebut dan amat mengaibkan. Benar, tanggapanku ini walaupun kehidupan itu tak pernah akan berulang. Perulangan merupakan sebuah pembunuhan kepada pendirian yang pernah dilafazkan.

Barangkali tidak sama seperti ketika mengalaminya dalam sebuah kehidupan di sisimu itu seseorang tetapi tidak lagi menikmati sesuatu yang mesra. Kemesraan hanya pada ketika bulan mengambang penuh dan kau memerlukan bintang di langit kelam. Apa saja yang wajar telah menjadi hakmu. Tanggungjawab seorang lelaki yang pernah melafazkan takliknya dulu hanya berlaku pada huluran wang ringgit dan kemewahan serta kebebasan - tidak lebih daripada itu. Kebebasan tanpa batas. Ke hulur ke hilir mencanai kerinduan

terhadap kebebasan yang dipenjarakan oleh status seorang suri. Insan apakah ini? Dan wajarlah sewaktu aku menggelarnya seorang yang hipokrit hanya tahu untung diri sendiri sambil pada masa yang sama akulah menjadi sasaran hingga aku dipenjarai diamku.

Begitukah insan? Baik fikirannya atau tingkah lakunya yang sering berubah-ubah. Juga pendiriannya. Perubahannya ialah bertukarnya pendirian seseorang. Oleh kerana tiada pilihan lain pendirian baru mesti dinobatkan. Pendirian baru mesti direalisasikan. Walaupun terpaksa membunuh pendirian lama. Pendirian yang pernah diikat jalin dengan kemas. Pendirian yang pernah digambarkan sebagai sebongkah emas yang amat bernilai. Tapi hanya waktu-waktu tertentu sahaja selagi belum menemui pendirian yang baru. Akhirnya pendirian itu tidak menjadi suatu yang benar. Waktu yang dilalui berlalu seperti tidak berlaku apa-apa. Pandangan menjadi seperti biasa. Lautan tetap berombak bergelora. Pasir diubah-ubah olehnya. Dan aku menjadi pengunjung mengabadikan riwayat kenangan di bawah nyiur dan ru.

Aku sungguh terkesima. Mungkin kenangan itu indah namun ingatan tetap saja menyayat hati. Apabila saling bunuh-membunuh pendirian-pendirian yang tidak setegap pohon jati, insan tidak dapat memilih jalan yang lebih selamat. Selepas ini, entah. Apakah pendirian itu berubah hanya kerana terpaksa memilih bahagia? Atau apakah apabila terpaksa memilih menang? Rasionalnya, kita harus memilih apa yang benar. Tidak mungkin seseorang itu memilih yang salah. Walaupun ketika memilih benar sebenarnya dia memilih yang salah. Padanya tentu tidak seperti yang beradu dalam fikiran. Bagaimana mungkin mempercayai seseorang yang pernah berkata tetapi menampilkan muslihat yang berterusan. Ah, karut!

Ketika ingin menyampaikan sesuatu aku masih mencarinya meskipun yang bergerak hanyalah sebuah perjalanan mindaku. Ketika suatu hari yang paling bahagia untuk dirinya,

tentunya, aku ingin mengutus kad ucapan sebagai tanda masih ada ingatanku untuknya. Tapi siapakah yang mahu membacanya jika tiada jalan yang membolehkan dia menerimanya. Ketika puteriku mencadangkan, ayuh kita cari seseorang itu. Mungkin itulah jalannya. Tetapi apakah jalan itu betul? Apakah jalan itu tepat? Apakah jalan itu boleh menemukan sesuatu atau boleh membunuh pendirianku?

Akhirnya aku memilih berdiam diri.

Aku mendekati seseorang yang lain, yang lebih membawa pengertian. Mendekati seseorang yang kukagumi. Seorang anak bangsa yang berani. Seorang warga negara bangsa yang teguh menancapkan pancang-pancang kebenaran, pancang-pancang keadilan.

Semua orang dipinta membuat pendirian mereka hanya kerana mahu meletakkan seseorang itu di tempat yang mereka sediakan iaitu kejatuhannya. Dan seperti diriku, tanpa pendirian akan dipersoalkan. Seseorang akan dipersoalkan kedudukannya dalam suatu organisasi kerana semata-mata tidak menyatakan pendirian mereka. Walaupun mereka tahu bahawa pendirian yang ingin dinyatakan itu sesungguhnya akan membunuh pendirian sebenar mereka.

Aku bosan membaca surat khabar atau menonton TV. Membuka situs demi situs pada internet untuk mengalihkan sasaran minda daripada hanya membaca segala macam kepalsuan. Aku percaya kepada ketakpercayaan yang dilaung-laungkan. Aku percaya kepada ketaktelusan kata-kata yang diluahkan. Aku percaya kepada pendalihan yang ditabiri tohmahan, penghinaan, tuduhan dan sampai ke puncak kezaliman abad lalu. Tapi aku tak percaya kepada keangkuhan yang menebang pohon-pohon keadilan. Kemajuan bangsa dan negara bangsaku tidak punya erti apa-apa jika kemakmurannya telah dipadang jarakkan oleh sifat-sifat paranoid dan megalomania.

Di manakah diri kita saat ini? Sahabat itu menciri dirinya. Di manakah erti kemerdekaan kita pada saat ini. Apakah makna kemerdekaan yang telah kita lalui selama empat puluh lima tahun itu akan hapus begitu sahaja. Hanya kerana ingin mempertahankan sesuatu segala yang haram diubah menjadi halal. Agama menjadi komoditi politik. Undang-undang menjadi senjata dan ugutan. Raksasa kuasa mencengkam segala bidang dalam banyak perkara. Nafsu serakah meluap-luap membakar kemurnian cipta bestari pembangkit revolusi. Memantau penganiayaan sebagai suatu kepastian dan menjadi suatu kemestian. Membunuh peribadi seseorang dengan ketajaman kuasa dan menyalah ertikan kesucian kuasa itu semata-mata kerana kegusaran yang keterlaluan. Paranoid!

Barangkali kita harus bertanya, adakah diri kita saat ini. Saat kita menyatakan sebuah pendirian yang dipaksakan. Benarkah kehadiran kita itu merupakan kehadiran yang sebenarnya. Aku semakin bingung melalui semua ini. Aku seperti insan kecil yang lain semakin dirunsingkan, semakin di bingungkan dan semakin dicurigakan.

Ketika anda bertanya, aku akan menjawab begini: yang mengetahui hanyalah diriku sendiri. Yang menghayati kehidupannya sendiri hanyalah diriku dan tak mungkin ada yang memahami. Aku melalui perjalanan yang telah kulakukan dengan penuh kesengajaan walaupun aku tidak pernah tahu di hujungnya ada apa, apa dan apa serta bagaimana. Selain mengimpikan sesuatu tetapi sesuatu itu juga terlalu awang-awang dan angan-angan meskipun aku telah menghayatinya. Ada keyakinan untukku mencapai ilusiku itu tetapi siapakah yang boleh menerima jika kukatakan begitu? Tak ada lain selain hatiku sendiri. Dan Tuhan sebenarnya. Aku tahu Dia amat murka kepadaku. Tapi aku tahu masih ada ruang untukku pulang. Pulang ke rumahku yang sebenar iaitu diriku sendiri.

Dan aku tetap memilih diam!

*“Hanya burung-burung sunyi mengerti
angkasa rasa ini
kembara yang berdenyut
bunyi irama
mengakrab lestari
mahabbah mengakar abrar*

*Hanya perjalanan memahami hari
yang dilalui
merawat riwayat luka*

*Hanya dibasahi gerimis senja
gelombang terakhir tak menyapa apa-apa
dari bibir hanya bungkam dalam derunya
biarlah amarah dibasahi diam yang memenjara.”*

Harian Ekspres, 26 Januari 2003.



HASYUDA ABADI adalah nama pena Sukor Usin. Dilahirkan pada 1 September 1960 di Kampung Lumadan, Beaufort, Sabah. Mencenderungi puisi di samping cerpen, esei kritikan dan drama. Hasyuda menerima Hadiah Sastera Malaysia bagi genre puisi pada tahun 1985 dan Hadiah Sastera Sabah pada tahun 1989, 1991, 1998, 2000, 2002 dan 2004 bagi genre puisi dan cerpen. Hasyuda pernah mengikuti

Program Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 1987 di bawah asuhan penyair Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah dan Program Penulisan Majlis Bahasa dan Sastera Asia Tenggara (Mastera) di Pusat Pengembangan Bahasa, Jakarta pada tahun 1997 di bawah pimpinan Dr. Sapardi Joko Damono, Dr. Abdul Hadi W.M dan Taufik Ismail. Pencapaian terbaik Hasyuda dalam bidang penulisan yang lain ialah meraih hadiah kedua dalam Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas DBP Cawangan Sabah (1995), Hadiah Penyajak Terbaik Berita Sabah (1997), Hadiah Tinta Sastera (1999) dan Hadiah Karya Sulung (2002). Sehingga kini Hasyuda telah menghasilkan lebih 1,000 buah puisi, 40 buah cerpen, 35 buah esei sastera dan 5 buah skrip drama pentas. Kini Hasyuda memimpin *Ikatan Penulis Sabah* (IPS) di samping menjadi ahli *Majlis Bahasa dan Sastera Sabah* (MBSS) juga merupakan Pengarah Urusan *Institut Penilaian Sastera* (INPES). Hasyuda mendirikan rumah tangga dengan Puan Yazidah Yau Abdullah dan telah dikurniakan dua orang puteri – Syahzierah dan Syahfierah dan seorang putera – Muhammad Yazin. Pada masa ini Hasyuda berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penerangan/Pilihan Raya di Pejabat Pilihan raya Negeri Sabah.

“Saya mengakui akan kehebatan Hasyuda Abadi dalam bidang puisi seperti yang beliau sendiri akui dalam proses kreatifnya (Wadah, Mac & Jun 1995), “Puisi merupakan genre sastera yang saya kuasai.” Kini Hasyuda terjun pula dalam genre prosa, yang sentuhannya pada saya, tidak kurang hebatnya dengan genre puisinya.” - Daniel Jebon Janaun

“Hasyuda Abadi—seperti yang kita kenali—ialah seorang penulis puisi. Karya-karyanya mendapat tempat di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Sebagai penulis puisi tidaklah menghairankan jika gaya penulisannya dalam cerpen amat mirip kepada puisi.” - Janathan Kandok

BUKU-BUKU LAIN:

Balada Paduka Mat Salleh (1989)
Akar Cahaya (1997)
Datang Kembali (1997)
Menginai Badai (2004)